
USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

مڠنل ديري ملالوي راس هاتي



Mengenal Diri melalui rasa hati

DISUSUN OLEH: USTAZAH KHADIJAH AAM



مڠنل ديري ملالؤي راس هاتي

Mengenal Diri melalui rasa hati

OLEH: USTAZ ASHAARI MUHAMMAD

01-15-16

● cetakan I April 1985;
● Cetakan II Oktober 1985; ● Cetakan III Julai 1986;
● Cetakan IV Ogos 1987; ● Cetakan V November 1987;
● cetakan VI April 1988; ● Cetakan VII September 1988;
● cetakan VIII November 1988; ● Cetakan IX Januari 1989;
● cetakan X Oktober 1989; ● Cetakan XI Ogos 1990;
● cetakan XII April 1991.



Penerbit

Shoutul Arqam
'159-A. Jln. Aminuddin Baki
Taman Tun Dr. Ismail
60000 Kuala Lumpur. Malaysia
Tel: 03-7 198637

Muka taip teks: New Baskerville
Saiz taip teks: 11 poin

Rekabentuk kulit

Unit Rekabentuk Shoutul Arqam

Aturhuruf dan Rekaletak

Agensi Al Arqam
(Perkhidmatan ***Desktop Publishing)***
159-B Jalan Aminuddin Baki,
Taman Tun Dr. Ismail,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 7179184 Fax: 7184422

Pencetak

Vin Lin Press Sdn. Bhd.
56, 1st Floor, Jln. Radin Anuml.
57000, Kuala Lumpur.
Malaysia.

DARI HATI KE HATI

Kepada semua yang sentiasa
mendoakan aku maka inilah ucapan terima kasihku:

ANDAIKATA satu dari anggota-anggotamu tidak lagi dapat digunakan, engkau masih wajib bersyukur pada Tuhan kerana masih ada 1001 jenis anggota lagi yang ada pada dirimu yang masih boleh digunakan.

TIDAK mengapa kalau kakimu sakit, asalkan hatimu tidak sakit. kerana kalau kakimu sakit, engkau hanya tidak dapat berjalan, tapi kalau hatimu sakit, engkau akan hilang kebahagiaan.

DUA bulan aku terlantar sakit, rupanya Tuhanku mahu aku belajar terutamanya mengenal diri sendiri

DALAM buku ini adalah sebahugian dari pelajaran yang kuperolehi semasa aku terlantar sakit akibat kemalangan jalan raya.

RUPANYA begitu pendidikan Tuhan yang Maha Hakim lagi Rahim, di dalam bala ada rahmat.

Syeikhul Arqam
Ashaari Muhammad

KANDUNGAN

	Prakata	i
	Muqaddimah	1
1	Amalan Lahir (Syariat) dan Amalan Batin (Hakikat)	13
2	Bukti-Bukti Susahnya Mengamalkan Amalan Batin	19
3	Cara-Cara Mendapatkan AmaIan batin	31
4	Sebab-Sebab Hati Terhijab	91
5	Derhaka Dalam Taat	109
6	Tanda atau Sifat-Sifat Orang Yang Mendapat Amalan Batin	127
7	Perihal Kehidupan Orang-Orang Soleh	139
8	Kata-Kata Hikmah Dari Orang-orang Soleh h	147
9	Renungan Yang Patut Diambil Perhatian	165
	Penutup	171

Prakata

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمد لله نحمده ونستعينه ونستغفره ونعوذ
بالله من شرور أنفسنا ومن سيئات أعمالنا من يهدى
الله فلا مضل له ومن يضلله فلا هادى له
والصلاة والسلام على رسول الله
وعلى آله وصحبه ومن تبعه ووالاه .

SAUDARA,

Sedang berlaku di hadapan mata kita kini penyakit-penyakit putus asa, kecewa, resah .gelisah, penderitaan jiwa, kacau bilau fikiran, rasa rendah diri (*inferiority* complex), kesunyian, kekosongan hati, rasa keseorangan (loneliness), ketegangan perasaan dan berbagai-bagai lagi bentuk sakit jiwa. Dan sedang berleluasa juga di dalam masyarakat Islam hari ini penyakit-penyakit hasad dengki, bakhil, gila dunia, pendendam, cepat marah, jahat sangka, sombong, riak, ujub dan lain-lain.

Walaupun sakitnya tidak nampak oleh mata ka-

sar kita, namun siapa berani menafikan hakikat ini? Bahawa bilangan orang-orang yang menderita sakit atau krisis jiwa di saat ini lebih ramai daripada bilangan penderita-penderita sakit fizikal yang ada di hospital-hospital. Tetapi aneh, kepakaran dan keintelektualan tidak begitu serius difikirkan untuk pengubatan kepada pesakit batin ini, sepertimana seriusnya mereka berusaha terhadap pengubatan fizikal lahiriah manusia.

Saudara,

Apakah mereka tidak sedar bahawa pesakit jantung, buah pinggang, kencing manis, barah dan lain-lain itu tidak pernah bunuh diri dan membunuh orang lain? Tetapi pesakit-pesakit batin, pesakit jiwa, kekosongan, rendah diri, putus asa, hasad dengki, dendam, pemarah, buruk sangka dan lain-lain itu akan memungkinkan manusia membunuh diri sendiri atau membunuh orang lain?

Demikian satu bukti bahawa penyakit-penyakit batin itu sebenarnya memerlukan perhatian dan rawatan yang lebih serius daripada rawatan kepada penyakit-penyakit lahir.

Bukan sahaja kerana penyakit batin lebih menyeksakan individu pesakit, tetapi ia bakal memungkinkan kusut dan kucar-kacirnya sesebuah masyarakat.

Telah datang Nabi Muhammad SAW ke tengah manusia. Baginda melihat kekusutan dan kemungkaran yang sedang meracuni kehidupan masyarakatnya.

Seorang diri baginda bangun dan bekerja untuk menyelamatkan manusia. Institusi pertama yang baginda bangunkan ialah masjid, satu tempat di mana manusia membersihkan hatinya, melembutkan hatinya, menenangkan hatinya, melapangkan dadanya, membebaskan diri dari ikatan dunianya, iaitu

dengan membesarkan Tuhannya melalui sembahyang dan ibadah-ibadah lain.

Rasulullah memandang keselamatan ,manusia ialah pada keselamatan hatinya (rohnya) bukan jasad lahirnya. Sebab itu baginda bekerja mengubah dan mengubat hati mereka dan baginda berjaya.

Saudara,

Kita kini sedang melihat kekusutan dalam masyarakat kita sama sebagaimana apa yang disaksikan oleh baginda Rasul lebih 1400 tahun dulu. Kalau baginda telah berjaya terhadap masyarakatnya, mengapa kita tidak mengikut jejak langkahnya?

Kita ubati dulu mazmumah dan krisis jiwa kita, ahli-ahli kita dan masyarakat kita. Kita ketengahkan pada masyarakat pengertian hidup yang hakiki yang dapat mengembalikan manusia pada fitrahnya.

Kita contohkan satu formula yang menjamin kebahagiaan hati dan keselamatannya. Kita perjuangkan kehidupan "sunnah" yang semuanya membawa manusia kepada syurga dunia dan akhirat.

Saudara,

Mana ada selain Islam satu cara hidup yang dapat menjadikan kita terhibur dengan kemiskinan, kesunyian, kesakitan, keseorangan, kematian orang yang dikasihi, kegagalan dan dengan segala bentuk ujian.

Mana ada selain Islam cara hidup yang mengikat hati antara suami dengan isteri, anak dengan ibu bapa, pengikut dengan pemimpin, pekerja dengan majikan? Mana ada selain Islam cara hidup yang mengajar kita berkasih-sayang, bertolak-ansur, pemurah, berbaik sangka dan tolong menolong? Mana ada selain Islam cara hidup yang membangkitkan cinta agung manusia pada Penciptanya hingga kerana itu

manusia mengorbankan hidupnya untuk Tuhannya dan menanti kematian sebagai penantian seorang kekasih kepada pertemuan dengan kekasihnya?

Saudara,

Islam mengajak kita menelek hati kita, mengenalinya dan mengubat sakitnya. Apabila hati sudah terubat, saudara akan temui hati-hati saudara penuh dengan “cahaya” kebahagiaan, ketenangan dan kelapangan. Dan itulah syurga sementara sebelum saudara bertemu Allah untuk menerima syurga yang kekal abadi.

Buku ***Mengenal*** diri ***melalui Rasa Hati*** ini memandu saya dan saudara untuk melegakan krisis jiwa, ketegangan fikiran dan kejahatan batin kita. InsyaAllah. Mudah-mudahan kita akan perolehi keselamatan dan kebahagiaan hidup sebagaimana yang Allah janjikan.

Dengan berkat kebesaran-Mu ya Allah, Nabi dan Rasul-Mu Muhammad SAW serta keluarga dan sahabat baginda, wali-wali-Mu, khususnya Syeikh Muhammad as Suhaimi, jadikanlah ya Allah, buku ini sebagai ubat pada jiwa kami dan selamatkan hati-hati kami sebagaimana keselamatan yang Engkau maksudkan dalam firman-Mu: ,

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Terjemahannya: Hati Qiamat iaitu hari (ketika manusia ***meninggalkan*** dunia ***ini) di mana*** ***har-’*** ta dan anak ***tidak berguna lagi kecuali mereka yang mengadap Allah membawa hati yang selamat***

(Asy Syuara’: 8889)

"Ya Allah, terimalah amalanku ini sebagai amal soleh dan pahalanya kuhadiahkan kepada almarhum ayahanda dan bonda serta guru-guru tercinta. Dan ya Allah, dengan buku ini, jadikan kami cinta pada-Mu dan agama-Mu dan lebih gigih berjuang untuk menegakkan kalimah-Mu."

Wabillahil hidayah wat-taufik.

Hamba yang mengharapkan keampunan Tuhan:

Ashaari Muhammad



TIDAK mengapa kalau kakimu sakit, asalkan hatimu tidak sakit. Kerana kalau kakimu sakit, engkau hanya tidak dapat berjalan, tapi kalau hatimu sakit, engkau akan hilang kebahagiaan.

Muqaddimah

ISLAM yang Allah redhakan kepada kita yang disampaikan melalui pesuruh-Nya Nabi Muhammad SAW adalah satu syariat yang menyuluh persoalan hidup lahir dan batin.

Syariat lahir disebut syariat. Syariat batin disebut hakikat. Ini amat patut dan sesuai dengan struktur kejadian manusia itu sendiri yang mana merupakan kombinasi dan paduan antara jasad lahir dan jasad batin.

Jasad lahir ialah semua anggota kita yang nampak dengan mata kasar. Manakala jasad batin ialah jasad ghaib yang menggerakkan seluruh anggota lahir yang boleh berfikir, merasa, mengingat, mengetahui, memahami dan apa sahaja yang kita miliki dalam diri kita masing-masing (yang lebih dikenali sebagai roh).

Allah SWT menetapkan bahawa syariat lahir adalah untuk diamalkan oleh jasad lahir manakala syariat batin adalah untuk diamalkan oleh jasad batin iaitu roh.

Sesuai dengan lahir batin kita yang berpadu erat tanpa terpisah-pisah maka amalan lahir dan batin wajib dilaksanakan serentak dalam satu masa di semua waktu dan semua keadaan.

Kalau kita mengasingkan atau menolak salah satu dari amalan ini kita tidak mungkin menjadi hamba

Allah (Islam) yang sebenar sebab Islam memandang syariat itu sebagai kulit (القشر), manakala hakikat itu ialah intipati (اللب).

Kedua-duanya sama penting dan saling perlu memerlukan, ibarat kulit dan isi pada buah-buahan. Kedua-duanya mesti ada untuk kesempurnaan kewujudan buah itu sendiri. Tanpa kulit isi tidak selamat malah isi tidak mungkin ada kalau kulit tidak ada. Sebaliknya tanpa isi, kulit jadi tiada bererti apa-apa. Sebab buah dimakan bukan pada kulit tetapi isinya.

Begitu juga hubungan antara' syariat dan hakikat, Kedua-duanya mesti diterima dan diamalkan serentak. Kedua-duanya saling isi mengisi dan perlu, memerlukan. Kalau kita bersyariat sahaja (ertinya berkulit sahaja tanpa isi), itu tidak membawa erti apa-apa di sisi Allah.

Sabda Rasulullah SAW :

إِنَّ اللهَ لاَ يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ
إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

***Terjemahannya:** Allah tidak memandang rupa dan harta kamu tetapi Dia memandang hati dan amalan kamu.*

(Riwayat: Muslim)

Sebaliknya kalau kita berhakikat sahaja (isi tanpa kulit), maka tiada jaminan keselamatan oleh Allah SWT. Hakikat itu akan mudah rosak dan kita tiada akan memperolehi apa-apa langsung, hatta Islam kita akan rosak tanpa sedar.

Berkata Imam Malik Rahimahullahu Taala:

مَنْ تَفَقَّهَ وَلَمْ يَتَصَوَّفْ فَهُوَ فَاسِقٌ،
وَمَنْ تَصَوَّفَ وَلَمْ يَتَفَقَّهْ فَهُوَ زِنْدِيقٌ.

Terjemahannya: Barangsiapa ***berfeqah (syariat) dun tidak bertasawuf maka ia jadi fasik. Barangsiapa yang bertasawuf (hakikat) tanpa feqah maka ia adalah kafir xindik.***

Ertinya kita mesti mengamalkan kedua-duanya sekali iaitu syariat dan hakikat. Kalau kita ambil salah satu kita tidak akan selamat. Kalau kita bersyariat sahaja tanpa dibendung oleh hakikat, kita jadi fasik. Dan kalau kita berhakikat sahaja tanpa kawalan syariat, maka hakikat itu akan mudah rosak dan bila terjadi begitu kita akan jatuh kafir zindik (kafir tanpa sedar) .

Begitulah kepentingan kedua-dua syariat dan hakikat. Tetapi dalam keadaan keduanya, hakikatlah yang lebih utama.

Benarlah sabda Rasulullah SAW :

اِنَّ اللهَ لاَ يَنْظُرُ اِلَى صُوَرِكُمْ وَاَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ اِلَى قُلُوْبِكُمْ وَاَعْمَالِكُمْ

Terjemahannya: Allah tidak memandang rupa dan ***harta kamu tetapi Dia memandang hati*** dan ***amalan kamu.***

(Riwayat: Muslim)

Bukanlah bermakna syariat itu tidak dituntut, bahkan syariat juga adalah hukum-hukum yang fardhu yang wajib diamalkan oleh semua umat Islam. Cuma dalam keadaan keduanya (syariat dan hakikat)

itu sama-sama diamalkan, Allah memberi keutamaan pada amalan hakikat. Bandingannya, antara kulit dan isi buah (dalam keadaan keduanya sama pentingnya) tetapi manusia memberi keutamaan pada isi sebab ia boleh dimakan.

Begitulah peranan hakikat. Ia menjadi penentu kepada berakhlak atau tidaknya seseorang manusia kepada Allah dan kepada sesama manusia.

Orang yang tinggi pencapaian tasawufnya adalah orang yang hatinya hampir dengan Allah, sentiasa merasakan kebesaran Allah, sedang dirinya maha lemah dan sentiasa memerlukan pertolongan Allah, sangat beradab dengan Allah dan adalah seorang zahid yang dapat mengorbankan dunia untuk Tuhannya.

Seorang zahid juga adalah seorang yang mampu mengasihi semua manusia, bersedia untuk susah untuk manusia dan yang bakal menyelamatkan manusia dari tipuan dunia, nafsu dan syaitan.

Sebaliknya orang yang lemah dalam amalan batin adalah orang yang jauh dan terpisah hatinya dari Allah (tidak takut dengan Allah, tidak malu, tidak harap, tidak cinta Allah, tidak redha dan tidak sabar), kurang beradab dengan Allah (penuh hasad, sombong, bakhil, dendam dan pemarah) dan seorang pencinta dunia yang bekerja keras hanya untuk dunianya.

Orang begini selalu dibelenggu oleh kecintaannya itu hingga menjadikan ia takut untuk berjuang dan berjihad untuk agama Allah dan untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi.

Orang yang tidak berhakikat (sekalipun sembahyangnya banyak, puasa, baca Quran dan gigih berjuang) adalah orang yang kurang berakhlak dengan Allah dan kurang berakhlak dengan manusia.

Kekurangan pada amalan batin inilah yang menjadikan orang-orang yang tidak berhakikat itu selalunya mati dalam dosa yang tidak sedar. Mungkin dosa kerana buruk sangka dengan Allah, putus asa dengan ketentuan Allah, tidak redha dengan takdir Allah dan dosa kerana merasakan amalan lahirnyalah yang bakal menyelamatkan dirinya dari neraka Allah.

Rasa riak, ujub atau rasa diri bersih itu adalah dosa batin yang tiada siapa yang nampak, bahkan yang empunya diri pun tidak dapat mengesannya. Kecualilah orang yang mempunyai basirah (pandangan hati yang tembus) sahaja yang boleh mengesannya.

Nanti di akhirat bila Allah dedahkan segala kesalahannya (dosa-dosa batin itu), baru dia terkejut dan tersentak.

Ulama tasawuf berkata:

"Biarlah sedikit amalan beserta rasa takut pada Allah, kerana itu lebih baik daripada banyak amalan tetapi tiada rasa takut dengan Allah. L.ebih baik orang yang merasa berdosa dan bersalah dengan Allah daripada orang yang banyak amalan tetapi tidak rasa berdosa pada Allah bahkan dia merasa tenang dengan amalan itu."

Firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Tq'emahannya: Hari kiamat ialah hari di mana harta dan anak-anak tidak dapat memberi manfaat, kecuali weka yang mengadap Allah mem-

bawa hati yang selamat sejahtera.
(Asy Syuara: 88-89)

Hati yang selamat sejahtera ialah hati yang bertaqwa yang berisi iman, yakin, ikhlas, redha, sabar, syukur, tawakal, takut, harap dan lain-lain rasa hati dengan Allah SWT.

Hati yang sentiasa merasa sihat dalam sakit, kaya dalam kemiskinan, ramai dalam keseorangan, lapang dalam kesempitan dan terhibur dengan apa sahaja ujian kerana ia bersikap redha dengan apa sahaja pemberian Tuhannya.

Untuk memperolehi hati yang begini, kita mesti bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu untuk melakukan amalan lahir dan batin (syariat dan hakikat). Kedua-duanya akan saling kawal mengawal untuk mengangkat kita ke taraf taqwa.

Syariat dan hakikat akan mendidik dan memimpin kita menjadi seorang insan yang kamil yang mampu memenuhi keinginan dan keperluan fitrah semulajadi manusia secara suci lagi mulia.

Orang beginilah yang Allah maksudkan sebagai golongan as ***siddiqin*** atau golongan al *'Ariffin.* Sifat mereka Allah senaraikan dalam Surah Al Furqaan ayat 63 - '74:

وَعِبَادُ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى ٱلْأَرْضِ
هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ ٱلْجَٰهِلُونَ قَالُوا۟ سَلَٰمًا ﴿٦٣﴾

Terjemahannya: ***Dan hamba-hamba Tuhan Yang Maha Penyayang (hamba-hamba** yang **baik) itu ialah mereka yang berjalan di atas muka bumi dengan rendah hati dan apabila orang jahil***

menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata (yang mengandungi) keselamatan.

وَٱلَّذِينَ يَبِيتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَٰمًا ٦٤

Tejemahannya: Dan mereka yang berjaga di malam **hari** *dengan* **bersujud dan** *berdiri untuk Tuhan mereka (orang-orang yang bersembahyang tahajjud di malam hari semata-mata kerana Allah).*

وَٱلَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا ٱصْرِفْ عَنَّا عَذَابَ جَهَنَّمَ ۖ

إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا ٦٥

Terjemahannya: Dan orang-orang yang berkata: Ya Tuhan kami, jauhkanlah azab jahannam dari kami. Sesungguhnya azabnya itu adalah kebinasa-an yang kekal.

إِنَّهَا سَآءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا ٦٦

*Terjemahannya: **Sesungguhnya** jahannam itu sebu-**ruk-buruk** tempat menetap dun tempat kediaman.*

وَٱلَّذِينَ إِذَآ أَنفَقُوا۟ لَمْ يُسْرِفُوا۟

وَلَمْ يَقْتُرُوا۟ وَكَانَ بَيْنَ ذَٰلِكَ قَوَامًا ٦٧

*Terjemahannya: Dan orang-orang yang apabila membelanjakan (harta) mereka tidak berlebih-lebih-an dun tidak **(pula)** kikir, dan adalah (perbelan-jaan itu) pertengahan.*

وَٱلَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ
وَلَا يَقْتُلُونَ ٱلنَّفْسَ ٱلَّتِي حَرَّمَ ٱللَّهُ إِلَّا بِٱلْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ ۚ
وَمَن يَفْعَلْ ذَٰلِكَ يَلْقَ أَثَامًا ﴿٦٨﴾

Terjemahannya: Dan mereka juga tidak mengharap (menyembah) yang lain di samping Allah dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah (orang Islam) *kecuali yang dibenarkan syarak (pembunuh,* penzina *murtad) dan tidak juga berzina. Barangsiapa yang melakukan yang demikian itu nescaya dia akan menerima pembalasan dosanya.*

يُضَٰعَفْ لَهُ ٱلْعَذَابُ يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ وَيَخْلُدْ فِيهِۦ مُهَانًا ﴿٦٩﴾

Terjemahannya: (Yakni) akan dilipatgandakan azab untuknya pada hari kiamat dan dia kekal dalam azab itu dalam keadaan terhina.

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ عَمَلًا صَٰلِحًا فَأُو۟لَٰٓئِكَ
يُبَدِّلُ ٱللَّهُ سَيِّـَٔاتِهِمْ حَسَنَٰتٍ ۗ وَكَانَ ٱللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٧٠﴾

Tejemahannya: Kecuali mereka yang bertaubat, beriman dan mengerjakan amal soleh, kejahatan mereka Allah gantikan dengan kebajikan. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

وَمَن تَابَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا فَإِنَّهُۥ يَتُوبُ إِلَى ٱللَّهِ مَتَابًا ﴿٧١﴾

Terjemahannya: Dan orang-orang yang bertaubat dan mengerjakan amal soleh maka sesungguhnya mereka bertaubat kepada Allah dengan taubat yang sebenar-benarnya.

وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا
مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا ﴿٧٢﴾

Terjemahannya: Dan orang-orang yang tidak memberikan persaksian palsu dan apabila mereka bertemu dengan (orang-orang) yang mengerjakan perbuatan-perbuatan yang tidak berfaedah, mereka lalui (sahaja) dengan menjaga kehormatan dirinya.

وَالَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ
لَمْ يَخِرُّوا عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا ﴿٧٣﴾

Terjemahannya: Dan orang-orang yang apabila diberi ingatan dengan ayat-ayat Tuhan mereka tidaklah mereka menghadapinya sebagai orang-orang yang tuli dan buta.

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا
وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Terjemahannya: *Dan* orang-orang yang sering *berdoa: "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami) dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertaqwa."*

Merekalah orang-orang yang bertaqwa yang akan memperolehi ketenangan hidup di dunia dan di akhirat. Tempat untuk kita mempelajari dan mencontohi kehidupan yang berbahagia ini ialah kehidupan ***solafussoleh.***

Mereka telah menjalani suatu kehidupan yang mana mereka menerima dan mengamalkan sepenuhnya kehendak syariat dan hakikat. Dan hasilnya, mereka (para ***solafussoleh)*** menjadi orang-orang yang bahagia lagi membahagiakan orang lain.

Sejarah 15 abad yang silam memberitahu kepada kita bahawa 3/4 dunia menjadi tenang, aman dan damai di bawah pentadbiran mereka. Dan kawan mahupun lawan terasa selamat berada di dalam kekuasaan mereka.

Demikianlah, dan inilah satu kenyataan bahawa kiranya manusia patuh menjalani syariat lahir dan batin, selamat dan berbahagialah mereka di dunia dan di akhirat.

Allah berfirman:

وَعَدَ ٱللَّهُ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ مِنكُمْ وَعَمِلُوا۟
ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِى ٱلْأَرْضِ كَمَا ٱسْتَخْلَفَ
ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ ٱلَّذِى ٱرْتَضَىٰ لَهُمْ
وَلَيُبَدِّلَنَّهُم مِّنۢ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِى لَا يُشْرِكُونَ
بِى شَيْـًٔا ۚ وَمَن كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْفَٰسِقُونَ ﴿٥٥﴾

Terjemahannya: Dan ***Allah telah*** berjanji ***kepada orang-orang*** yang ***beriman dan yang mengerjakan amal soleh di antara kamu bahawa Dia sungguh-***

sungguh akan menjadikan mereka berkuasa di bumi sebagaimana diberi kuasa kepada orang sebelum mereka Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredhai-NJa untuk mereka dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka sesudah berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tidak mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan barangsiapa yang engkar sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang fasik.

(An NUT: 55)

1

Amalan Lahir (Syariat) dan Amalan Batin (Hakikat

SYARIAT ialah apa sahaja amalan-amalan lahir yang diperintahkan kepada umat Islam sama ada wajib atau sunat. Dan apa sahaja yang ditegahkan sama ada yang haram atau makruh termasuk juga amalan-amalan yang harus kedudukannya.

Syariat lahir terbahagi dua:

1. Hablumminallah (حَبْلٌ مِنَ اللهِ)
2. Hablumminannas (حَبْلٌ مِنَ النَّاسِ)

HablumminaIlah ialah amalan-amalan yang 'termasuk persoalan ibadah. Contohnya sembahyang, puasa, zakat, haji, baca Quran, doa, zikir, tahlil, selawat dan lain-lain.

Hablumminann as ialah amalan-amalan lahir kita yang termasuk dalam bidang-bidang muamalat (kerja-kerja yang ada hubungkait dengan masyarakat), munakahat (persoalan kekeluargaan) dan jenayah serta tarbiah Islamiah, soal-soal siasah, fisabilillah, jihad dan persoalan alam sejagat.

HAKIKAT pula ialah apa jua amalan batin yang diperintahkan ataupun yang ditegah oleh Allah SWT kepada umat Islam. Amalan yang diperintahkan dikenali sebagai sifat "mahmudah" (sifat-sifat terpuji) dan yang ditegah ialah sifat "mazmumah" (sifat-sifat terkeji).

Hakikat juga terbahagi dua:
1. Berakhlak dengan Allah
2. Berakhlak dengan manusia

Antara bentuk-bentuk akhlak dengan Allah ialah:
- Mengenal Allah dengan yakin;
- Merasa kehebatan Allah;
- Merasa gerun dengan Neraka Allah;
- Merasa sentiasa diawasi oleh Allah;
- Merasa hina diri dan malu dengan Allah;
- Meredhai setiap takdir dan ketentuan Allah;
- Sabar di atas sebarang ujian Allah;
- Mensyukuri nikmat-nikmat pemberian Allah;
- Menyintai Allah;
- Merasa takut pada Allah atas kecuaian dan dosa-dosa kita;
- Tawakal kepada Allah;
- Merasa harap pada rahmat Allah;
- Rindu pada Allah;
- Sentiasa mengingati Allah;
- Rindu pada syurga Allah kerana ingin bertemu dengan-Nya.

Bentuk-bentuk akhlak kepada manusia:
- Mengasihinya sebagaimana kita mengasihi diri kita sendiri;
- Merasa gembira di atas kegembiraannya dan tumpang berdukacita kerana kedukacitaannya;
- Menginginkan kebahagiaan untuknya di samping berharap agar kecelakaan menjauhinya;
- Benci pada kejahatannya tetapi kasihan pada dirinya hingga timbul perasaan untuk menasihatinya;

- Pemurah padanya;
- Bertolak ansur dengannya;
- Mengenang jasanya dan berusaha membalasinya kerana Allah;
- Memaafkan kesalahannya dan sanggup meminta maaf atas kesalahan padanya;
- Kebaikannya disanjung dan diikut, kejahatannya dinasihati dan dirahsiakan. Lapang dada berdepan dengan ragam manusia;
- Baik sangka terhadap orang Islam;
- Tawadhuk dengan manusia.

Kedua-dua syariat dan hakikat adalah perkara-perkara yang sangat penting untuk membentuk peribadi yang benar-benar bertaqwa dan terlepas dari sifat-sifat nifaq.

Kita wajib mengamalkan kedua-duanya serentak dan seiring. Namun adalah diakui bahawa bukanlah mudah bagi kita untuk mengamalkannya.

Allah SWT menjelaskan ini dengan firman-Nya dalam surah Al Baqarah:

وَٱسۡتَعِينُواْ بِٱلصَّبۡرِ وَٱلصَّلَوٰةِۚ
وَإِنَّهَا لَكَبِيرَةٌ إِلَّا عَلَى ٱلۡخَٰشِعِينَ ٤٥ ٱلَّذِينَ يَظُنُّونَ أَنَّهُم مُّلَٰقُواْ
رَبِّهِمۡ وَأَنَّهُمۡ إِلَيۡهِ رَٰجِعُونَ ٤٦

Terjemahannya: ***Mintalah bantuan dalam urusanmu dengan sabar dan solat. Dan sesungguhnya yang demikian itu adalah sungguh berat kecuali bagi orang-orang yang khusyuk iaitu orang-orang yang*** meyakini ***bahawa mereka akan menemui***

Tuhannya dan bahawa kepada-Nyalah mereka akan kembali

(Al Baqarah : 45)

Allah SWT mengatakan untuk menjadi orang yang sabar itu susah dan untuk menjadi orang-orang yang tetap bersembahyang itu juga susah. Maknanya kedua-dua amalan lahir dan batin itu memang susah untuk diamalkan. Tetapi ianya jadi mudah dan senang bila kita dapat memiliki sesuatu yang lebih penting dari keduanya iaitu rasa khusyuk dengan Allah (rasa diawasi Allah setiap masa), yakni yakin akan pertemuan dan pengembalian diri ke hadrat Allah SWT di akhirat nanti.

Dari situ fahamlah kita bahawa antara kedua-dua amalan lahir dan batin, yang mesti diberatkan dan didahulukan pada diri kita ialah amalan batin. Kita usaha dapatkan dulu rasa khusyuk atau yakin akan kewujudan Allah serta pertemuan kembali kita dengan-Nya di satu hari nanti. Kemudian nanti, barulah kita akan ada kekuatan untuk mengamalkan syariat dan hakikat.

Tanpa rasa khusyuk itu, kita tidak akan dapat mengalahkan hawa nafsu dan syaitan yang sentiasa bersungguh-sungguh mengajak kita menderhakai Allah.

Inilah panduan kita untuk memperjuangkan Islam dalam diri manusia. Apa yang mesti didahulukan ialah berusaha supaya hatinya berubah, dari hati yang tidak kenal Allah kepada hati yang khusyuk dan cinta kepada Allah. Dari hati yang lalai kepada hati yang sentiasa ingatkan Allah. Bila hati sudah cinta Allah akan ringanlah manusia itu menerima dan mengamalkan syariat Allah lahir dan batin.

2

Bukti-Bukti Susahnya Mengamalkan Amalan Batin

MENGAMALKAN syariat adalah susah. Buktinya lihat sahaja umat Islam hari ini bukan sedikit yang tidak sembahyang, tidak puasa, tidak membayar zakat, tidak tahu baca Quran, tidak belajar agama, tidak menutup aurat, melakukan pergaulan bebas, ambil riba, zina, arak, menipu, mengadu domba, fitnah memfitnah dan macam-macam lagi yang semuanya sangat bersalahan dengan syariat.

Umat Islam yang beria-ia mengaku ke-Islaman mereka hari ini ialah umat Islam yang gagal menegakkan syiar Islam dalam kehidupan rumah tangga dan masyarakat mereka. Bukan mereka tidak tahu apakah dia syariat Islam yang diperintahkan pada mereka, tetapi mereka tidak mampu melaksanakannya.

Mereka lemah untuk melawan runtunan hawa nafsu dan syaitan yang kuat menarik kepada jalan-jalan kejahatan dan kerosakan.

Begitulah susahnya untuk mengamalkan syariat Islam. Dan itulah masalah besar yang dihadapi oleh majoriti umat Islam hari ini.

Namun, melakukan amalan batin adalah lebih susah dari itu. Sebab ia merupakan ilmu rasa zauk dan bukan ilmu kata, bukan sebutan dan teori tetapi adalah rasa hati. Bukan sahaja orang yang lemah

syariatnya tidak dapat melaksanakannya hatta orang yang sudah kuat dan kemas syariat lahir pun masih belum dapat merasai dan menghayatinya.

Buktinya, kita sendiri dapat merasakan. Sekalipun sedikit sebanyak kita sudah lakukan syariat lahir seperti sembahyang fardhu, sembahyang sunat, puasa, zakat, haji, berjuang dan berjihad, belajar ilmu-ilmu agama malah mengajar orang lain menutup aurat, berdakwah dan lain-lain, tetapi kita masih lalai dari mengingati Allah dan tidak cinta pada-Nya, tidak ada rasa takut, hebat dan hina diri dengan Allah. Tidak sabar berdepan dengan ujian, tidak merasai kuasa itu di tangan Allah, tidak rasa diri berdosa. Masih suka mengumpat, berhasad dengki, cinta dunia, tidak ada belas kasihan, tidak berlapang dada berdepan dengan ragam manusia, sombong, pemarah, pendendam, jahat sangka, tamak, degil, keluh kesah, putus asa, tidak redha dengan takdir, tidak bimbang dengan hari hisab, tidak takut Neraka, tidak rasa rindu dengan Syurga yang penuh kenikmatan.

Dan kita menganggap sebab-sebab itulah yang menjayakan diri kita, tidak merasai yang mana bila-bila masa sahaja Allah boleh balakan dan matikan kita. Dan dengan sebab itu pula kita membuat hutang, gila pangkat, membuat macam-macam rancangan, tidak rasa kelemahan diri, tidak senang dengan kata nista orang, tidak senang dengan kelebihan orang yang menandingi kita, rasa menderita dengan kemiskinan, masih benci dengan orang yang tidak beramal (bukan rasa kasihan), masih merasai lebih bila berdepan dengan orang yang tidak beramal, masih rasa terhina untuk menerima kebenaran dari orang lain, masih berat untuk mengakui kesalahan walaupun sedar kita sudah bersalah.

Rasa menderita jiwa bila dikeji, rasa tenang dan senang hati bila disanjung, masih rasa bangga bila dapat nikmat, masih merasa mahu hidup lama lagi, rasa menderita bila miskin dan papa. Rasa bangga dengan kelebihan diri, rasa terhina dengan kekurangan, tidak pernah puas (cukup) dengan apa yang ada, tidak rasa berdosa (bersalah), tidak rasa dunia kecil dan hina, tidak rasa akhirat besar, tidak menderita bila buat dosa atau kesalahan tetapi menderita bila harta hilang dan pangkat terbang.

Orang yang kemas dan kuat syariat lahir pun masih belum dapat melaksanakan amalan batin (syariat batin) secara "istiqamah" dan sungguh-sungguh, apa lagi orang yang amalan lahirnya diabaikan langsung, lagi susahlah dia mendapatkan amalan batin.

Kalau diumpamakan syariat itu pokok, maka amalan batin ialah buahnya. Orang yang sudah ada pokok pun belum tentu memperolehi buahnya (dan kalau dapat pun belum tentu sedap buahnya), apa lagi orang yang langsung tidak tanam pokok.

Begitulah bandingannya orang yang tidak bersyariat. Susah sekalilah baginya untuk merasakan hakikat. Kalau lahirpun dia tidak dapat tunduk pada Allah, tentu batinnya lagi susah untuk diserahkan pada Allah.

Di antara tanda susahnya mendapat hakikat (amalan batin) ialah:

1. Ketika kita sembahyang, lahirnya kita berdiri, rukuk dan sujud dengan mulut terkumat-kamit memuji dan berdoa pada Allah, tetapi hati kita (ingatan dan fikiran) di mana? Adakah juga mengadap Allah, khusyuk dan tawadhuk serta rasa rendah

dan hina diri dengan penuh pengabdian dan harapan serta malu dan takut pada Allah SWT? Ataukah hati terbang menerawang ke merata-rata tempat dengan membelakangkan Allah Yang Maha Perkasa yang sedang disembah?

Begitu juga ketika sedang membaca Al Quran, bertahlil, zikir dan wirid, berselawat dan bertakbir, bertasbih dan bertahmid. Adakah roh kita turut menghayatinya? Atau waktu itu ia sedang merasakan satu perasaan yang tidak ada sangkut paut dengan amalan lahir yang sedang dilakukan?

2. Pernahkah kita rasa indah dapat bersendirian di tempat sunyi kerana mengingati Allah dan menumpukan perhatian sepenuhnya pada-Nya, merasa rendah dan hina diri, menyesali dosa dan kelalaian, mengingatinya sambil berazam untuk membanyakkan amal bakti pada-Nya?

3. Kalau ada orang Islam yang sakit menderita atau miskin, adakah hati kita rasa belas kasihan untuk membantu atau tolong doakan dari jauh agar dia selamat?

4. Pernahkah pula kita menghitung dosa-dosa lahir dan batin sambil menangis kerana "istighfar" kita terlalu sedikit dibandingkan dengan dosa kita yang menyebabkan kita nanti jadi bahan bakar api neraka?

5. Selalukah hati kita sentiasa ingat pada mati yang boleh sahaja mendatangi kita sebentar lagi, kerana memang boleh Tuhan berbuat begitu cuma kalau tidak dimatikan itu adalah kerana Tuhan mahu kita mencuba lagi untuk mencari jalan mendekatkan diri pada-Nya?

6. Pernahkah kita menghitung berapa banyak harta kita, duit kita, rumah kita, kereta kita, perabot kita, pinggan mangkuk kita, periuk belanga kita, kain baju kita, kasut kita, makanan kita dan lain-lain kepunyaan kita yang berada di dalam simpanan kita yang lebih daripada perlu (halal) yang mana semua itu akan dikira-bicara dan dihisab dan ditanya, dicer-ca dan dihina oleh Allah di padang mahsyar nanti kerana membesarkan dunia dan memperkecilkan akhirat?

'7. Pernahkah kita menungkan orang-orang yang pernah kita kasari, umpat, tipu, fitnah, hina dan aniaya samada suami, isteri, ibu bapa, saudara mara, sahabat, jiran dan siapa sahaja, supaya kita meminta maaf dan membersihkan dosa dengan manusia, di dunia lagi tanpa menunggu ketibaan hari yang dah-syat (hari kiamat)?

8. Apabila Allah merasakan sakit pada kita atau pada orang lain yang kita kasihi (walau apa jua jenis sakit itu), dapatkah kita tenangkan hati dengan rasa kesabaran dan kesedaran bahawa sakit ialah kifarah dosa atau sebagai darjat dan pangkat di sisi Allah SWT?

9. Ketika menerima takdir atau rezeki yang tidak sesuai dengan kehendak kita, dapatkah kita rasa redha ia sebagai satu pemberian Allah yang patut untuk kita?

10. Di kala sesuatu yang kita ingini dan cita-cita-kan tidak kita perolehi, dapatkah kita tenangkan perasaan kita dengan rasa insaf akan kelemahan dan kekurangan diri sebagai hamba Allah yang hina dina,

yang menggantungkan hidup mati dan rezeki sepenuhnya pada Allah?

11. Di waktu mendapat nikmat, terasakah di hati bahawa ianya sebagai pemberian Allah lalu timbul rasa terima kasih (syukur) pada Allah SWT dan rasa takut kalau-kalau ianya tidak dapat digunakan kerana Allah dan berazam untuk menggunakan nikmat itu untuk Allah jua?

12. Kalau kita miskin dapatkah kita rasa bahagia dengan kemiskinan itu dan rasa lapang kerana tidak payah lagi mentadbir nikmat Allah hingga tidak mahu mengadu-ngadu dan meminta pada manusia kecuali pada Allah?

1.3. Kalau ada orang mencerca kita bolehkah hati kita merasa senang dan tenang lalu kita diamkan sahaja (tanpa sakit dan susah hati dan dendam) bahkan kita maafkan orang itu sambil doakan kebaikan untuknya sebab merasakan ia telah memberi pahala pada kita melalui cercaannya itu?

Imam As Syafie ada berpuisi:

Apabila seorang yang jahat mencerca aku,
bertambah tinggi lagi kehormatanku.
Tidak ada yang hina itu kecuali
kalau aku yang mencercanya.

14. Begitu juga kalau orang menipu, menganiaya dan mencuri harta kita, mampukah kita relakan saja atas dasar kita mendapat pahala menanggung kerugian itu?

15. Di waktu kita rasa kita bersalah dengan seseorang, datangkah rasa takut akan kemurkaan Allah

pada kita dan sanggupkah kita minta maaf sambil mengaku kesalahan kita?

16. Selepas kita melakukan usaha dan ikhtiar atas kerja-kerja kita, adakah dapat kita lupakan usaha kita itu kerana menyerahkannya pada Allah atau kita rasa besar dan terpaut dengan usaha kita itu hingga kita rasa senang dan tenang dengan usaha kita itu?

17. Kalau orang lain dapat kesenangan dan kejayaan dapatkah kita rasa gembira dan turut bersyukur dan mengharapkan kekalnya nikmat itu bersamanya tanpa hasad dengki dan sakit hati?

18. Setiap kali orang bersalah, lahirkah rasa kasihan kita padanya, di samping ingin membetulkannya tanpa menghina dan mengumpatnya?

19. Kalau ada orang memuji kita adakah kita rasa susah hati sebab pujian itu boleh merosakkan amalan kita dan dapatkah kita bendung hati dari rasa bangga dan sombong, kemudian mengembalikan pujian pada Allah yang patut menerima pujian dan yang mengurniakan kemuliaan itu?

20. Bolehkah kita menunjukkan rasa kasih sayang dan ramah tamah dengan semua orang sekalipun orang bawahan dari kita?

21. Selamatkah kita dari jahat sangka dan prasangka pada orang lain?

22. Kalau kita diturunkan dari jawatan atau kekayaan kita hilang, selamatkah kita dari rasa kecewa dan putus asa kerana merasakan pemberian jawatan

dan penurunannya ialah kerja Allah? Sebab itu kita redha.

23. Sanggupkah kita bertolak ansur dengan orang lain di waktu orang itu memerlukan apa yang kita juga perlukan?

24. Adakah kita sentiasa puas dan cukup dengan apa yang ada tanpa mengharapkan apa yang tidak ada?

Untuk member-i jawapannya pada semua persoalan-persoalan di atas adalah susah kerana memang susah melakukan amalan-amalan batin, amat sulit dan rumit. Hingga kerana itu ramai orang yang tidak nampak dan tidak mempedulikannya.

Namun, bagi mereka yang betul-betul mahu mendekatkan dirinya pada Allah di sinilah perhatian dan minatnya tertumpu.

Dia akan berusaha tanpa jemu untuk melakukan amalan-amalan batin dan menyuburkannya sepanjang masa dan ketika dengan cara مُجَاهَدَةُ ٱلنَّفْسِ *(mujahadatunnafsi).* Dia akan mendidik hatinya itu supaya biasa dan suka dengan amalan batin malah dia sanggup berkorban (mujahadah) untuk itu.

Para ulama berkata:

'Perjuangan itu 10 bahagian. Satu bahagian ialah perjuangan menentang musuh-musuh lahir (orang kafir, munafik, Yahudi dun Nasrani), di waktu-waktu yang tertentu sahaja (bukan sepanjang masa). Manakala 9 bahagian lagi ialah perjuungan menentang musuh batin (nafsu dan syaitan) yang tiada hentinya yakni sepanjang masa."

Amalan batin memang susah dibandingkan dengan amalan lahir. Tetapi ia pula lebih penting dari yang lain.

Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَلَا إِلَى
أَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

Terjemahannya: ***Bahawasanya Allah tidak memandang akan rupa dan harta kamu, tetapi Dia memandang hati dan amalkamu.***

(Riwayat Muslim)

Dan Allah berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا۟ مَا بِأَنفُسِهِمْ

Terjemahannya: Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah apa yang ada pada kaum ***itu, sehinggalah mereka mengubah apa yang ada dalam diri mereka (hati mereka).***

(Ar Raad : 11)

Kalau hati kita jahat, Allah tidak akan bantu kita. Kalau hati kita busuk Allah langsung tidak pandang kita. Begitulah keutamaan amalan batin. Tiap umat Islam wajib melakukannya. Kalau kita cuai ertinya sepanjang hidup kita berada dalam dosa. Dosa batin yang tidak kita sedari.

Marilah kita bersihkan dosa lahir dan dosa batin kita. Mari kita bermujahadah untuk itu. Moga-moga Allah merestui kita:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۚ
وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٦٩﴾

Terjemahannya: Dan mereka yang bermujahadah kepada jalan Kami, nescaya Kami tunjukkan jalan-jalan Kami itu. Sesungguhnya Allah berserta dengan orang yang berbuat baik.

(Al Ankabut : 69)

3

Cara-Cara Mendapatkan Amalan Batin

SETEL.AH kita tahu erti dan maksud amalan batin maka marilah kita mempelajari cara-cara mendapatkan hakikat. Mudah-mudahan dengan mengetahuinya kita akan sama-sama beramal dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya.

Untuk mendapatkan hakikat (amalan batin) kita mesti melatih roh kita supaya taat pada Allah. Jasad batin (roh) kita semasa masih di alam roh lagi, yakni sebelum dimasukkan ke dalam sangkarnya jasad lahir) memang sudah kenal Allah dalam firman-Nya:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ ۖ قَالُوا بَلَىٰ ۛ شَهِدْنَا ۛ

Terjemahannya: Allah bertanya pada roh): Bukankah Aku Tuhanmu. Roh menjawab: Ya kami akui, Engkaulah Tuhan kami.

(Al 'Araaf 172)

Roh-roh kita sebelum masuk ke badan kita sudah kenal Allah, malah sudah mempersaksikan ketuhanan Allah dan sudah mengaku kehambaan pada Allah. Tetapi bila dilahirkan ke dunia, roh dikurung dalam jasad lahir bersama-sama musuhnya nafsu dan syaitan. Tentang nafsu Allah berfirman:

3. CARA-CARA MENDAPATKAN AMALAN BATIN

إِنَّ ٱلنَّفْسَ لَأَمَّارَةٌۢ بِٱلسُّوٓءِ

Tejemahannya: Sesungguhnya nafsu ***itu sangat mengajak kepada kejahatan.***

(YUSUF: 53)

Dan Nabi pula bersabda:

أَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِى بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Terjemuhannya: Sejahat-jahat musuh engkau ialah nafsu engkau yang ***terletak di antara dua lambang*** engkau.

(Riwayat Al Baihaqi)

Manakala tentang syaitan, Allah berfirman:

إِنَّ ٱلشَّيْطَٰنَ لِلْإِنسَٰنِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Tq'emahannya: Sesungguhnya syaitan itu terhadap munusia musuh ***yang sangat*** nyata.

(YUSUF 5)

Berhadapan dengan dua musuh batin ini, roh kita jadi lemah (rosak atau hilang rasa kehambaan) walaupun dia sudah kenal Allah, tahu wujud dan Maha Perkasanya Allah, tetapi dia (roh) tidak boleh mentaati perintah Allah. Bujukan dan tarikan syaitan dan nafsu lebih kuat dan berpengaruh.

Roh kita sudah derhaka pada Tuhan, seakan-akan sudah tidak kenal Tuhan. Roh kita terbelenggu dalam jasad, dikongkong oleh nafsu dan syaitan itu. Roh kita sudah tidak takut dan tidak malu lagi pada Tuhan. Roh kita tidak rindu dan tidak cinta lagi pada

Tuhan, tidak merasa hina, rendah diri dan bersifat ketuanan.

Roh kita sutlah sombong, degil, hasad, tamak, berdendam, bakhil, gila dunia, kuat makan, kaki tidur dan lain-lain seumpama yang menyerupai kehendak nafsu yang terkutuk itu. Roh kita sudah dikuasai oleh jasad lahir yang beku ini (bersifat seperti tanah kerana dicipta dari tanah).

Umpama burung, roh terkurung dalam sangkar. Kerana sangkar itu kuat maka burung terpaksa berkurung di dalamnya yang sempit dan menyeksakan. Sebaliknya kalau burung lebih kuat dari sangkar, burung akan pecahkan sangkar dan dapat terbang bebas ke seluruh alam.

Demikian kalau roh kita lebih kuat dari nafsu dan syaitan, roh dapat menundukkan nafsu dan syaitan. Waktu itu bukan jasad lahir lagi yang menguasai roh tetapi roh yang menguasai jasad lahir.

Roh akan bebas melakukan kehendaknya mentaati perintah Allah SWT. Roh akan terbang bebas ke mana-mana dan dapat mengesan perkara-perkara ghaib.

Inilah yang berlaku pada roh para Nabi, Rasul dan wali-wali Allah. Roh tidak lagi dibelenggu dalam jasad lahir oleh nafsu dan syaitan tetapi sudah bebas, sudah dapat menundukkan nafsu dan syaitan di bawah kehendaknya, sudah melihat alam rohani, alam malakut dan alam jin. Jasad lahir tidak bererti apa-apa lagi kerana sudah diperalatkan oleh roh untuk menyembah Allah sepanjang masa.

Berbeza dengan jasad lahir, roh bukan dibuat daripada tanah tetapi dari nur (cahaya) yang berupa " جِسْمُ اللَّطِيْف " sama seperti malaikat dan jin. Sebab itu roh yang dapat bebas dari kongkongan nafsu dan

syaitan akan bergerak bebas seperti cahaya, tembus di setiap ruang dan bidang.

Pandangan roh ialah pandangan tembus yang dapat membaca hati dan batin manusia. Kerana itu bersabda Rasulullah SAW

اِتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ، فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ.

*Terjemahannya: Takutilah **firasat** (pandang tembus) orang Mukmin kerana ia memandang dengan cahaya Allah.*

(Riwayat Al Tarmizi)

Inilah rahsia diri kita yang mesti kita sedari. Bila kita sedar hakikat kejadian kita ini, barulah akan berlaku seperti apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW:

مَنْ عَرَفَ نَفْسَهُ فَقَدْ عَرَفَ رَبَّهُ

*Terjemahannya: **Barangsiapa yang kenal dirinya, maka dia pasti kenal Tuhunnya.***

Untuk meningkat ke darjat yang mulia itu, kita mesti berusaha bersungguh-sungguh, berjuang dan berkorban. Siapa sahaja boleh berjaya kalau dapat memenuhi syarat dan cara yang telah ditetapkan iaitu dengan mendidik roh kita kembali mengenal dan mencintai Allah SWT. Caranya ialah mujahadah (berperang) dengan nafsu dan syaitan. Allah **berfir**man:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱصْبِرُوا۟ وَصَابِرُوا۟ وَرَابِطُوا۟ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٢٠٠

Terjemahannya: Wahai orang-orang yang beriman, sabarlah kamu (dalam menegakkan agama Allah) dan sabarlah kamu dalam perjuangan menghadapi musuh (hawa nafsu) dan tetap teguhlah kamu (dalam barisan perjuangan) dan bertakwalah kamu kepada Allah moga-moga kamu mendapat kemenangan.

(Ali Imran: '200)

Antara nafsu yang mesti diperangi ialah sifat mementingkan diri sendiri, tamak, gila dunia, kedudukan dan kehormatan diri. Itu semua ialah penghalang yang cukup kuat untuk kita mendapat hakikat (amalan batin) juga sebagai hijab yang menghalang kita dari mendapat sifat kerohanian sebab ia merasakan diri sebagai tuan.

Supaya diyakini, di sini ada satu kisah benar pengalaman seorang wali bernama Yazid Bustami:

Satu hari datang pada Yazid Bustami seorang temannya untuk mengadu:

"Saya telah berpuasa setiap hari dan bersembahyang setiap malam selama 30 tahun tetapi tidak juga memperolehi keringanan batin seperti yang engkau ceritakan."

Yazid Bustami pun memintas, "Kalaupun engkau bersembahyang dan berpuasa selama 300 tahun, engkau pasti tidak dapat menemukannya."

"Kenapa?" Tanya temannya.

Jawab Yazid, "Sifatmu yang mementingkan diri sendiri dan tamak menjadi penghalang dan hijab antara engkau dengan Allah."

Teman itu lantas bertanya, "Katakanlah pada ku apakah ubatnya?"

"Ada ubatnya," kata Yazid, "tetapi engkau tidak akan sanggup melakukannya."

Setelah dipaksa oleh temannya Yazid pun berkata:

"Pergilah ke kedai gunting yang terdekat dan guntinglah janggutmu. Bukalah sendiri bajumu kecuali ikat pinggang yang melingkari pinggangmu. Ambillah karung yang biasa di isi makanan kuda, isilah buah kenari dan gantungkanlah karung itu di lehermu. Kemudian pergilah ke pasar sambil menangis, laungkanlah begini: "setiap kanak-kanak yang memukul batang leherku akan dapat sebiji kenari!" Selanjutnya pergilah ke tempat persidangan kadi, hakim dan ahli hukum, katakanlah kepada mereka: "Selamatkanlah jiwaku."

Teman itu berkata, "Sungguh aku tidak sanggup berbuat begitu. Berilah cara pengubatan yang lain."

Yazid berkata, "Yang aku ceritakan tadi adalah cara pengubatan pendahuluan yang sangat perlu dilakukan untuk mengubati penyakitmu. Tapi sebagaimana yang aku katakan tadi, engkau tidak dapat disembuhkan lagi."

Yazid Bustami seorang wali Allah yang mukasyafah dapat membaca hati (rahsia batin) temannya yang berjuang untuk nama, pangkat dan sanjungan manusia. Sebab itu beliau (Yazid) perintahkan sahabat itu bermujahadah dengan nafsunya itu dengan cara menghina diri di pasar dan mengaku jahat di hadapan kadi dan hakim. Perintah itu memang berat, tetapi pada Yazid tiada jalan lain lagi. Itulah cara ***mujahadatunnafsi*** yang mesti.

Begitulah pentingnya mujahadatunnafsi kepada siapa sahaja yang ingin meningkatkan kerohaniannya. Selagi nafsu itu tidak dapat dipatahkan, selama itu-

lah roh tidak akan suci dan bersih. Dan kalau roh tidak bersih, Allah tidak akan memasukkan taufik ke dalam hati yang kotor. Sebab benda yang berharga Allah akan letak di tempat yang mulia.

Roh umpama wadah. Kalau ia kotor taufik tidak akan masuk. Kalau tiada taufik, roh kita akan terhijab dan kita tidak akan dapat meningkatkan kerohanian (amalan batin) ke taraf kerohanian yang tinggi. Dan tanpa kerohanian, hati (roh) tidak akan selamat dari penyakit-penyakit mazmumah. Firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

***Terjmahannya:** Hari Qiamat ialah hari di mana anak dan harta tidak dapat memberi manfaat kecuali mereka yang menghadap Allah membawa hati yang selamat sejahtera.*

(Asy-Syuara': 88-89)

Amalan lahir seperti sembahyang, puasa, walaupun dilakukan sepanjang hari dan setiap malam sembahyang tahajjud (seperti cerita di atas), berjihad, berkorban, belajar, menutup aurat dan lain-lain, tidak akan dapat menjamin selamatnya hati.

Apa yang menjamin selamatnya hati ialah mujahadatunnafsi. Inilah amalan batin yang wajib kita lakukan.

Suatu hari di dalam kuliahnya, seorang ulama sufi, Bisyulhafi bercerita kepada muridnya bahawa, beristeri ramai itu tidak menafikan zuhud.

Salah seorang muridnya yang mengetaui bahawa gurunya tidak pernah berkahwin, lalu bertanya:

"Tuan, kalau begitu kenapa tuan tidak berkahwin? Bukankah menyalahi sunnah?"

Bisyulhafi pun menjawab, "Aku tidak sempat melakukan sunnah itu kerana sibuk. Sibuk melakukan perkara yang lebih fardhu yang belum selesai iaitu mujahadatunnafsi."

Begitu pandangan ahli sufi tentang pentingnya ***mujahadatunnafsi.*** Mereka tidak pernah rehat memerhatikan perjalanan nafsu dan syaitan, supaya nafsu dan syaitan itu sentiasa dapat diperangi dan dikalahkan untuk menghambakan diri pada Allah SWT.

Dan kita, kalau mahu berjumpa Allah dengan selamat, itulah juga jalannya. Tanpa jalan ini, kita dapat juga berjumpa Allah (kerana kita semua akan mati) tetapi dalam keadaan susah-payah dan hina-dina, wal 'iyazubillah.

Jalan keselamatan itu ialah melakukan mujahadatunnafsi. Kita mesti bermujahadah atas semua mazmumah (penyakit hati yang dihidupkan oleh nafsu) setiap kali ia menyerang kita. Penyakit hati ini ialah semua sifat batin yang bertentangan dengan amalan batin yang saya bahagikan kepada dua iaitu:

1. Penyakit hati terhadap Allah.
2. Penyakit hati terhadap manusia.

Antara penyakit hati terhadap Allah:

- Tidak khusyuk beribadah
- Lalai dari mengingati Allah
- Tidak yakin dengan Allah
- Tidak ikhlas dengan Allah
- Tidak takut pada ancaman Allah
- Tidak harap pada rahmat Allah
- Tidak redha akan takdir Allah

- Tidak puas dengan pemberian Allah
- Tidak sabar atas ujian Allah
- Tidak syukur atas nikmat Allah
- Tidak terasa diawasi Allah
- Tidak terasa hebatnya Allah
- Tidak rindu dan cinta dengan Allah
- Tidak tawakal pada Allah
- Tidak rindu pada syurga dan tidak takut pada neraka
- Gila dunia, buang masa dengan sia-sia
- Penakut (takut pada selain Allah)
- Ujub
- Riak
- Gila puji dan kemasyhuran

Manakala penyakit hati (mazmumah) terhadap manusia:

- Benci membenci
- Rasa gembira kalau dia mendapat celaka dan rasa sedih kalau dia berjaya
- Mehdoakan kejatuhannya
- Tidak mahu minta maaf dan tidak memaafkan kesalahannya
- Hasad dengki
- Dendam
- Bakhil
- Buruk sangka
- Tidak bertolak ansur
- Tidak bertimbang rasa
- Tidak tolong-menolong
- Tamak
- Degil dan keras hati
- Mementingkan diri sendiri
- Sombong
- Tidak sabar dengan ragam manusia

- Memandang hina kepada seseorang
- Riak
- Ujub
- Rasa diri bersih

Terhadap semua penyakit ini kita wajib melakukan mujahdatunnafsi. Firman Allah.



Terjemahannya: Wahai orang-orang beriman, *sabarlah kamu (dalam menegakkan agamu Allah) dun sabarlah kumu dalam perjuangan menghadapi musuh (hawa nafsu) dan tetap teguhlah kumu (dalam barisan perjuangan) dan bertaqwalah kamu kepada Allah moga-moga kamu mendapat* kemenangan.

(Ali Imran: 200)

Terhadap mazmumah dengan Allah, langkah-langkah mujahadah kita ialah: Membanyakkan ibadah-ibadah hablumminallah seperti sembahyang sunat (dengan faham, khusyuk dan istiqamah), zikrullah, wirid dan tahlil, membaca al Quran, berdoa, tafakur dan sebagainya.

1. SEMBAHYANG

Perkara penting yang perlu diambil perhatian semasa menunaikan sembahyang hendaklah khusyuk. Ini berpandukan apa yang diingatkan oleh baginda Rasulullah SAW kepada Abu Zar:

Ya Abu Zar dua rakaat sembahyang yang dilakukan dengan khusyuk itu lebih baik duri sembahyang sepanjang malam tetapi dengan hati yang lalai

Sembahyang yang khusyuk bolehlah diertikan sembahyang yang sempurna lahir dan batin. Ketika jasad mengadap Allah, hati jug-a tunduk menyembah Allah.

Ketika mulut menyebut Allahu Akbar, hati juga mengaku Allah Maha Besar. Ketika jasad sujud menghina diri, hati juga menyungkur menghina diri. Dan ketika mulut memuji mengagungkan Allah dan berdoa pada Allah, hati juga memuja, merintih dan karam dalam penyerahan pada Allah.

Telah bertanya Jibril pada Nabi SAW:

فَأَخْبِرْنِي عَنِ الإِحْسَانِ، قَالَ: أَنْ تَعْبُدَ اللهَ
كَأَنَّكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ،

Terjemahannya: Khabarkan *padaku apa itu ihsan ?*

Dijawab baginda, Engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya. *Jika tidak kelihatan, yakinlah bahawa Dia sentiasa melihat engkau.*

Kalaulah dapat dihayati sembahyang itu, sebagaimana yang dianjurkan di atas, kesannya akan cukup besar pada diri dan jiwa manusia. Iman akan bertambah di samping bertambahnya rasa tawakal, syukur, redha, sabar dan lain-lain sifat mahmudah.

Cukuplah sedikit rakaat sembahyangnya asal khusyuk daripada banyak sembahyang tetapi lalai. Sebab perkara yang menjadi matlamat ibadah ialah membuahkan iman dan akhlak manusia. Kalau

banyak pun rakaatnya tetapi dikerjakan dengan hati yang lalai, maka bukan sahaja iman dan akhlak tidak bertambah, malah ia menjadi sia-sia.

Mungkin pahalanya Allah berikan juga, tetapi banggakah kita kalau perniagaan yang kita buat hanya mengembalikan modal langsung tidak untung? Sembahyang yang lalai tidak akan menambahkan iman dan menguatkan jiwa sebaliknya meletihkan badan sahaja.

Di Padang Mahsyar nanti, Allah akan memanggil manusia yang sembahyang untuk diperiksa sembahyangnya. Waktu itu sembahyang akan dikategorikan pada lima peringkat:

1. Sembahyang orang jahil.
2. Sembahyang orang lalai.
3. Sembahyang orang yang lalai separuh khusyuk.
4. Sembahyang orang khusyuk.
5. Sembahyang Nabi-Nabi dan Rasul

Sembahyang orang jahil ialah sembahyang yang dilakukan oleh orang yang tiada ilmu tentang sembahyang. Dia tidak tahu tentang rukun dan sunat dan dibuat tanpa peraturan yang telah ditetapkan syariat. Kerana itu awal-awal lagi sembahyangnya ditolak malah ia berdosa kerana tidak belajar.

Sembahyang orang lalai ialah sembahyang yang walaupun sempurna lahirnya tetapi hatinya tidak hadir langsung dalam sembahyang. Bermacam-macam perkara yang diingatkan sewaktu berdiri, rukuk, sujud dan duduk dalam sembahyangnya itu. Dari awal hingga akhir sembahyangnya sedikit pun tidak mengingati Allah.

Sembahyang jenis ini diganjarkan dengan dosa bukan dengan pahala. Allah berfirman:

فَوَيْلٌ لِّلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ عَن صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

Terjemahannya: Neraka Wail bagi orang yang sembahyang. Yang mereka itu lalai dalam sembahyangnya.

(Al Maaun: 4-5)

Sembahyang yang ketiga ialah sembahyang yang di dalamnya berlaku tarik menarik dengan syaitan. Maknanya orang itu sentiasa berjaga bila syaitan mula melalaikannya dari Allah, cepat-cepat dikembalikan ingatannya pada Allah. Begitulah seterusnya berlakunya hingga akhir sembahyang. Ada waktu lalai dan ada waktu khusyuk. Sembahyang ini tidak berdosa dan tidak juga berpahala. Cuma orang itu dimaafkan.

Sembahyang orang khusyuk ialah sembahyang orang yang sepanjang sembahyangnya itu penuh dengan ingatan pada Allah dan pada apa yang dibacakannya dalam sembahyang.

Orang ini dapat merasakan yang dia sedang mengadap Allah, maka perhatiannya hanya pada Allah. Orang ini sembahyangnya bererti janjinya pada Allah, memohon ampun pada Allah, berdoa pada Allah, menghina diri pada Allah dan mengagungkan Allah.

Sembahyang beginilah yang akan menghapuskan dosa, membaharui ikrar, menguatkan iman, mendekatkan hati pada Allah, meningkatkan taqwa dan mengelakkan diri dari perbuatan keji dan mungkar. Itulah keuntungan di dunia dan di akhirat Allah menganugerahkan pahala syurga yang penuh kenikmatan.

Sembahyang yang kelima ialah peringkat tertinggi iaitu sembahyang para Nabi dan Rasul. Mereka ini

luar biasa khusyuknya. Mereka benar-benar nampak Allah dengan mata hati. Dalam sembahyang mereka seakan-akan sedang berbual-bual dengan Allah. Sebab itu mereka tidak pernah jemu dengan sembahyang.

Bagaimana indahnya perasaaan hati orang yang dapat bertemu kekasihnya, begitulah indahnya perasaan mereka ini dalam sembahyang.

Salah satu perkara utama yang disukai oleh Rasulullah SAW ialah sembahyang. ***"Sembahyang penyejuk mataku,"*** menurut sabda baginda.

Syurga yang akan Allah anugerahkan pada mereka ialah syurga tertinggi yang tidak tercapai oleh orang-orang awam seperti kita.

Jadi tugas kita sekarang ialah memperbaiki sembahyang di samping membanyakkannya. Untuk itu kita sekali lagi mesti mujahadah. Dan hanya dengan mujahadah kita mungkin dapat mempertingkatkan iman dan membanyakkan amalan soleh. Dan hanya dengan iman dan amal soleh sajalah kita dapat membina dan mencantikkan rumah kita di akhirat nanti.

2. ZIKRULLAH, WIRID DAN TAHLIL

Semua ibadah-ibadah zikrullah ini kalau dikerjakan dengan betul akan meresap ke hati dan menghasilkan iman, ketenangan, serta kebahagiaan di hati.

Firman Allah:

أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ

Terjemahannya: Ketahuilah bahawa dengan mengingati Allah itu, hati akan tenang.

(Ar Ra'd: 28)

Syaratnya mestilah ibadah itu dilakukan dengan beradab, difahami dan dihayati maksudnya.

Misalnya kita menyebut سُبْحَانَ الله mestilah diberitahu hati bahawa Maha Suci Allah dari kekurangan yang disifatkan pada-Nya.

Bila menyebut اَلْحَمْدُلله resapkan di hati bahawa segala puji bagi Allah, segala kebaikan, nikmat dan rahmat yang memenuhi langit dan bumi adalah kepunyaan Allah. Kenangkan segala pemberian Allah pada kita semasa menyebut pujian itu supaya dengan itu akan terasa hubungan kita dengan Allah.

Begitu juga ketika menyebut الله اكبَر sedarkan hati bahawa Allah Maha Besar, Maha Pencipta, Maha Perkasa dan Maha Pentadbir seluruh langit dan bumi. Rasailah betapa kerdilnya kita di bawah pemerhatian Allah yang hebat itu.

3. MEMBACA QURAN

Al Quran ialah Kitabullah, diturunkan khusus untuk kita manusia. Membacanya adalah ibadah, memahaminya ialah ubat, mengikutinya adalah petunjuk dan menghayatinya menambah iman dan taqwa.

Rugi besarlah orang yang menganggap remeh dan ringan dengan Al Quran.

Bertanya Allah dalam surah Al Waaqiah:

إِنَّهُۥ لَقُرْءَانٌ كَرِيمٌ ﴿٧٧﴾ فِي كِتَٰبٍ مَّكْنُونٍ ﴿٧٨﴾ لَّا يَمَسُّهُۥٓ إِلَّا
ٱلْمُطَهَّرُونَ ﴿٧٩﴾ تَنزِيلٌ مِّن رَّبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٨٠﴾ أَفَبِهَٰذَا ٱلْحَدِيثِ
أَنتُم مُّدْهِنُونَ ﴿٨١﴾ وَتَجْعَلُونَ رِزْقَكُمْ أَنَّكُمْ تُكَذِّبُونَ ﴿٨٢﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya Al Quran ini adaluh bacaan yang sangat mulia. Terdapat dalam kitab yang terpelihara (lauhul mahfuz). Tidak menyentuhnya kecuali orang-orang yang disucikan. Diturunkan dari Tuhan semesta alam. Maka apakah kamu mengangap remeh sahaja Al Quran ini? Kamu (mengganti) rezeki (Allah) dengan mendustakan Allah.

(Al Waaqiah: 77-82)

Umat Islam kini memang begitu, menyama-ratakan kitab mulia ini dengan buku ciptaan manusia. Sewaktu-waktu, Al Quran dipermainkan untuk suka-suka dengan tujuan duniawi semata-mata. Alangkah sedihnya.

Kembalilah, sama-sama kita junjung pusaka mulia, warisan yang betul-betul diuntukkan pada kita. Kita agungkan seagung-agungnya untuk kita perjuangkan sungguh-sungguh. Barulah padan dengan kemuliaan dan kehebatan yang ada padanya.

Di antara adabadab yang perlu dilakukan ketika kita membaca Kitab mulia ini ialah:

- Berwuduk.
- Tempat duduk adalah bersih dan suci seperti masjid, surau dan lain-lain.
- Mengadap kiblat.
- Membaca أَعُوْذُ بِاللهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ sebelum memulakan bacaan.
- Bacaan dilakukan dengan tertib yakni dengan terang dan perlahan dan lambat-lambat.
- Memahami dan menghayati bacaan dengan melakukan apa yang dikehendaki oleh ayat yang dibaca. Misalnya kita baca ayat tasbih, maka kita pun berdoa dan bertasbih.

- Bila membaca ayat doa dan istighfar, kita pun berdoa dan meminta ampun.
- Bila membaca ayat menceritakan azab Neraka, kita pun minta berlindung dari Neraka dengan doa: أعوذ بالله من ذلك
- Bila membaca ayat yang menceritakan nikmat syurga kita pun berdoa: اللهم ارزقنا
- Bila baca ayat orang kafir mensyirikkan Allah, kita segera menafikan dengan ucapan سبحان الله dan begitulah seterusnya.
- Ucapan-ucapan ini boleh diucapkan di mulut atau di hati tetapi yang penting kesungguhan dan keikhlasan kita menyebutnya (mengucapkannya) .
- Bacaan dibuat dengan suara dan nada yang merdu dan sedap.
- Jangan putuskan bacaan hanya kerana hendak makan atau berbual-bual. Hentikan ia di tempat-tempat yang telah ditentukan. Elok diakhiri dengan doa.

Sesungguhnya kalau kandungan Al Quran itu ditatap selalu dengan kefahaman dan keimanan, Insya-Allah hati akan terdidik untuk tambah beriman dan bertaqwa.

4. BERDOA

Berdoa juga adalah ibadah, juga sumber iman dan pergantungan diri kepada Allah. Orang-orang yang tidak mahu berdoa kepada Allah sebenarnya sombong dengan Allah. Bukankah terlalu banyak hajat, keinginan dan harapan kita yang hanya mungkin tercapai dengan pertolongan Allah?

Kalau begitu, berdoalah. Adukan semua masalah kepada Allah dan gantungkan harapan penuh kepada-Nya. Berdoalah di tempat-tempat dan di waktu-waktu yang di "kabul doa" dengan hati yang penuh khusyuk, mengharap dan yakin serta sabar, insya-Allah ia akan menjadi sumber ketenangan dan kebahagiaan.

Sebab sudah fitrah manusia apabila ia dalam kesusahan ia akan mengalami ketegangan fikiran dan perasaan. Satu-satunya cara mengubat penyakit ini ialah dengan mengadu, mengharap dan menyandarkan diri kepada suatu kuasa yang boleh menolongnya menyelesaikan masalah itu.

Kerana itu, Islam mengajar doa. Sebab hanya Allah-lah kuasa mutlak yang layak dan mampu berbuat begitu. Faedah berdoa ialah jiwa yang lemah akan jadi kuat, hati yang susah jadi senang dan perasaan yang gelisah jadi tenang.

5. TAFAKKUR

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

تَفَكُّرُ سَاعَةٍ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سَنَةٍ

***Terjemahannya:* Berfikir satu saat itu lebih baik daripada ibaduh setahun.**

Anjuran berfikir bertujuan menyedarkan manusia tentang sifat wujud Allah dan Maha Kuasanya Allah. Perkara-perkara yang elok difikirkan ialah tentang diri sendiri.

Allah mulakan kejadian kita hanya daripada setitik air mani. Harga setitik air mani adalah lebih rendah daripada harga sebiji padi kalaulah Allah tidak menanamkannya di dalam rahim perempuan.

Tidak juga akan berharga kalau Allah tidak memelihara, menghidupkannya dengan memberi segala keperluan untuk tinggal di dalam rahim. Belum juga akan berharga sekiranya Allah tidak memudahkan baginya keluar ke atas bumi. Dan belum juga akan berharga kalau Allah tidak besarkan serta diberi akal fikiran.

Dengan akal yang Allah kurniakan manusia jadi raja, menteri, hulubalang, pengawal keselamatan, ahli fikir, professor, doktor, juruteknik, jurutera, pensyarah, guru dan lain-lain yang pandai, kuat, kaya dan hidup lepas bebas.

Dengan akal fikiran, manusia telah dapat meratakan gunung, membelah angkasa, menyelami lautan dan memperkosa bumi semahu-mahunya. Tetapi tidak selamanya begitu. Kita tidak akan boleh semahu-mahunya dan tidak selama yang kita kehendaki.

Kita mesti mati. Kenapa tidak dihalang mati itu? Tidak mungkin, sepertilah tidak mungkinnya kita mendatangkan diri kita ke dunia ini dahulu.

Firman Allah dalam Al Quran:

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن ضَعْفٍ ثُمَّ جَعَلَ مِن بَعْدِ ضَعْفٍ قُوَّةً
ثُمَّ جَعَلَ مِن بَعْدِ قُوَّةٍ ضَعْفًا وَشَيْبَةً يَخْلُقُ مَا يَشَاءُ
وَهُوَ الْعَلِيمُ الْقَدِيرُ ﴿٥٤﴾


Terjemahannya: ***Allah, Dialah yang** menciptakan* ***kamu*** daripada ***keadaan lemah kemudian Dia*** *menjadikan kumu sesudah lemah itu menjadi kuat,* ***kemudian Dia*** *menjadikan* (kamu) ***sesudah kuat itu*** *lemah (kernbali) dan beruban.* ***Dia*** *menciptakan*

apa yang dikehendaki-Nya. Dan Dialah yang Maha Mengetahui lagi Maha Perkasa.

(Ar Rum: 54)

Sesudah mati, Allah berjanji untuk menghidupkan dan membangkitkan kita kembali di hari Qiamat. Apakah alasan untuk tidak percaya akan janji Allah itu? Siapakah kita untuk menolak kedatangannya?

Firman Allah:



Terjemahannya: Tidaklah (susah) menciptakan dan membangkitkan kamu (dari dalam kubur) melainkan hanya seperti (mencipta dan membangkitkan) satu jiwa sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.

(Luqman: 28)

Fikirkan pula nikmat-nikmat Allah saat ini. Mata, telinga, kaki, tangan semuanya yang sangat penting untuk keperluan hidup, Allah kurniakan tanpa menagih bayaran satu sen pun daripada kita. Walhal harga sepasang kaki palsu sudah beribu-ribu ringgit, gigi palsu juga mahal. Maka apalagi mata, telinga, hati, lidah dan akal yang Allah kurniakan, tentunya memang tidak ternilai.

Dengan apa hendak dibalas pemberian yang begitu besar? Fikirkan pula apakah sudah kita berterimakasih kepada Allah? Sudahkah kita tunaikan suruhan-Nya? Sudahkah kita berhenti daripada membuat perkara-perkara yang dilarang-Nya? Sudah cukupkah bakti kita sebagai hamba untuk membalas

kemurahan dan kasih sayang Allah pemelihara kita itu?

Diceritakan, telah meninggal seorang abid lalu Allah memanggilnya untuk diberitahu bahawa dia akan dimasukkan ke syurga sebagai satu kemurahan dan rahmat Allah kepadanya.

Mendengarkan itu, si abid merasa tidak puas hati kerana ia dapat ke syurga hanya melalui belas kasihan Allah sedangkan di dunia dia begitu kuat ibadah. Si abid lalu memohon dimasukkan ke syurga yang setimpal dengan amal ibadahnya yang banyak itu.

Allah SWT memerintahkan malaikat menghitung dan menilai ibadah si abid itu. Bila selesai, Allah mengumumkan bahawa ibadah-ibadah yang dibuat oleh si abid itu tidakpun cukup untuk membayar harga sebelah matanya. Bagaimana untuk mendapatkan syurga?

Si abid pun tersipu-sipu lalu memohon agar berpeluang masuk ke syurga.

Demikian satu contoh menunjukkan nilai amal bakti kita ini masih belum sepadan dengan pemberian Allah pada kita, malah kalaupun setiap saat dari umur kita, kita gunakan untuk menghambakan diri kepada Allah pun belum padan. Apalagi kalau seseorang yang sombong, engkar dan derhaka kepada Allah. Sesuai sangatiah Allah lontarkan dalam api dan tersiksa selama-lamanya.

Lihat pula beras yang kita jadikan nasi. Dapatkah pokok padi itu tumbuh dengan sendiri kalau Allah tidak diturunkan hujan dan kalau tanah tidak direkahkan supaya biji yang didalam tanah itu dapat menembus naik untuk mendapatkan cahaya matahari?

Dapatkah manusia membuat air? Dapatkah manusia melubangi tanah dengan sehalus-halusnya hingga akar pokok itu dapat menjalar mencari makanan dan minumannya? Manusia menanam, tetapi siapa yang menumbuhkannya?

Sesudah berfikir dan membuat kesimpulan, patutlah hati terus celik, nampak kewujudan, kemurahan dan kekuasaan Allah SWT.

Sepatutnya hati akan menyedarkan akal tentang perlunya Allah itu disembah. Hati selanjutnya akan mengarahkan kaki, tangan dan seluruh anggota lahir menunaikan perintah Allah dan berhenti daripada mengerjakan larangan-Nya. Kalau tidak begitu, patut sangat ditangisi kerana butanya hati yang sebenarnya lebih parah daripada buta mata.

Kemudian dongakkan muka ke langit. Lihat matahari yang naik dan turun, member-i panas dan menjadikan waktu yang bermusim-musim. Bulan yang kecil dan besar, menjadikan malam kadang-kadang gelap dan kadang-kadang-terang, menjadikan air laut pasang dan surut. Lihat bintang-bintang yang berkerdipan menghiasi langit berseri-seri.

Lihat semua itu dan sebutlah Allah. Resapkan di hati berapa besar kuasanya Dia dan pemurahnya Dia. Dengan itu mudah-mudahan lembutlah hati kita untuk tunduk menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah.

Bersabda Rasulullah SAW maksudnya:

> *Siapa yang mendongak ke langit melihat bulan dan bintang kemudian terasa betapa kuasanya Allah, muka sebanyah bilangan bintang-bintangnya itulah dosanya diampunkan.*

Seseorang yang melihat alam kemudian berfikir tentang Allah lalu terasa kehebatan Allah hingga lembut hatinya, terus mahu tunduk menyembah Allah dengan sedar dan khusyuk, itulah manusia yang sempurna.

Dia sedar dirinya sebagai barang ciptaan Allah maka ia mahu menyerahkan kembali pemberian itu kepada Allah. Berjayalah dia di dunia dan akhirat.

Di dalam Al Quran Allah berulang-ulang kali menyuruh manusia berfikir, menggunakan akal yang diberikan untuk menyaksikan wujud dan perkasanya Allah. Firman-Nya:

أَلَمْ تَرَوْا أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِي ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِي ٱلْأَرْضِ وَأَسْبَغَ
عَلَيْكُمْ نِعَمَهُۥ ظَٰهِرَةً وَبَاطِنَةً ۗ وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يُجَٰدِلُ فِي ٱللَّهِ
بِغَيْرِ عِلْمٍ وَلَا هُدًى وَلَا كِتَٰبٍ مُّنِيرٍ ﴿٢٠﴾

Terjemahannya: Tidakkah kamu Perhatikan sesungguhnya Allah telah menundukkan (untuk kepentinganmu) apa yang di langit dan di bumi dan menyempurnakan untukmu nikmut-Nya lahir dun batin. Dan sebahagian manusia masih ada yang membantah tentang keesaan Allah tanpa ilmu pengetahuan atau petunjuk dan kitab yang memberi penerangan.

(Luqman: 20)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ
أَزْوَٰجًا لِّتَسْكُنُوٓا۟ إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْنَكُم مَّوَدَّةً وَرَحْمَةً ۚ
إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿٢١﴾

Terjemahannya: Dan di antara kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri supaya kamu cenderung dan merasa tenteram kepadanya dan dijadikannya di antara kamu kasih sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu sebagai bahan renungan lagi kaum yang berfikir.

(Ar Rum: 21)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنْ خَلَقَكُم مِّن تُرَابٍ
ثُمَّ إِذَآ أَنتُم بَشَرٌ تَنتَشِرُونَ ﴿٢٠﴾

Terjemahannya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah Dia menciptakan kamu dari tanah kemudian tiba-tiba kamu (menjadi) manusia yang berkembang biak (menguasai bumi).

(Ar Rum: 20)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ خَلْقُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَٱخْتِلَٰفُ
أَلْسِنَتِكُمْ وَأَلْوَٰنِكُمْ ۚ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّلْعَٰلِمِينَ ﴿٢٢﴾

Terjemahannya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nyd ialah penciptaan langit dan bumi dan begitu juga berlain-lainan bahasa dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu sebagai bahan renungan bagi orang-orang yang mengetahui.

(Ar Rum: 22)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦ مَنَامُكُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَٱبْتِغَآؤُكُم مِّن فَضْلِهِۦٓ ۚ
إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَٰتٍ لِّقَوْمٍ يَسْمَعُونَ ﴿٢٣﴾

Terjemahannya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah penciptaan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasa dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang mendengar.

(Ar Rum: 23)

وَمِنْ آيَاتِهِ يُرِيكُمُ الْبَرْقَ خَوْفًا
وَطَمَعًا وَيُنَزِّلُ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَيُحْيِي بِهِ الْأَرْضَ
بَعْدَ مَوْتِهَا ۚ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ٢٤

Terjemahannya: Dan di antara tanda-tanda kekuasaun-Nya Dia memperlihatkan kepadamu kilat untuk (menimbulkan) *ketakutan dan harapan dan Dia menurunkan air dari langit lalu menghidupkan bumi dengan air itu sesudah matinya. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tar&a-tanda bagi kaum yang mempergunakan akalnya.*

(Ar Rum: 24)

وَمِنْ آيَاتِهِ أَنْ تَقُومَ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ۚ ثُمَّ إِذَا دَعَاكُمْ
دَعْوَةً مِنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ ٢٥

*Terjemahannya: Dan di antara tanda-tanda ke*kuasaan-Nya *ialah terbinanya langit dan bumi dengan perintah-Nya. Kemudian apabila Dia memanggilmu dengan sekali* panggilan *dari bumi, ketika itu (juga) kamu keluar (dari kubur).*

(Ar Rum: 25)

Seperkara lagi yang patut difikirkan ialah tentang dosa kita kepada Allah dan sesama manusia. Berapa banyak dosa kita kepada Allah dan sesama manusia? Selamatkah kita daripada siksaan dan kemurkaan Allah di dunia dan di Akhirat? Mampukah kita berhadapan dengan Munkar dan Nakir di dalam kubur nanti? Tahankah kita dengan bakaran api Neraka?

Fikirkan itu selalu, insya-Allah akan melembutkan hati. Kemudian terapkan keyakinan yang sungguh-sungguh bahawa mati itu benar, memasuki liang kubur itu adalah benar, soalan Munkar dan Nakir itu adalah benar. Melintasi Siratul Mustaqim itu benar, pembalasan siksa Neraka dan nikmat Syurga adalah benar belaka. Pasti berlaku tanpa syak dan ragu.

Sekiranya penerangan itu diulang-ulang setiap hari, insya-Allah hati akan dimasuki iman yang waja yang tidak mudah digoyangkan walau dengan ‘ribut taufan’ yang kuat dan dahsyat.

Usaha lain yang baik dibuat untuk mendapatkan iman ialah berpuasa sunat, berjuang, berjihad, bersedekah, menziarahi orang sakit atau jenazah dan lain-lain lagi. Kalau amalan-amalan itu dilakukan mengikut adab dan tujuan yang dianjurkan syariat, semuanya akan menambahkan iman.

Perlu pula diingatkan bahawa setiap dosa sama ada kecil apalagi besar ialah perosak dan peruntuh iman.

Rasulullah SAW bersabda:

لاَ يَزْنِي الزَّانِيْ حِيْنَ يَزْنِيْ وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Terjemahannya: Bukanlah seseorang yang berzina ketika berzina seorang mukmin.

(Riwayat Al Bukhari dan Muslim)

Ertinya seseorang yang sedang berzina itu rosak dan hilanglah imannya. Jadi bagi orang yang betul-betul mahu memelihara dan meningkatkan imannya janganlah melakukan dosa. Kalau terbuat, cepatcepat istighfar, menyesal dan taubat.

Iman juga boleh berkurang sesudah naik atau boleh naik sesudah turun. Inilah sifat iman kita iman orang ilmu. Sebab itu supaya tidak mengalami penurunan, iman mesti dibaja selalu dengan cara-cara yang banyak dihuraikan di atas.

Sesiapa yang rajin, selamatlah ia, sebaliknya sesiapa yang cuai akan terimalah akibatnya.

Saya tegaskan bahawa ibadah-ibadah di atas mesti dilakukan dengan khusyuk dan tawadhuk. Kalau tidak, ibadah itu tidak akan bererti apa-apa. Umpama orang yang lapar mengambil nasi hanya untuk dimain-main tanpa disuapkan ke mulut. Akan hilangkah laparnya?

Begitulah ibadah, kalau tidak dihayati, roh tidak akan memperolehi apa-apa. Lebih baik tidak sembahyang sunat kalau gopoh-gapah. Sudahlah kita tidak beradab dengan Allah, kesan sembahyang pada hati itu pula tidak ada.

Tetapi dengan ibadah-ibadah yang khusyuk kita akan membiasakan hati untuk:

- Membesarkan Allah,
- Mengenal Allah,
- Menghina diri dan malu dengan Allah,
- Takut ancaman Allah dan harap nikmat Allah,
- Terasa diawasi oleh Allah,
- Terasa gerun dan hebat dengan Allah dan cinta kepada-Nya.

Bila sudah masuk perasaan-perasaan begitu dalam hati dengan sendirinya hati kita akan beramal baik:

1. Bila kita menerima nasib buruk, kita akan redha sebab kita yakin Allah yang mentakdirkannya dan Allah cukup adil, pengasih dan setiap takdir-Nya adalah membawa kebaikan dan bukan untuk menganiaya dan menyeksakan kita. Lag-i pun nasib buruk itu hanya satu manakala nikmat-nikmat lain pula tidak terhitung banyaknya.

2. Bila datang ujian kita akan sabar. Allah menguji kita atas dua maksud:

a. **Untuk menghapuskan dosa.** Kita memang berdosa sama ada disedari atau tidak. Jadi patutlah diuji untuk ingatkan kita bahwa kejahatan itu jangan dibuat lagi. Balasan di dunia pun rasanya tidak tahan apalagi balasan Neraka. Bagaimanapun kita terimalah balasan (ujian Allah itu) dengan tenang sambil mengharapkan ujian itu akan berakhir dan dosa kita terampun dan kita akan tenang semula.

b. **Untuk meninggikan darjat kita.** Kita cukup suka kalau dapat naik pangkat. Jadi kalau ada ujian-ujiian Allah yang bermaksud menguji kesabaran kita supaya dinaikkan darjat kita maka patutlah sangat kita terima, sabar dan senang hati dengannya.

3. Bila datang nikmat Allah sama ada lahir atau batin, kita akan bersyukur. Kita akan rasa keselesaan lahir kita dan ketenangan jiwa kita semuanya pemberian Allah (kuasa Allah dan nikmat daripada-Nya) .

Kita tidak akan dapat mengadakan sendiri tanpa izin dan pertolongan Allah. Sebab itu kita sentiasa rasa berterima kasih kepada Allah.

Perasaan itu menolong kita untuk ingat serta cinta kepada Allah serta redha kepada kehendak-Nya di samping membanyakkan ibadah-ibadah yang disukai-Nya serta ingin mengorbankannya kepada Allah sebagai tanda syukur kepada-Nya.

4. Setiap kali selesai berusaha, berikhtiar dan beribadah kepada Allah, kita akan menyerahkannya kepada Allah sebagai hak mutlak-Nya untuk ditentukan hasilnya baik atau buruk, jaya atau gagal. Hatta diri kita ini berada dalam tangan-Nya. Kita serah kepada-Nya dan baik sangka kepada-Nya untuk diaturkan mengikut kehendak-Nya juga.

5. Setiap kali kita buat dosa, kita akan takut kepada Allah. Hukuman Allah di dunia dan di Akhirat pasti berjalan kepada sesiapa yang berdosa. Maka hendaklah kita bertaubat (menyesal dan berjanji tidak akan membuatnya lagi). Kemudian, harapkan pula pengampunan Allah kerana Allah adalah Tuhan yang Maha Pemaaf, Maha Sopan Santun dan Lemah-Lembut.

6. Kita akan sentiasa beradab dan malu dengan Allah yakni sentiasa menunaikan kehendak-Nya dengan penuh takut, rindu, harap dan cinta kepada-Nya dan cukup malu untuk sombong kepada-Nya, membelakangkan-Nya dan menjauhi-Nya. Ertinya kita sentiasa tawadhuk dengan Allah, khusyuk, berhati-hati, bimbang dan cemas kalau-kalau tersilap dengan Allah.

7. Kita juga akan sentiasa merenung dan menyesali diri, apakah kita sudah mendapat keredhaan Allah dan keampunan daripada-Nya.

Kita yang selalu lalai, cuai dan lemah serta berdosa ini, layakkah mendapat keredhaan dan pengampunan-Nya? Masa ibadah kita terlalu pendek dibandingkan dengan masa kita berbual-bual kosong, berangan-angan fikir hendak luaskan dunia kita, bermegah-megah dengan harta, anak dan pengikut dan lain-lain kelalaian lagi.

8. Layakkah kita ini masuk ke dalam Syurga? Belum pernah tercabut roma kita kerana berjuang di jalan Allah sedang ahli syurga seperti Nabi dan para sahabat pernah tercabut gigi, pecah muka, remuk tulang dan hilang nyawa kerana berjuang mempertahankan agama Allah. Pengorbanan apa yang telah kita buat yang kehebatannya mampu menebus kita dari api neraka?

9. Setiap kali apa-apa yang kita ingini, tidak kita perolehi, kita akan redha sebab kita sedar bukan kita yang menunaikan hajat tetapi Allah. Dialah yang memberi rezeki dan menyempitkannya. Sebab itu kita tenang, kita redha dan sabar dengan kehendak Allah.

Kita rasa lemah, kita tidak mampu menunaikan hajat sendiri tanpa bantuan Allah dan kita rasa malu pula untuk tidak redha dengan Allah. Siapa kita?

Nyawa yang masih ada ini pun Allah punya. Kalau Allah matikan kita lagi teruk. Semuanya terlepas. Kerana itu kita rasa tidak mengapalah nikmat yang sedikit itu Allah tidak beri. Kita hanya boleh meminta bukan memaksa. Meminta sifat hamba dan memaksa itu sifat tuan.

Kalaulah perasaan-perasaan (amalan-amalan batin) itu tidak ada dalam jasad batin kita, itu tandanya mujahadah kita tidak kuat dan ibadah kita tidak

sampai matlamatnya (untuk mendidik jiwa) .

Kenalah ditambah usaha lagi. Kalau ibadah cukup dan sampai matlamat, kita akan jadi orang yang bahagia, tenang dan selamat daripada sakit jiwa.

Bukan kerana kita kaya, ternama dan terhormat, tetapi kerana hati kita puas dengan apa yang ada:

- Sakit pun bahagia apalagi sihat
- Miskin pun bahagia apalagi kaya
- Seorang pun bahagia apalagi kalau berpengikut
- Dihina pun bahagia apalagi dipuja.

Tetapi kalau hati yang tidak bersih (tidak kenal Allah), tidak berhakikat (tasawuf), dia tidak akan rasa bahagia, dia tidak pernah puas dengan nasibnya:

- Kaya pun tidak bahagia apalagi kalau miskin
- Sihat pun tidak bahagia apalagi kalau sakit
- Disanjung pun tidak bahagia apalagi kalau dihina
- Ada pengikut pun tidak bahagia apalagi kalau keseorangan.

Orang yang boleh mendapat kebahagiaan sebenarnya hanyalah orang yang mempunyai tasawuf (kerohanian) yang tinggi. Merekalah yang membangunkan dan mendapatkan syurga untuk dunia dan Akhirat mereka.

Amalan-amalan mereka lahir dan batin menyelamatkan mereka di dunia dan Akhirat. Hati mereka yang selamat di dunia itu jugalah yang akan selamat di Akhirat. Merekalah yang mendapat kemanisan iman, kelazatan beribadah kerana hatinya benar-

benar cinta Allah dan Rasul dan benci kepada mungkar dan maksiat.

Bersabda Rasulullah SAW:

ثَلاَثٌ مَنْ كُنَّ فِيْهِ وَجَدَ حَلاَوَةَ الاِيْمَانِ اَنْ يَكُوْنَ
اللهُ وَرَسُوْلُهُ أَحَبَّ اِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ
الْمَرْءَ لاَ يُحِبُّهُ اِلاَّ للهِ تَعَالَى، وَأَنْ تَكْرَهَ أَنْ يَعُوْدَ
فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ.

Terjemahannya: Tiga perkara *ini, sesiapa yang memilikinya akan mendapat kemanisan* iman:

1. ***Menyintai Allah dan Rasul lebih daripada lainnya.***
2. ***Mencintai seseorang*** semata-mata kerana ***Allah.***
3. ***Benci kembali kepada kekufuran sepertimana benci dicampak ke Neraka.***

(Riwayat: Ahmad, Al Bukhari dan Muslim, At Tarmizi, An Nasai dan ***Ibnu Majah)***

Bila mendapat kemanisan iman, penderitaan menjadi kecil dan dunia tidak ada ruang dalam hatinya. Hatinya asyik dengan Allah. Ini berlaku pada sahabat-sahabat Rasulullah. Bilal, waktu dijemur di tengah panas serta diazab untuk dipaksa kembali kepada kekufuran, dengan tenang dia menjawab, "Ahad, Ahad." Azab tidak terasa azab lagi.

Ini juga berlaku pada seorang sahabat. Untanya dicuri orang di waktu malam semasa sedang bersembahyang. Dia tidak menghentikan sembahyangnya. Dia terasa kemanisan iman dan ibadah hingga lupa bertindak terhadap pencuri itu.

Cerita lain, ada dua orang sahabat yang Rasulullah lantik mengawal tentera Muslimin di satu pepe-

rangan di waktu malam. Seorang tidur sementara seorang lagi jaga dan bersembahyang. Tiba-tiba datang spy musuh, dan ternampaklah kedua sahabat tadi lalu ia menarik busar panah dan memanah sahabat yang sedang sembahyang.

Sahabat itu tidak memutuskan sembahyangnya. Dipanah lagi, sampailah kali ketiga barulah dibangunkan sahabatnya dan berkata, "Kalau tidak takut menimpa umat Islam nescaya aku tidak berhenti sembahyang." Begitulah kemanisan iman yang dirasai.

Mujahadatunnafsi terhadap mazmumah kita kepada manusia seperti hasad, dengki, dendam, buruk sangka, mementingkan diri sendiri, gila pangkat, tamak, bakhil, sombong dan lain-lain boleh dilakukan dengan cara menentang sifat-sifat itu.

Dalam buku saya bertajuk ***Iman dun Persoalannya,*** telah dinyatakan tiga contoh bagaimana melakukan *mujahadah* terhadap sifat bakhil, sombong dan takut.

Di sini saya akan huraikan cara-cara mujahadah penyakit hasad, dengki, pemarah dan gila dunia.

Dalam usaha melawan nafsu itu kita dikehendaki menempuh tiga peringkat:

1. Takhalli (تَخَلِّى)- (Mengosongkan atau membuangkan atau mensunyikan)
2. Tahalli (تَحَلِّى)- (Mengisi atau menghiasi)
3. Tajalli (تَجَلِّى)- (Terasa kebesaran dan kehebatan Allah)

Takhalli

Diperingkat takhalli kita mesti melawan dan membuang terus semua kehendak-kehendak nafsu yang

rendah dan dilarang Allah. Selagi kita tidak mahu membenci, memusuhi dan membuangnya jauh-jauh daripada diri kita, maka nafsu itu akan sentiasa menguasai dan memperhambakan kita.

Sabda Rasulullah SAW

اَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِى بَيْنَ جَنْبَيْكَ

Terjemahannya: Sejahat-jahat musuh ***engkau ialah*** nafsu ***engkau yang terletak di antara dua lambung engkau.***

(Riwayat Al Baihaqi)

Kerana kejahatannya itu telah ramai manusia yang ditipu dan diperdayakan untuk tunduk, bertuhankan hawa nafsu. Ini ada diceritakan oleh Allah dengan fir-man-Nya:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَٰهَهُۥ هَوَىٰهُ وَأَضَلَّهُ ٱللَّهُ

Terjemahannya: Apakah tidak engkau perhatikan orang-orang ***yang mengambil hawa nafsu menjadi Tuhan lalu dia disesatkan Allah.***

(Al Jaathiah: 23)

Apabila nafsu dibiarkan menguasai hati, iman tidak ada tempatnya. Bila iman tidak ada, manusia bukan lagi menyembah Allah Tuhan yang sebenar-benarnya tetapi menyembah hawa nafsu.

Oleh itu usaha melawan hawa nafsu janganlah dianggap ringan. Ia adalah satu jihad yang besar. Ingatlah sabda Rasulullah SAW pada sahabat-sahabatnya ketika pulang dari satu medan peperangan:

رَجَعْنَا مِنَ الْجِهَادِ الاَصْغَرِ اِلَى الْجِهَادِ الاَكْبَرِ، قَالُوْا
وَمَاالْجِهَادُ الاَكْبَرُ؟ قَالَ جِهَادُ الْقَلْبِ اَوْجِهَادُ النَّفْسِ.

Terjemuhannya: Kita baru balik dari satu peperangan yang kecil untuk memasuki peperangan yang lebih besar. Sahabat bertanya: Peperangan apakah itu? Baginda berkata: Peperangan melawan hawa nafsu.

(Riwayat Al Baihaqi)

Melawan hawa nafsu sangatlah susah. Barangkali kalau nafsu itu ada di luar jasad kita dan boleh pula kita pegang, jadi senanglah kita picit dan membunuhnya sampai mati. Tetapi nafsu kita itu ada di dalam diri kita, mengalir bersama aliran darah dan menguasai seluruh tubuh kita. Kerana itu tanpa kesedaran dan kemahuan yang sungguh-sungguh kita pasti dikalahkan untuk diperalatkan semahu-mahunya.

Seseorang yang dapat mengalahkan nafsunya akan meningkat ke taraf nafsu yang lebih baik. Begitulah seterusnya hingga nafsu manusia itu benar-benar dapat ditundukkan kepada perintah Allah.

Untuk lebih jelas biar saya senaraikan akan peringkat-peringkat nafsu manusia sepertimana iman itu sendiri berperingkat-peringkat.

Saya senaraikan dari peringkat yang serendah-rendahnya iaitu nafsu amarah, nafsu lauwamah, nafsu mulhamah, nafsu mutmainnah, nafsu radhiah, nafsu mardhiah dan nafsu kamilah.

Kita yang beriman ilmu ini baru berada di taraf nafsu yang kedua yakni nafsu lauwamah. Kita mesti berjuang melawan nafsu itu hingga dia mahu tunduk sepenuhnya kepada perintah Allah supaya mencapai paling minima nafsu mulhamah dan nafsu mutmainnah, yakni yang ada pada diri seseorang yang memiliki iman 'ayan.

Di 'peringkat iman inilah sahaja kita akan dapat

menyelamatkan diri daripada siksaan Neraka. Ini dinyatakan sendiri oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

يَـٰٓأَيَّتُهَا ٱلنَّفْسُ ٱلْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ٱرْجِعِىٓ إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾ فَٱدْخُلِى فِى عِبَـٰدِى ﴿٢٩﴾ وَٱدْخُلِى جَنَّتِى ﴿٣٠﴾

Terjemahannya: Hai jiwa yang tenang (nafsu mutmainnah) kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang puas lagi diredhai-Nya. Maka masuklah ke dalam jemaah hamba-hamba-Ku. Dan masuklah ke dalam Syurga-Ku.

(Al Fajr: 27-30)

Nafsu jahat dapat dikenali melalui sifat keji dan kotor yang ada pada manusia. Dalam ilmu tasawuf, nafsu jahat dan liar itu dikatakan sifat mazmumah.

Di antara sifat-sifat mazmumah itu ialah sum'ah, riyak, ujub, cinta dunia, gila pangkat, gila harta, banyak cakap, banyak makan, dan mengumpat.

Sifat-sifat ini melekat pada hati sepertilah daki melekat di badan. Kalau kita malas menggosok akan tambah menebal dan kuatlah ia bertapak. Sebaliknya kalau kita rajin meneliti dan kuat menggosoknya maka akan bersihlah hati dan sucilah jiwa.

Bagaimanapun membuang sifat mazmumah dari hati tidaklah sesenang membuang daki di badan. Ia memerlukan latihan jiwa yang sungguh-sungguh, didikan yang berterusan dan tunjuk ajar yang berkesan daripada guru yang mursyid yakni guru yang dapat membaca dan menyelami hati murid-muridnya hingga ia tahu apakah kekurangan dan kelebihan murid itu. Malangnya di akhir zaman ini, kita ketiadaan guru yang mursyid.

Nasib kita hari ini umpama nasib anak-anak ayam yang kehilangan ibu. Tiada yang akan memandu kita melalui jalan kebaikan yang ingin kita tempuhi. Meraba-rabalah kita.

Tetapi bagi orang yang mempunyai keazaman yang kuat untuk membersihkan jiwanya, ia tidak akan kecewa kerana tiada orang yang boleh mendidik dan memimpinnya. Ia akan sanggup berusaha sendiri demi kesempurnaan diri dan hidupnya sendiri.

2. Tahalli

Tahalli bererti menghiasi yakni perkataan lawan bagi takhalli. Sesudah kita mujahadah yakni mengosongkan hati daripada sifat terkeji atau mazmumah, segera pula kita menghiasi hati dengan sifat-sifat terpuji atau mahmudah.

Untuk mudah difahami cuba kita gambarkan hati kita sebagai sebuah mangkuk. Selama ini mangkuk itu berisi sifat-sifat mazmumah. Setelah kita mujahadah maka sifat itu keluar meninggalkan mangkuk kosong. Waktu itulah kita masukkan ke dalam mangkuk itu sifat mahmudah.

Di antara sifat-sifat mahmudah yang patut menghiasi hati kita ialah jujur, ikhlas, tawadhuk, amanah, taubat, bersangka baik, takutkan Allah, pemaaf, pemurah, syukur, zuhud, tolak ansur, redha, sabar, rajin, berani, lapang dada, lemah lembut, kasih-sayang sesama mukmin, selalu ingatkan mati dan tawakal.

Untuk menghiasi hati dengan sifat mahmudah kita perlu sekali mujahadah. Saya tegaskan sekali lagi bahawa dalam peringkat mujahadah kita masih terasa berat dan susah. Maknanya belum ada ketenangan dan kelazatan yang sebenarnya. Insya-Allah kalau kita

sungguh-sungguh, lama kelamaan bila ia sebati dengan hati akan terasalah lazatnya.

Cara-cara mujahadah dalam tahalli samalah seperti kita mujahadah untuk takhalli.

Misalnya kita mahu mengisi hati dengan sifat pemurah, maka kita mujahadah dengan mengeluarkan harta atau barang kita terutama yang kita suka dan sayang untuk diberikan kepada yang memerlukan. Mulanya tentu terasa berat dan payah tetapi janganlah menyerah. Kita lawan. Ingatkan hati bagaimana orang-orang muqarrobin berebut-rebut untuk dapat pahala sedekah.

Sayidatina Aishah r.a di waktu tiada apa-apa untuk dimakan, beliau cuba untuk mendapatkan hanya sebelah kurma untuk disedekahkan. Begitu inginnya mereka pada pahala dan rindunya kepada Syurga. Mereka berlumba-lumba menyahut pertanyaan Allah SWT:

من ذا الذي يقرض الله قرضا حسنا
فيضعفه له وله أجر كريم ﴿١١﴾

Terjemahannya: Siapakah yang mahu meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik nanti Allah akan melipatgandakan (balasan) pinjaman itu untuknya dan dia akan memperolehi pahala yang banyak.

(Al Hadid: 11)

Setiap kali kita rasa sayang pada harta kita setiap kali itu pula kita keluarkannya. Insya-Allah lama kelamaan kita akan memiliki sifat pemurah.

Begitu juga dengan sifat-sifat yang lain seperti kasih sayang, berani, tawadhuk, pemaaf, zuhud dan

semua sifat-sifat mahmudah yang lain perlulah kita miliki dan untuk itu kenalah mujahadah. Jika tidak iman juga turut tiada sebab iman berdiri di atas sifat-sifat mahmudah.

3. Tajalli

Sebagai hasil mujahadah dalam takhalli dan tahalli kita memperolehi tajalli iaitu sejenis perasaan yang datang sendiri tanpa memerlukan usaha lagi.

Agak sukar untuk ditulis apa itu tajalli sebenarnya sebab ia hanyalah sejenis perasaan (zauk) yang hanya mungkin dimengertikan oleh orang-orang yang merasainya. Sepertilah kemanisan gula, tidak dapat digambarkan dengan tepat kecuali dengan merasai sendiri gula itu.

Tajalli secara ringkas ialah perasaan lapang, tenang dan bahagia. Hati seakan-akan celik, hidup, nampak dan terasa kehebatan Allah.

Ingatan dan rindu penuh tertuju pada Allah. Harapan dan pergantungan tiada pada yang lain lagi selain daripada Allah. Seluruh amal bakti adalah kerana dan untuk Allah semata-mata. Apa sahaja masalah hidup, dihadapi dengan tenang dan bahagia. Tiada apa pun kesusahan dalam hidupnya sebab semua itu dirasakan pemberian daripada kekasihnya, Allah SWT.

Kalau begitu, bagi orang-orang yang beriman dunia ini sudah terasa sebagai Syurga. Kebahagiaan mereka adalah kebahagiaan sejati dan abadi iaitu kebahagiaan hati.

Hasad dengki menjadikan jiwanya menderita, kecewa dan sakit jiwa. Hatinya tidak selamat di dunia maka tidak mungkin dia boleh selamat di Akhirat.

Firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Terjemahannya: Hari khiamat iaitu hari di mana harta ***dan anak-anak tidak berguna kecuali mereka yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera.***

(Asy Syuara': 88-89)

1. HASAD DENGKI

Hampir semua orang dihinggapi penyakit hasad dengki. Cuma bezanya banyak atau sedikit, bertindak atau tidak. Hatta ulama-ulama pun terkena penyakit ini bahkan lebih berat lagi.

Hadis ada mendedahkan tentang enam golongan manusia yang akan tercampak ke dalam Neraka dengan enam sebab. Salah satu dari mereka ialah ulama kerana hasadnya.

Allah SWT menjelaskan tentang orang-orang yang hasad dengki dalam surah Muhammad:

أَمْ حَسِبَ الَّذِينَ فِي
قُلُوبِهِم مَّرَضٌ أَن لَّن يُخْرِجَ اللَّهُ أَضْغَانَهُمْ ﴿٢٩﴾
وَلَوْ نَشَاءُ لَأَرَيْنَاكَهُمْ فَلَعَرَفْتَهُم بِسِيمَاهُمْ ۚ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي
لَحْنِ الْقَوْلِ ۚ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَالَكُمْ ﴿٣٠﴾

Terjemahannya: Atau apakah orang-orang yang ada ***penyakit dalam hatinya mengira bahawa Allah tidak akan*** menampakkan ***kedengkian mereka? Dan kalau Kami kehendaki nescaya Kami tunjukkun mereka padamu sehingga kamu benar-benar dapat***

mengenal *mereka dengan tanda-tandanya. Dan kamu benar-benar* akan mengenal mereka *dari kiasan;kiasan pedcataan mereka dan Allah mengetahui perbuatan kamu.*

(Muhammad: 29-30)

Tanda adanya hasad dengki dalam diri kita ialah apabila orang lain dapat kejayaan kita sakit hati dan orang lain dapat bencana kita senang hati. Jiwanya sentiasa menderita dan terseksa.

Bahayanya hasad dengki ialah seperti apa yang disabdakan oleh Rasulullah SAW

اِنَّ اَلْحَسَدَ يَأْكُلُ الْحَسَنَاتِ كَمَا تَأْكُلُ النَّارُ الحَطَبَ

Terjemuhannya: Sesungguhnya hasad itu memakan amalan kebaikan seperti api memakan kayu.

Bila kita berhasad dengki, kita akan hina menghina, fitnah memfitnah, benci membenci, dendam mendendam, jahat sangka dan mengadu domba yang semuanya akan mendatangkan dosa-dosa dan menghapuskan kebaikan lainnya.

Seseorang yang melayan hasad dengkinya adalah penjahat dan perosak serta pemecah-belah persaudaraan antara manusia. Juga dia seorang yang paling biadab dengan Allah SWT. Sama ada dia sedar atau tidak, dia benci kepada Allah.

Walau banyak mana sekalipun sembahyangnya, puasanya, hajinya dan hebat perjuangannya tetapi di sisi Allah tetaplah dia ahli Neraka.

Pernah sahabat-sahabat bertanya Rasulullah SAW:

إِنَّ فُلاَنَةً تَصُوْمُ النَّهَارَ وَتَقُوْمُ الْلَيْلَ وَتُؤْذِيْ
جِيْرَانَهَا فَقَالَ صَلَّ اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هِيَ فِيْ النَّارِ

Terjemahannya: Sesungguhnya ada seorang *wanita yang berpuasa siang harinya dan di malam harinya bersembahyang tahajjud tetapi selalu menyakiti jirannya dengan lidahnya.*

Jawab baginda Rasulullah: "(Tidak ada kebaikan lagi baginya) dia adalah ahli Neraka."

Orang yang kaki tahajjud dan puasa sunat pun masuk Neraka kerana hasad dengki, apalagi kita yang tiada bertahajud, puasa sunatpun tidak, masih lemak dengan hasad dengki dan umpat-mengumpat ini.

Kalau betul kita beriman kepada Allah dan takutkan Neraka, insaflah akan kejahatan hati-hati kita itu dan marilah kita membaikinya dengan melakukan mujahadatunnafsi.

Allah berfirman:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ لَا يَسْخَرْ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ
عَسَىٰٓ أَن يَكُونُوا۟ خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَآءٌ مِّن نِّسَآءٍ عَسَىٰٓ أَن يَكُنَّ
خَيْرًا مِّنْهُنَّ ۖ وَلَا تَلْمِزُوٓا۟ أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا۟ بِٱلْأَلْقَٰبِ ۖ
بِئْسَ ٱلِٱسْمُ ٱلْفُسُوقُ بَعْدَ ٱلْإِيمَٰنِ ۚ وَمَن لَّمْ يَتُبْ
فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلظَّٰلِمُونَ ﴿١١﴾

Terjemahannya: Hai orang yang beriman, janganlah satu kaum menghina kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka (yang dihina) lebih baik dari mereka (yang menghina) *dan janganlah pula wanita-wanita menghina wanita-wanita* lain *(kerana) boleh jadi wanita (yang dihina) itu lebih baik dari mereka (yang menghina) dan janganlah kamu panggil-memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman (seperti hai fasik, kafir*

dan lain-lain) dan barangsiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

(Al Hujurat: 11)

يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱجْتَنِبُوا۟ كَثِيرًا مِّنَ ٱلظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ ٱلظَّنِّ إِثْمٌ ۖ
وَلَا تَجَسَّسُوا۟ وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن
يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ
إِنَّ ٱللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Terjemahannya: Hai orang-orang yang beriman, jauhilah dari banyak prasangka. Sesungguhnya sebahagian dari prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Menerima Taubat lagi Maha Penyayang.

(Al Hujurat: 12)

Begitulah pujukan-pujukan Allah pada kita supaya kita tidak lagi berhasad dengki, umpat mengumpat dan buruk sangka.

Di antara langkah-langkah yang mesti kita lakukan sebagai mujahadah terhadap hasad dengki ialah:

- **Setiap kali orang yang kita dengki itu apabila beroleh kejayaan, kita kunjungilah dia untuk mengucap tahniah dan bergembira bersama-**

nya. Sebaliknya apabila orang itu mendapat bencana, kita kunjungi pula untuk mengucapkan takziah dan tumpang bersedih bersamanya.

- Sanjung dan pujilah kebaikan dan keistimewaan orang yang kita hasad dengki itu di belakangnya dan kalau ada kesalahan dan keburukannya kita rahsiakan.
- Selalulah ziarah dan beri hadiah pada orang yang kita dengki itu.
- Kalau ada orang cuba menjatuhkan orang yang kita dengki itu, kita pertahankan dia. Jangan layan orang (atau syaitan) yang hendak merosakkan mujahadah kita.
- Berdoalah pada Allah SWT agar memudahkan kita mengubat penyakit dengki yang ada dalam diri kita itu.

Ingatlah selalu fir-man-Nya:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا

Terjemahannya: Dan mereka yang berrnujahadah pada jalan Kami nescaya ***Kami tunjuki jalan-jalun Kami*** itu.

(Al Ankabut: 69)

Timbul hasad dengki kita pada seseorang ialah kerana orang itu mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang mengatasi apa yang ada pada diri kita.

Bila kita terasa orang itu telah mengalahkan kita dalam perjuangan atau perlumbaan maka datanglah dengki itu.

Sepatutnya tidak begitu. Kalau kita beriman dengan Allah, yakin akan keadilan-Nya mengatur pemberian kepada hamba-hamba-Nya, kita tidak akan berdengki-dengkian lagi.

Firman Allah:

وَلَا تَتَمَنَّوْا۟ مَا فَضَّلَ ٱللَّهُ بِهِۦ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍۚ

Tcrjemahannya: *Janganlah* kamu *irihati terhadap apa yang dikurniakan Allah kepada sebahagian kamu lebih banyak dari sebahagian yang lain.*

(An Nisa': 32)

Allah yang melebih dan mengurangkan pemberian-Nya kepada seseorang. Dan Allah adalah adil atas pemberian lebih dan kurang itu. Dia bermaksud menguji kita. Siapa yang sedar dirinya sebagai hamba-Nya, lalu akan sentiasa bersyukur pada nikmat yang diperolehi, redha dengan taqdir dan sabar menunggu ujian.

Dalam hadis Qudsi Allah berfirman:

مَنْ لَمْ يَرْضَ بِقَضَائِيْ وَلَمْ يَصْبِرْ عَلَى بَلَائِيْ فَلْيَلْتَمِسْ رَبًّا سِوَايَ.

Terjemahannya: *Barangsiapa tidak redha terhadap taqdir yang berlaku ddn tidak sabar terhadap bala (cubaan) daripada-Ku, maka carilah Tuhan selain Aku.*

(Riwayat: At Tabrani)

Dalam Al Quran Allah berfirman:

ٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْمَوْتَ وَٱلْحَيَوٰةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا
وَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْغَفُورُ

Terjemahannya: Dialah yang menjadikan mati dun ***hidup supayd Dia menguji kamu siapa antara kamu yang lebih baik amalnya dan Dia maha Perkasa lag-i Maha*** Pengampun.

(Al Mulk: 2)

Itulah maksud Allah menjadikan hidup yang sementara ini. Firman-Nya lagi:

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ
فَجَعَلْنَٰهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah mencip-takan manusia dari setitis mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya (dengan ***perintah dan larangan) kerana itu*** Kami ***jadikan dia mendengar dan melihat.***

(Al Insan: 2)

Kalau Allah lebihkan seseorang itu dari kita, ertinya Allah mahu menguji kita sama ada sabar dan redhakah kita dengan kekurangan yang Allah takdirkan. Dan kalau Allah lebihkan kita dari seseorang, ertinya Allah mahu menguji kita, bersyukurkah kita terhadap nikmat itu atau sebaliknya sombong, bongkak, dan lupa diri sebagai hamba Allah.

Kalau begitu apa perlu hasad dengki? Kalau hasad dengki juga ertinya kita tidak redha dengan Allah. Kita tidak senang dengan peraturan-Nya dan kita tidak menerima kehendak-Nya. Sebab itu orang yang hasad bukan sahaja bermusuh dengan orang yang dihasadkan itu tetapi juga bermusuh dengan Allah. Biadab dengan manusia dan biadab dengan Allah maka layaklah menjadi ahli Neraka.

2. PEMARAH

Sifat pemarah berasal dari sifat sombong (ego). Lagi besar ego seseorang itu lagi besarlah pemarahnya. Ini berkaitan pula dengan kedudukan seseorang.

Kalau tinggi kedudukannya, besar pangkatnya, banyak hartanya, ramai pengikutnya maka tinggilah egonya dan menjadi-jadilah pemarahnya. Sebaliknya seseorang yang rendah taraf kedudukannya kuranglah rasa ego maka kuranglah sifat pemarahnya.

Lihat antara seorang ayah dengan anaknya. Jarang kita dengar si anak memarahi ayah. Yang selalu berlaku ialah ayah memarahi anak. Atau antara tuan rumah dengan orang gajinya. Tidak pernah orang gaji marahkan tuannya tetapi tuan selalu marahkan orang gaji itu. Atau seperti murid dengan guru. Murid tidak pernah marah gurunya tetapi guru selalu marahkan muridnya.

Sebagai misalan yang lain, ketua pejabat dengan pekerjanya. Jarang kerani marahkan "boss"nya tetapi boss selalu marahkan keraninya. Begitulah seterusnya. Jarang kita temui seorang ayah, guru, ketua pejabat, tuan rumah dan seorang pemimpin yang tidak bersifat pemarah terhadap orang-orang di bawah mereka.

Pendeknya sifat pemarah ini ada pada setiap orang dari kita seperti hasad dengki. Pemarah juga adalah sifat mazmumah yakni sifat terkeji. Ia boleh memecahbelahkan hati-hati manusia. Sebab itu seorang yang pemarah adalah seorang yang biadap terhadap Allah SWT.

Kenapa mesti marah ? Cuba kita renung sebuah bait gubahan seorang mujahid:

Takdir Allah sudah putus dan putusan Allah sudah terjadi. Istirehatkun hati dari kata-kata "barangkali" dan "kalau ".

Setiap kesilapan dan kelemahan manusia pada kita adalah ujian Allah untuk kita. Allah mahu lihat siapa yang mampu menahan rasa malunya kepada Allah sambil mengucapkan "إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُوْنَ"

Mari kita lihat bagaimana tindakan seorang mukmin sejati terhadap takdir-takdir buruk yang menimpa hidupnya:

Ahnaf bin Qais adalah seorang yang lemah lembut. Beliau ditanya orang: Dengan siapakah beliau belajar berlemah lembut itu?

Ahnaf menjawab, "Dengan Qais bin Asim iaitu pada suatu hari ketika Qais bin Asim sedang berehat-rehat masuklah jariahnya (hamba) membawakan Qais panggang besi berisi daging panggang yang masih panas.

"Belum sempat diletakkan di depan Qais tanpa sengaja besi pemanggang itu jatuh menimpa anak kecil Qais. Menjerit-jeritlah si anak, kesakitan dan kepanasan hingga meninggal dunia. Qais dengan tenang melihat kejadian yang menyayat hati itu dan berkata kepada hamba yang pucat mukanya, "Aku

bukan sahaja tidak marah kepada kamu, tetapi mulai hari ini kamu aku merdekakan."

"Begitulah sopan santun dan lemah lembutnya Qais bin Asim," Kata Ahnaf bin Qais mengakhirkan ceritanya.

Bukan Qais tidak sayangkan anaknya tetapi hatinya sentiasa melihat pentadbiran Allah dan sentiasa merasakan sesuatu kejadian adalah takdir dari Allah, sentiasa sabar dengan Allah, redha dengan Allah serta rasa kehambaannya pada Allah, rasa malu, hina dan takut dengan kekuasaan Allah membuat Qais tenang menghadapi kematian anaknya disebabkan kecuaian hambanya.

Hati Qais memandang kejadian itu sebagai ujian Allah ke atasnya barangkali untuk penghapusan dosa atau untuk mengangkat darjatnya di sisi Allah SWT. Kerana itu hatinya tenang.

Dia (Qais) redha dengan ujian itu malah dengan ujian itu dirasakan mendapat peluang untuk mendekatkan lagi hatinya pada Allah SWT. Sebab itu dia tidak nampak lagi kesalahan jariahnya.

Bukan sahaja dia tidak marah malah rasa kasihan pada jariah yang ketakutan itu memaksa Qais membebaskan hambanya itu. Dia hanya nampak pentadbiran Allah yang wajib diterima tanpa soal jawab dan tanpa "kalau" lagi.

Demikian rasa kehambaan yang menghiasi hati dan roh Qais, seorang yang cukup berakhlak terhadap Allah SWT dan terhadap manusia (hambanya).

Demikian rasa marah lahir dari perasaan "ketuanan" yang ada dalam hati kita. Kita rasa kita yang lebih besar, kita lebih mulia, lebih hebat dari orang lain.

Tanpa perasaan-perasaan itu tidak mungkin kita jadi pemarah. Kita akan berlemah lembut, memaafkan kesalahan orang dan bertolak ansur dengan

sesama manusia. Sebab kita manusia sama sahaja yang datang ke dunia melalui jalan yang gelap, lubang kencing yang hina tanpa sedikitpun harta, dalam keadaan busuk hanyir, bodoh dunggu, pekak, bisu, buta, capek dan hodoh sekali.

Firman Allah:

وَٱللَّهُ أَخْرَجَكُم مِّنۢ بُطُونِ أُمَّهَٰتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْـًٔا وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۙ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Terjemahannya: Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu ***pun dan Dia member-i kamu pendengaran, penglihatan dan hati. Moga-moga kamu bersyukur.***

(An Nahl: 78)

Allah-lah yang mencantikkan kita kemudiannya dan diberi sedikit kelebihan. Kepandaian dan keistimewaan itu Allah pinjamkan sekejap sahaja. Tujuannya supaya kita dapat beribadah dan berbakti menurut kehendak-Nya (bersyukur).

Bukan untuk kita rasa kita lebih mulia, kita hebat hingga datang pula perasaan-perasaan sombong, riak, bengis dan pemarah kepada orang lain yang agak kurang dari kita.

Sepatutnya bila kita rasa ada kelebihan pada kita, kita jadi takut pada Allah. Takut kalau-kalau nikmat itu tersalah guna hingga menderhakai Allah Taala dan berdosa pada manusia.

Takut kalau-kalau nikmat itu menjadikan hati rasa "tuan" maka timbullah sifat ego yang besar yang

membiakkan bermacam-macam mazmumah yang sangat dibenci oleh Allah. Firman-Nya:

فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ ٱللَّهُ مَرَضًا

Terjemahannya: Dalam *hati mereka ada penyakit lalu Allah tambahkan penyakit mereka.*
(Al Baqarah: 10)

Kita mesti ubati penyakit hati kita. Ertinya kita mesti buang rasa "ketuanan" kita iaitu dengan melakukan mujahadatunnafsi.

1. Mula-mula kita mesti rasa malu kepada Allah. Kalau ada orang besar di rumah kita, sanggupkah memarahi isteri kita di depan orang itu? Tentu tidak. Allah sentiasa melihat malah sentiasa bersama kita.

Kalau kita yakinkan ini tentu kita tidak akan jadi pemarah lag-i sebab kita tahu Allah tidak suka kita jadi pemarah. Rasa malu dan takut kepada Allah akan membuatkan kita sentiasa berlemah-lembut dan memaafkan kesalahan orang kepada kita.

2. Bila datang rasa hendak marah kita kata begini: 'Ya Allah, aku tahu pemarah itu adalah hina di sisi-Mu. Tolonglah pelihara diriku daripada kejahatan nafsu ini dan selamatkan aku daripada api Neraka.

3. Sesudah itu kita diam. Jangan marah tetapi banyakkan zikir dan ingat kebesaran Allah. Allah Tuhan yang Maha Besar itu pun bersifat sangat pemaaf. Siapa kita untuk jadi pemarah? Bukankah kita hamba yang hina dina?

4. Kita harus insaf bahawa setiap manusia termasuk diri kita sendiri, ada kelemahan dan kekurangan. Kalau hari ini orang bersalah pada kita, maka tidak mustahil bahawa nanti kita pula bersalah dengan orang.

Kalau kita bersalah kita tidak suka orang marahi kita. Maka begitulah juga kalau orang yang bersalah dengan kita dia tidak suka kalau dimarahi. Tegurlah dengan lemah lembut dan kasih sayang. Firman Allah:

فَقُولَا لَهُۥ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُۥ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾

Terjemahannya: Maka katakanlah (hai Musa dan Harun) kepadanya (Firaun) dengan kata-kata yang lemah lembut mudah-mudahan ia ingat dan takut.

(Thaha: 44)

Sudah begitu jahat dan kufurnya Firaun terhadap Allah, namun Allah masih lagi perintahkan kepada Nabi-Nya supaya berlemah lembut. Sebab hanya dengan lemah lembut, hati manusia boleh lembut dan jadi insaf dan takut.

Sebaiknya kalau kita berkasar bukan sahaja orang yang dikasari tidak menerima teguran kita malah dia benci dengan kekerasan kita. Di sisi Allah pula kita tercatit dengan kekerasan kita. Di sisi Allah kita tercatit sebagai orang yang tidak berakhlak dan tidak berhikmah sedangkan Allah memerintahkan kita supaya berhikmah:

ٱدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِٱلْحِكْمَةِ وَٱلْمَوْعِظَةِ ٱلْحَسَنَةِ ۖ
وَجَٰدِلْهُم بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ ۚ

Terjemahannya: Serulah (semua munusia) kepada Tuhanmu dengan hikmah (bijaksana) dan pengajaran yang baik dun berhujjahlah dengan mereka secara yang paling baik.

(An Nahl: 125)

3. GILA DUNIA

Gila dunia juga adalah penyakit hati atau satu mazmumah yang menghalang kita untuk mendekatkan hati dengan Allah (yakni penghalang untuk mencapai darjat kerohanian yang tinggi).

Seorang pencinta dunia ialah seorang yang hatinya dipenuhi keinginan untuk meluas dan membanyakkan ketinggian dan kekayaan di dunia maka fikirannya sentiasa bekerja untuk tujuan itu dan lahirnya ia bertungkus lumus untuk itu.

(Dunia ialah segala sesuatu yang tiada manfaatnya untuk Akhirat; sebaliknya apa sahaja perkara yang boleh diuntukkan pada akhirat maka ia bukan lagi disebut dunia).

Lawan kepada penyakit gila dunia ialah sifat zuhud iaitu hati yang tiada keinginan kepada sesuatu yang tiada manfaat untuk akhirat. Firman Allah:

تِلْكَ ٱلدَّارُ ٱلْءَاخِرَةُ نَجْعَلُهَا لِلَّذِينَ لَا يُرِيدُونَ
عُلُوًّا فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فَسَادًا

Terjemahannya: Itulah negara Akhirat (syurga) yang Aku jadikan (syurga itu) untuk orang-mang yang tidak mcnginginkan ketinggian dan kerosakan di muka bumi ini.

(AI Qashash: 83)

Hati yang tiada keinginan untuk jadi "tuan" dan tidak pula ingin untuk melakukan kejahatan (kerosakan) di dunia, itulah hati yang selamat dan itulah bakal penghuni syurga. Firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Terjemahannya: Hari Qiamat (hari manusia meninggalkan dunia** ini) **ialah hari di mana harta dan anak-anak tiada member-i manfaat kecuali mereka yang datang mengadap Allah membawa hati yang selamat.

(Asy Syuara': 88-89)

Mungkin kita bertanya: Bagaimana boleh saya buang keinginan kepada dunia yang indah ini? Sebab kita hidup di kelilingi oleh tarikan-tarikan dunia yang amat menarik dan hati kita pula sangat cinta padanya?

Pertama, ketahuilah bahawa ada antara dunia ini yang diharamkan dan wajiblah kita jauhi. Tentang yang dihalalkan, tidak berdosa kalau diambil tetapi janganlah berlebih-lebihan iaitu lebih dari keperluan.

Rasulullah SAW pernah menyatakan benci kepada dunia, kerana dua perkara. Sabda baginda:

حَلَالُهَا حِسَابٌ وَحَرَامُهَا عَذَابٌ

Terjemahannya: Halalnya akan dihisab dan haramnya diseksa (dalam Neraka).

Satu hari ketika baginda berjalan bersama sahabat-sahabat, Rasulullah terjumpa seekor bangkai kambing. Baginda bertanya sahabat, ***'Mengapa bangkai ini dibuang oleh*** tuannya?"

Sahabat menjawab, "Kerana ia tidak berguna lagi maka ia dibuang dan tidak dihiraukan oleh tuannya."

Maka bersabda Rasulullah SAW:

"Demi Allah yang menguasai diriku, bahawa dunia ini lebih rendah pada pandangan Allah daripada bangkai kambing pada pandangan tuannya."

Seterusnya baginda bersabda:

"Dunia ini terkutuk dan terkutuk pula apa-apa yang ada di dulamnya kecuali yang digunakan untuk mencari keredhaan Allah."

Dari itu ketahuilah mengambil dunia ini lebih daripada keperluan atau bukan untuk mencari keredhaan Allah adalah tidak sunnah hukumnya. Kalau begitu ia akan jadi hijab antara kita dengan Allah yakni akan membutakan hati dan memisahkan kita daripada Allah.

Bagi orang yang menyedari hakikat ini tentu mereka tidak cinta lagi kepada dunia. Dunia yang nampaknya indah ini rupanya buruk sifatnya. Umpama bunga dedap, rupa dan warnanya sungguh menarik hati tetapi tiada baunya. Atau umpama perempuan cantik yang jahat perangainya tentu tiada gunanya.

Kita orang awam yang tidak kenal sifat dunia ini, kecantikannya menawan hati. Tetapi bagi bijak pandai, iaitu orang-orang arif seperti Nabi dan Rasul, para muqarrobin dan solehin, mereka kenal sangat dunia ini tentang buruk dan hinanya. Sebab itu mereka zuhud terhadapnya. Mereka ambil bahagian dunia ini yang tidak boleh tidak sahaja. Lebihnya adalah umpama najis pada mereka sebab itu mereka buang sahaja.

Tugas kita sekarang mujahadah dengan nafsu gila dunia itu. Kita lawan keinginan rendah itu hingga ia tewas. Barulah keinginan kita kepada Allah dan hari Akhirat akan timbul dan bernyala-nyala dalam dada kita.

Langkah-langkah yang perlu diambil antaranya:

- Harta, wang ringgit, pakaian, makanan, kenderaan, tempat tinggal dan lain-lain kekayaan kita yang halal yang kita "bank"kan selama ini hendaklah kita gunakan untuk mencari keredhaan Allah.

- Kedudukan kita, jawatan, pangkat, nama yang masyhur, pengaruh dan apa sahaja ketinggian kita yang memungkinkan kita rasa "tuan" di dunia ini hendaklah dialatkan untuk mencari keredhaan Allah sama ada untuk menegakkan hukum Allah, mempergiatkan dakwah Islamiah, berlaku adil dan ikhlas dalam pentadbirannya dan membuka peluang-peluang yang banyak untuk Islam dan umatnya.

- Hentikan dari usaha-usaha mencari kekayaan dan ketinggian dunia hanya kerana keseronokan duniawi tetapi arahkan usaha itu kepada agama Allah untuk negara Akhirat yang kekal abadi.

- Bahagi-bahagikan isi dunia yang datang kepada hamba-hamba Allah yang lebih memerlukannya.

- Kosongkan hati kita daripada keinginan kepada kekayaan dan ketinggian duniawi.

- Pintalah hidayah dan taufik Allah selalu agar kita menjadi seorang yang zahid yang berilmu yang menolak dunia kerana Allah sebagaimana yang disunnahkan oleh junjungan mulia Muhammad SAW.

Sabda baginda:

Dua rakaat sembahyang dari seorang alim yang hatinya xuhud ***bbih baik dan lebih disukai Allah dari ibadah orang-orang abid yang dilakukan se-***lamu umur dunia ***kerana ibadah tanpa ilmu tiada bernilai.***

Firman Allah SWT:

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ
وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ
ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ
ٱلدُّنْيَا ۖ وَٱللَّهُ عِندَهُۥ حُسْنُ ٱلْمَـَٔابِ ﴿١٤﴾ قُلْ أَؤُنَبِّئُكُم بِخَيْرٍ
مِّن ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ ٱتَّقَوْا۟ عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّٰتٌ تَجْرِى مِن
تَحْتِهَا ٱلْأَنْهَٰرُ خَٰلِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَٰجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَٰنٌ
مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ بَصِيرٌۢ بِٱلْعِبَادِ ﴿١٥﴾ ٱلَّذِينَ يَقُولُونَ
رَبَّنَآ إِنَّنَآ ءَامَنَّا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٦﴾

Terjemahannya: ***Dijadikan indah pada (pandangan) manusia berbagai*** keinginanan ***yang terdiri daripada wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternakan dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia dan di sisi Allahlah tempat kembali yang baik (Syurga).***

Katakanlah: ***Mahukah aku khabarkan kepadamu apa yang lebih baik dari yang demikian itu ? Untuk*** orang-orang ***yang bertaqwa terhadap Tuhan mereka ialah Syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai. Mereka kekal di dalamnya. Dan (ada pula) isteri-istei yang disucikan serta mendapat keredhaan Allah dan Allah Maha Melihat akan hamba-hamba-Nya.***

Mereka itu selalu berdoa: "Ya Tuhan kami sesungguhnya kami ***telah beriman maka ampunilah segala dosa kami dan peliharalah kami dari*** seksa ***Neraka. "***

(Ali Imran: 14-16)

Bersabda Rasulullah SAW maksudnya:

Sesungguhnya Allah suka memberi keduniaan dengan sebab amalan ***Akhirat tetapi kalau amalnya khusus untuk dunia maka tidak akan diberi Akhirat.***

4

Sebab-Sebab Hati Terhijab

JASAD batin atau roh yang selalu kita ertikan sebagai hati, mempunyai kebolehan memandang dan mengenal sesuatu, merasa senang susah, lahir atau ghaib khususnya Allah SWT.

Inilah kelebihan manusia daripada haiwan-haiwan iaitu mempunyai hati yang dapat mengenal Allah dengan sebenarnya hingga ia menjadi hamba Allah yang benar-benar takutkan Allah. Ini difirmankan Allah:

إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ

Terjemahannya: Apabila disebut nama Allah, gementarlah hati-hati mereka.

(Al Anfaal: 2)

Hati yang terang-benderang begini dimiliki oleh para ***'ariffin, muqarrobin*** dan ***solehin.*** Hati mereka nampak dan kenal betul sifat-sifat keagungan Allah. Sebab itu mereka dapat benar-benar menghambakan diri kepada Allah SWT. Sebaliknya ada juga manusia yang hatinya gelap (buta) tidak nampak dan tidak kenal Allah. Ini juga ada difirmankan oleh Allah SWT:

أَفَمَن يَعْلَمُ أَنَّمَآ أُنزِلَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ ٱلْحَقُّ كَمَنْ هُوَ أَعْمَىٰٓ ۚ
إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُو۟لُوا۟ ٱلْأَلْبَٰبِ ﴿١٩﴾

Terjemahannya: ***Adakah*** orang ***yang mengetahui bahawasanya apa yang diturunkan kepadamu daripada Tuhanmu itu benar sama sefxrti orang yang*** buta ***(mengetahui)*** ? ***Hanyalah orang-orang yang berakal sahaja yang dapat mengambil pelajaran.***

(Ar Ra'd: 19)

Firman Allah lagi:

أُو۟لَٰٓئِكَ ٱلَّذِينَ طَبَعَ ٱللَّهُ عَلَىٰ قُلُوبِهِمْ وَسَمْعِهِمْ
وَأَبْصَٰرِهِمْ ۖ وَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْغَٰفِلُونَ ﴿١٠٨﴾

Terjemahannya: Mereka itulah orang-orang yang hatinya, pendengarannya dan penglihatannya telah dikunci oleh Allah dan mereka itulah orang-orang yang lalui.

(An ***Nahl: 108)***

Dari Umar bin Al Khattab, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

> Cap penutup ***hati tergantung di kaki*** arasy ***maka bila larangan Allah dilanggar*** dan yang ***diharamkan-Nya dianggap halal, Allah mengirim cap penutup hati*** ini ***lalu hati para pelanggar dikenakan cap ini.***

Bila hati sudah buta, sudah dikunci mati oleh Allah SWT, tidak dapat lagilah ia mengenal Allah.

Begitulah hati orang-orang kafir dan munaflk yang menyebabkan mereka menolak kebenaran.

Walaupun kita umat Islam, hati kita juga masih buta. Buktinya ialah kita masih tergamak membuat dosa (kecil atau besar). Orang yang masih buat dosa ialah orang yang tidak takutkan Allah. Orang yang tidak takutkan Allah ialah orang yang tidak kenal siapa Allah. Tidak kenal Allah ialah lantaran kerana hati telah buta.

Sabda Rasulullah SAW

انَّ الْمُؤْمِنَ اذَا اَذْنَبَ ذَنْبًا كَانَ نُكْتَةً سَوْدَاءَ فِىْ قَلْبِهِ فَإِنْ تَابَ وَنَزَعَ وَاسْتَعَبَ صَقُلَ قَلْبَهُ، وَانْ زَادَتْ تَغَلَّقَ قَلْبَهُ

Terjemahannya: Sesungguhnya seorang mukmin apabila melakukan dosa terjadilah satu bintik hitam di hatinya, maka jika dia bertaubat dun berusaha membuangnya selamatlah hatinya, dan kalau bertambah dosanya bertambahlah terkunci hatinya.

Sabda baginda lagi yang maksudnya:

Orang yang membuat satu dosa hilanglah sebahagian akalnya untuk tidak kembali lagi selamalamanya.

Kalau mata kita buta, kita tidak dapat melihat, tidak mengenal malah tidak dapat berjalan lagi. Begitulah kalau hati buta, kita tidak dapat mengenal Allah dan tidak dapat menempuh jalan syariat lagi.

Kita tidak takut, tidak redha, tidak tawakal, tidak yakin, tidak berharap kepada Allah, tidak cinta, tidak

yakin dengan janji-Nya iaitu Syurga, Neraka, Hari Hisab, seksa kubur, dan lain-lain lagi. Dan bila amalan itu tidak ada di hati kita maka datanglah penyakit hati. Firman Allah:

فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا
وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ

Terjemahannya: Dalam hati mereka ada penyakit lalu ditambah Allah penyakitnya dan bagi mereka seksa yang pedih disebabkan mereka berdusta.
(Al Baqarah: 10)

Mereka akan terseksa di dunia dan di Akhirat. Di dunia mereka kecewa, putus asa, keluh kesah, tidak tenang. Di akhirat lagi pedih.

Antara penyakit hati yang Allah maksudkan itu ialah hasad dengki, dendam, buruk sangka, tamak, gila dunia, bakhil, pemarah, penakut, riak, ujub dan sombong.

Langkah pertama yang wajib diambil untuk mengubat penyakit hati kita ialah mengubat hati yang buta itu. Bila hati tidak buta lagi penyakit-penyakit hati lainnya akan hilang dengan sendirinya.

Kalau mata buta, kita pergi ke pakar mata. Mungkin dicuci, dibedah dan sebagainya. Kalau hati yang buta, kita kenalah membuat rawatan yang sesuai pula untuknya.

Untuk itu mari kita lihat dulu apakah sebabsebab hati terhijab? Antaranya adaiah memakan makanan haram dan makanan syubahat, sama ada sedar atau tidak.

Bersabda Rasulullah SAW bermaksud:

Hati itu ditempa dengan apa yang dimakan.

Hati kita ialah seketul darah yang mengandungi sel-se1 darah merah dan zat-zat besi. Se1 dan zat-zat itu datangnya daripada makanan yang kita makan. Kalau makanan kita bersih (halal mengikut syariat Islam) maka se1 dan zat itu juga bersih maka hati kita juga turut bersih.

Sebaliknya kalau makanan yang kita makan itu kotor (haram dan syubahat) sama ada benda itu haram atau duit yang digunakan untuk membelinya haram maka se1 dan zat-zat besi, zat-zat yang membina hati itu kotor, busuk dan gelap.

Hati seperti wadah yang terdedah. Hati yang kotor tidak akan menerima taufik Allah sebab Allah tidak akan beri taufik dan hidayah kerana taufik itu sangat tinggi harganya. Umpamanya, kita tidak akan memasukkan makanan ke dalam pinggan yang kotor.

Bila hati tidak boleh nampak kebenaran, tidak terasa kebesaran, kehebatan, kasih sayang, didikan dari Allah, tidak terasa anugerah Allah, penjagaan Allah, pengawasan Allah, pembelaan Allah (intisari Islam ialah rasa zauk. Kalau hati tidak merasa, maka kita tidak dapat hidayah dan taufik lagi) maka jadilah kita orang yang sesat dan sentiasa terlibat melakukan maksiat dan mungkar.

Bersabda Rasulullah SAW:

أَلاَ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلُحَتْ صَلُحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ.

Terjemahannya: Dalam din' anak Adam itu ada seketul daging. Bila baik daging *itu baiklah seluruh anggota dan seluruh jasad. Bila jahat dan busuk* daging *itu jahatlah seluruh jasad. Ketahuilah, itulah hati.*

(Riwayat: Al Bukhuri & Muslim)

Firman Allah:

وَكُلُوا۟ مِمَّا رَزَقَكُمُ ٱللَّهُ حَلَٰلًا طَيِّبًا ۚ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ٱلَّذِىٓ أَنتُم بِهِۦ مُؤْمِنُونَ

***Terjemahannya:* Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah telah rezekikan kepadamu dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu beriman dengan-Nya.**

(Al Maidah: 88)

Peritah memakan makanan yang halal adalah wajib. Kalau kita makan makanan yang haram dalam keadaan kita sedar ianya haram maka kita akan berdosa di samping hati kita turut gelap. Tetapi kalau makanan yang haram dan syubahat itu kita makan, tanpa diketahui ianya haram dan syubahat maka tidak berdosa tetapi hati kita yang terbina dari makanan itu tetap akan gelap.

Atas dasar inilah Sayidina Abu Bakar Al Siddiq mengorek balik hingga muntah-muntah makanan yang telah ditelannya setelah dia tahu yang makanan itu sumbernya adalah syubahat. Amirul Mukminin itu cukup takut kalau-kalau makanan itu akan membutakan hatinya.

Setelah mengorek makanan itu kerana bimbang kalau-kalau ada saki-baki makanan yang tinggal dalam perutnya, maka beliau pun berdoa: ***"Ya Allah, jangan Engkau bertindak atasku akan apa yang telah jadi darah dagingku."***

Begitu Sayidina Abu Bakar menjaga hatinya.' Sebab itu hatinya jadi terang-benderang. Jadi, tidak hairanlah beliau cukup kuat keyakinan dengan Allah.

Rasulullah SAW sendiri memuji beliau dengan sabda baginda:

وَلَوْ وُزِنَ إِيْمَانُ أَبِيْ بَكْرٍ بِإِيْمَانِ العَالَمِيْنَ سِوَى النَّبِيِّيْنَ وَالْمُرْسَلِيْنَ لَرَجَحَ

Terjemahannya: Kalau ditimbangkan iman Abu Bakar dengan iman seluruh manusia kecuali Nabi dan Rasul nescaya dia masih lebih

Imam Nawawi semasa hidupnya tidak makan buah-buahan di Damsyik kerana merasakan syubahat. Dia menjaga hatinya.

Hati yang terang-benderang akan mempunyai *basirah* (pandangan batin) yang tajam yang dapat menembus alam ghaib dan alam kerohanian. Bila alam ghaib yang hebat itu ternampak oleh kita maka alam benda ini sudah tidak bererti apa-apa.

Bandingannya begini:

Katakanlah suatu hari kita dijemput menjadi tetamu raja maka masuklah kita ke istana. Di sana kita akan dilayan dengan layanan istimewa, dengan pakaian dan makanan, peralatan dan perhiasan yang tidak pernah kita jumpa.

Alangkah gembiranya dan rasa-rasa tidak mahu balik lagi ke kampung kita. Sebab kampung kita sudah tidak berharga apa-apa lagi dibandingkan dengan kehidupan indah di istana.

Begitulah keadaan mereka yang nampak kehebatan alam ghaib, alam yang ada ini sudah tidak berharga lagi. Kerana itulah Sayidina Abu Bakar r.a boleh mengorbankan semua harta bendanya kepada

jihad fisabilillah hingga tiada apa-apa lag-i untuk anak isterinya.

Beliau mahu menebus kehidupan di alam ghaib yang maha hebat itu dengan menggadaikan seluruh harta benda dunia yang murah ini. Begitu juga sahabat-sahabat yang lain dan mujahid-mujahid Islam semuanya, telah mereka korbankan dunia yang sedikit ini untuk membeli kehidupan akhirat yang agung di alam baqa nanti.

Firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ ٱشْتَرَىٰ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ أَنفُسَهُمْ وَأَمْوَٰلَهُم
بِأَنَّ لَهُمُ ٱلْجَنَّةَ

Tq'emuhannya: Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang mukmin, diri dan harta mereka dengan (harga) Syurga untuk mereka.

(At Taubah': 111)

Mari kita ubati hati kita dengan mengelak dari memakan yang haram. Antara langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelak dari makanan yang haram ialah:

- Jangan makan benda yang zatnya jelas haram seperti arak atau makanan yang dicampur arak atau daging yang tidak disembelih.
- Jangan makan makanan yang bernajis sama ada sifatnya najis (kerana dibuat dari bahan yang tidak halal) atau kerana cara menyucinya tidak betul yakni tidak menurut syariat, menjadikan ia tetap najis (tetap tidak halal).
- Jangan makan daging sembelihan yang tidak

halal dan pembersihannya tidak menurut syariat.

- Jangan makan makanan yang dibeli dengan duit yang haram (sekalipun makanan itu halal). Duit yang haram adalah seperti rasuah, duit riba, duit curi dan tipu.
- Jangan kita makan dari usaha yang haram seperti riba, pelacuran, judi, nombor ekor dan lain-lain.

Adapun makanan syubahat ialah makanan yang kita ragui halal atau haram dan duit syubahat ialah duit yang sumbernya kita ragui halal atau haram. Keduadua makanan dan duit yang syubahat itu wajib dielakkan supaya kita berpeluang memperolehi kejernihan 'batin untuk mengenal Allah dengan pengenalan yang sebenarnya.

Hari ini banyak makanan di kedai-kedai makanan yang menulis perkataan **"HALAL"** dan "ISLAM" untuk tanda perniagaan mereka. Kita harus hati-hati juga sebab musuh Islam telah melacurkan kata "HAL.AL" dan "ISLAM" itu untuk keuntungan perut dan poket mereka sahaja. Mereka tidak langsung takut pada Allah dan tidak ingin untuk mencari keredhaan-Nya.

Makan makanan yang halal tetapi berlebihan juga satu lagi faktor penentu kepada corak hati kita. Sabda Rasulullah SAW:

مَا مِنْ وِعَاءٍ أَبْغَضَ اِلَى اللهِ مِنْ بَطْنٍ مَلِيءٍ مِنَ الْحَلَالِ

Terjemahannya: Wadah yang paling dibenci oleh Allah ialah perut yang penuh dengan *makanan yang halal.*

Allah benci kepada perut yang penuh dengan makanan sebab perut yang ketat itu akan melemahkan kegiatan hati yakni tidak kuat untuk memandang pada alam ghaib.

Bila hati lemah maka manusia jadi lalai dan malas (mahu tidur sahaja). Malas beribadah dan mudah terjebak dalam maksiat. Atas dasar inilah para ***solafus-soleh*** hanya sedikit makannya.

Rasulullah SAW selalu berlapar perut. Baginda pernah meletakkan batu di perut dan kemudian mengikat perutnya dengan kain agar dengan itu tidak terasa kekosongan perut yang memang kosong.

Baginda jarang kenyang. Tiga hari berlapar, satu hari kenyang. Dan selalunya satu hari baginda berpuasa, satu hari berbuka.

Nabi Sulaiman a.s yang kaya-raya itu juga begitu hidupnya. Selalu berpuasa dan kalau makan hanya roti kering dan air sejuk.

Nabi Yusuf a.s ketika menjadi menteri Mesir pun sehari puasa sehari berbuka. Bila ditanya mengapa baginda berbuat begitu, jawabnya, "Di hari aku lapar, aku dapat merasa aku adalah hamba yang memerlukan pertolongan Allah. Di hari aku kenyang aku dapat bersyukur pada Allah SWT yang memberikan rezeki."

Begitulah cara hidup Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul, orang-orang muqarrobin dan orang-orang soleh. Mereka berjuang dengan nafsu untuk membersihkan hati supaya merasa diri sebagai hamba Allah yang lemah dan hina dina. Dan cara hidup mereka itulah yang wajib kita contohi. Kita mesti sentiasa berperang dengan nafsu yang sentiasa mengajak kita lalai dari Allah.

Mari kita ubati hati kita dengan cara mengurangkan makan. Antara langkah-langkah praktik yang

mesti diambil untuk mengurangkan makan ialah:

1. Hidangan makanan kita janganlah lebih dari dua jenis lauk. Ini adalah amalan Sayidina Umar. Beliau tidak makan lebih dari dua jenis lauk. Sebab bila lauk sudah bermacam-macam jenis, nafsu kita tambah besar untuk merasa semua jenis lauk.

2. Makanan itu biarlah sederhana, jangan terlalu sedap. Sebab kalau terlalu sedap kita tidak mampu mengawal nafsu dari makan lebih.

3. Jangan simpan berbagai lebihan makanan dalam rumah, sebab bila ada makanan kita sentiasa berfikir untuk makan. Sebaliknya kalau tidak ada simpanan makanan, nafsu kita tidak akan mengajak kita fikir makan sahaja.

4. Cuba banyakkan puasa sunat seperti di hari Isnin dan Khamis atau paling kurang tiga hari dalam sebulan.

Harus difahami bahawa langkah-langkah di atas ialah untuk membersihkan hati dan membuatkan hati kita terasa kita hamba Allah yang lemah dalam serba-serbi hal kita.

Pandangan dan Pendengaran yang Haram

Telah sepakat orang-orang kita mengatakan: "Duri *mata turun ke hati.*" Ertinya hasil dari pandangan (termasuk pendengaran) bukan setakat di mata dan telinga tetapi akan bersambung dan berkesan ke hati.

Kalau apa yang kita pandang dan dengar itu baik, maka hati kita akan menerima kebaikannya. Sebaliknya kalau yang kita pandang dan dengar itu maksiat

dan mungkar (haram), maka hati kita akan bersalut kejahatan dan kemungkaran itu.

Hati yang sentiasa menerima pandangan dan pendengaran yang mungkar ialah hati yang gelap pekat, buta dari melihat keagungan Allah. Hati itu tidak lagi takut pada Allah, malah hilang cinta dan rindu pada Allah SWT.

Saya rasa kita semua tentunya ada pengalaman sendiri terhadap perkara ini. Kalau setiap hari hati kita terisi dengan zikrullah, bacaan al Quran, puasa, sembahyang sunat, membaca kitab dan mendengar pengajian agama, hati kita akan lembut, terasa indah dalam beribadah kepada Allah, rindu kepada kebaikan, benci dan takut kepada dosa.

Tetapi kalau setiap hari kita isi dengan program TV, berbual kosong, mengumpat dan mencaci, membaca majalah hiburan yang penuh maksiat dan mendengar lagu-lagu pop, nanti kita akan jadi malas beribadah, memandang kecil tentang cara hidup sunnah, tidak lag-i rasa takut dengan Allah, tidak membesarkan Allah apalagi untuk rindu pada-Nya dan tidak suka lagi pada ahli-ahli agama dan lupa Akhirat.

Hati kita jadi cinta kepada dunia dan segala hiburannya, mahu lepas bebas tanpa sekatan hukum Islam, malas berjuang dan berangan-angan ingin hidup lebih lama lagi.

Itulah bukti-bukti menunjukkan tindakan lahir, pendengaran dan penglihatan kepada yang haram, akan membuatkan hati kita buta kepada kebenaran. Allah berfirman:

إِنَّا خَلَقْنَا ٱلْإِنسَٰنَ مِن نُّطْفَةٍ أَمْشَاجٍ نَّبْتَلِيهِ
فَجَعَلْنَٰهُ سَمِيعًۢا بَصِيرًا ﴿٢﴾

Terjemahannya: Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari setitis mani yang bercantum (benih) yang akan Kami mengujinya (dengan perintah dan larangan) kerana itu Kami menjadikan dia mendengar dun melihat.

(Al Insaan: 2)

Tujuan Allah memberi kita mata dan telinga ialah untuk mencari dan mengenal pencipta kita iaitu Allah SWT.Kemudian supaya kita sedar diri untuk berbakti dan menurut perintah-Nya. Firman-Nya:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahannya: Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk menyembah Aku.

(Adz Dzaariyat : 56)

Kita mesti merasai diri kita sebagai hamba dalam melaksanakan perintah suruh dan larang daripada Allah. Yang penting ialah rasa kehambaan itu. Ibadah sebenarnya ialah berpunca dari rasa kehambaan. Kalau masa ibadah itu kita tidak rasa hina dan tidak rasa hamba, tetapi rasa besar diri, sombong, marah, dengki, maka amalan lahir itu bukan lagi ibadah. Misalnya, seorang kuli mengadap tuannya dengan rasa besar diri, dengan becekak pinggang, bukankah lebih baik tidak menghadap, sebab ia tentunya akan menimbulkan kemarahan tuannya.

Hidup bukan untuk dunia tetapi hidup untuk Allah dan untuk mencari bekal kembali ke Akhirat. Untuk tujuan ini kita dikurniakan Allah pendengaran dan penglihatan. Gunakanlah kedua-duanya sebaik mungkin sebagai alat untuk sampai ke matlamat yang diredhai-Nya.

4. SEBAB-SEBAB HATI TERHIJAB

Mari kita ubati hati kita dengan membataskan pandangan dan pendengaran hanya kepada apa yang boleh mengingatkan kita kepada Allah, takut pada-Nya dan untuk berbakti pada-Nya.

Antara langkah-langkah yang patut diambil ialah:

1. Banyakkan membaca Al Quran dan terjemahannya, hadis dan kitab-kitab serta buku-buku agama termasuk majalah dan risalah yang berunsur dakwah. Dalam masa yang sama, elakkan daripada membaca buku-buku khayal, majalah hiburan dan akhbar-akhbar yang kosong dari kebenaran.

2. Selalu mengunjungi masjid, tempat pengajian agama, majlis dakwah, tahlil dan zikrullah dan elakkan dari tempat-tempat maksiat, majlis-majlis sosial liar (percampuran bebas) dan keluar rumah tanpa tujuan. Sebab di luar banyak pandangan dan pendengaran yang membawa kepada maksiat serta elakkan dari bergaul dengan kawan yang mengajak kita kepada maksiat.

3. Menziarahi orang-orang soleh, sebab dengan melihat mereka, dapat memberi kekuatan.

4. Ingat mati, kerana selalu mengingati mati akan melembutkan hati.

5. Elakkan dari menonton program TV yang tidak berfaedah. Sekali kita relakan mata dan telinga memandang dan mendengar perkara yang dikutuk Allah, maka selama itu kita relakan nafsu kita merajai hati kita untuk lalai dan tidak takut pada penglihatan dan pengawasan Allah.

Lebih baik kita tidur dari menonton TV. Nanti kita boleh bangun dengan segar untuk menyembah Allah dan mendekatkan hati pada-Nya.

Kalau kita rasa melihat maksiat dengan tidak melihatnya sama sahaja pada hati kita, itu tandanya hati kita sudah rosak dan jauh daripada Allah.

Itulah antara langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjernihkan batin kita. Perlu diingat langkah-langkah ini mesti diperjuangkan sungguh-sungguh dan berterusan.

Kita jangan mudah jemu atau mudah terpengaruh dengan bujukan nafsu liar kita. Dan janganlah kita harap untuk memperolehi hasilnya dalam jangka masa yang singkat. Sebab dalam pengalaman orang-orang yang telah menempuh jalan ini, masa paling singkat untuk memperolehi hati yang bersih (taraf kerohanian yang tinggi) melalui ***mujahadatunnafsi*** ialah 20-30 tahun lebih.

Masa selama itu, sesuailah dengan lama masa kita terbiar dalam maksiat.

Sejak dalam perut ibu lagi kita sudah menerima makanan yang tidak jelas halalnya. Bila lahir pula terdedah di tengah-tengah maksiat dan mungkar yang berbagai-bagai. Hati kita sudah gelap pekat dengan karat-karat dosa yang kita lakukan secara sedar atau tidak.

Jadi memang patutlah kalau kita korbankan 20-30 tahun umur kita akan datang untuk pembersihan hati nurani kita. Mudah-mudahan penghujung umur kita dapat kita rasa kebersihan hati dan keselamatannya dari mazmumah. Mudah-mudahan kita dapat mengadap Allah membawa hati yang selamat.

Firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Terjemahannya: Di hari itu (hari kita meninggal dunia) tidak berguna lagi harta dan anak kecuali mereka yang mengadap Allah membawa hati yang selamat.

(Asy Syuara : 88-89)

Apabila roh sudah bersih, sudah kembali pada asalnya (waktu di alam roh) kita akan merasai berbagai-bagai pengalaman batin yang luar biasa.

Ini bergantung pula pada taraf kebersihan roh yang dapat kita capai. Ada dua peringkat roh yang bersih iaitu:

1. Roh yang terlalu *bersih* (orang yang *Mukasyafah)*

Ini biasanya dicapai oleh muqarrobin. Roh ini dapat menembus hijab antara alam dunia dengan malakut. Mereka nampak segala rahsia-rahsia batin manusia.

Apa yang orang biasa nampak dalam mimpi maka mereka nampak di waktu sedar. Contohnya: Kalau sifat batin seseorang itu seperti anjing maka mereka nampaklah sebagai anjing. Kalau orang biasa mendapat ilmu dengan belajar maka mereka perolehi melalui ilham.

2. Roh yang bersih

Ini dapat dicapai oleh orang-orang soleh. Roh mereka boleh mengesan rahsia-rahsia batin hanya melalui mimpi-mimpi yang benar dan rasa hati yang benar dan tepat dengan kehendak Allah. Tetapi tidaklah

nampak nyata, sebab hijab mereka tidak terangkat betul. Allah menceritakan perihal ini dalam hadis Qudsi, firman-Nya yang bermaksud:

Barangsiapa yang memusuhi wali-Ku (orang yang setia pada-Ku) muka Aku mengisytiharkan perang terhadapnya. Dan tiada amal seomng hamba-Ku yang bertaqwa (yang beramal) pada-Ku dengan sesuatu yang lebih Kucintai daripada dia menunaikan semua yang Kufardhukan ke atasnya. Dan hamba-Ku yang sentiasa bertaqarub kepada-Ku dengan nawafil (ibadah sukarela) sehingga Aku mencintainya, muka jadilah Aku seolah-olah sebagai pendengarannya yang ia mendengar dengannya dan sebagai penglihatannya yang ia melihat dengannya **dan** *sebagai tangannya yang ia bertindak dengannya dan sebagai kakinya yang ia berjalan* **dengannya.** *Dan andaikata ia memohon pasti akan Kuberi padanya. Dan andaikata ia berlindung kepada-Ku pasti akan Aku lindunginya.*

Rasulullah SAW bersabda:

اِتَّقُوْا فِرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ، فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُوْرِ اللهِ.

Terjemahannya: Takutilah olehmu firasat (pandangan tembus) orang-orang Mukmin kerana ia memandang dengan cahaya Allah.

(Riwayat Al Tirmizi)

5

Derhaka Dalam Taat

ALLAH SWT berfirman dalam surah Ali Imran:

أَمْ حَسِبْتُمْ أَن تَدْخُلُوا۟ ٱلْجَنَّةَ وَلَمَّا يَعْلَمِ ٱللَّهُ
ٱلَّذِينَ جَٰهَدُوا۟ مِنكُمْ وَيَعْلَمَ ٱلصَّٰبِرِينَ

Terjemahannya: Apakah kamu mengira bahawa kumu akan masuk Syurga padahal Allah belum mengenali mereka yang berjihad antaramu dan belum juga mengenali mereka yang sabar.

(Ali Imran : 142)

Berjihad menurut Tafsir ialah:

1. Berperang dengan orang kafir dan munafik untuk menegakkan Islam dan melindungi orang-orang Islam.
2. Memerangi hawa nafsu dan syaitan.
3. Mendermakan harta benda untuk kebaikan Islam dan umat Islam.
4. Membenteras yang batil dan menegakkan yang hak.

Allah SWT menimbulkan persoalan (tanda tanya) pada kita umat Islam, sudahkah kita berjihad dan bersabar? Kalau belum kita lakukan itu maka jangan

kita fikir bahawa kita akan dapat masuk syurga Allah di Akhirat kelak.

Jika sudah, maka kita sebenarnya sedang fisabilillah. Berperang melawan kafir dan munafik adalah mudah. Yang susah ialah berperang dengan hawa nafsu dan syaitan. Kalau kita berjaya terhadap orang kafir tetapi tidak berjaya dengan nafsu, itu belum menjamin kita benar-benar bertaqwa.

Rasulullah SAW bersabda:

رَجَعْنَا مِنَ الجِهَادِ الاَصْغَرِ اِلىَ الْجِهَادِ اْلاَكْبَرِ، قَالُوْا
وَمَا الْجِهَادُ اْلاَكْبَرُ؟ قَالَ جِهَادُ الْقَلْبِ

Tejemahannya: Kita baru balik dari peperangan kecil untuk masuk ke satu peperangan yang lebih besar. Sahabat bertanya: "Peperangan apa itu, ya Rasulullah ? n Baginda menjawab, "Peperangan ***hati yakni melawan hawa nafsu. "***

Rasulullah SAW bersabda:

أَلاَ وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلُحَتْ صَلُحَ الْجَسَدُ
كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ.

Terjemahannya: ketahuilah sesungguhnya dalam ***diri anak Adam itu ada seketul daging. Jika baik daging maka baiklah seluruh jasad. Bila busuk daging itu, maka jahatluh seluruh jasad. ketahuilah, itulah hati.***

(Riwayat Al Bukhari & Muslim)

Marilah kita tanyai diri kita sendiri: "Sudahkah aku melakukan jihad yang besar itu? Atau sudahkah aku perangi hawa nafsuku?"

Untuk menjawabnya, tiliklah ke dalam hati kita apakah sentiasa ingat Allah atau selalu lalai? Apakah sudah cinta Allah atau lebih cinta pada dunia? Apakah sudah sabar atas ujian Allah atau masih memberontak terhadapnya? Apakah sudah bersih dari mazmumah-mazmumah lainnya atau masih lagi hasad dengki, benci membenci, minta puji, gila nama, tamak dan mementingkan diri sendiri?

Kalau hati masih berisi dakidaki dunia yang kotor itu, janganlah mimpi amalan-amalan lahir seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, sedekah, berdakwah, menuntut ilmu, menutup aurat, baca Quran, zikrullah dan lain-lain itu dapat menebus kita dari kebencian Allah dan api neraka. Cuba kita lihat firman Allah:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ

Terjemahannya: Hari itu (hari ketika meninggal dunia) harta dan anak tidak berguna lagi kecuali orang yang mengadap AUuh membawa hati yang selamat (hati yang bersih dari segala kejahatannya dari sifat marmumah).

(Asy Syuara : 88-89)

Kalau sembahyang tidak khusyuk dan tiada rasa hamba, itu tanda masih menderhaka. Bukan amalan lahir sahaja yang dapat membawa seseorang kepada keredhaan Allah dan syurga-Nya, tetapi yang lebih penting ialah amalan hati. Sabda Rasulullah SAW:

إِنَّ اللهَ تَعَالَى لَا يَنْظُرُ إِلَى صُوَرِكُمْ وَأَمْوَالِكُمْ وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ.

Terjemahannya: ***Allah tidak memandang rupa dan harta kamu, tetapi Allah memandang hati dan amalan kamu.***

(Riwayat Muslim)

Kalau hati kita beramal soleh dan lahir kita juga turut beramal soleh (sebab amalan lahir mengikut amalan batin, umpama rakyat mengikut raja) itulah kesempurnaan amalan manusia yang dijamin dengan Syurga.

Untuk keyakinan saudara, saya perturunkan firman Allah yang menunjukkan amalan batin adalah wajib:

1. Perintah khusyuk dalam sembahyang, iaitu mengingati Allah:

أَلَمْ يَأْنِ لِلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَن تَخْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ ٱللَّهِ

Terjemahannya: Apakah belum masanya bagi orang-orang yang beriman untuk khusyuk mengingati Allah.

(Al Hadid : 16)

2. Perintah supaya sentiasa merasa diawasi oleh Allah:

وَمَا تَكُونُ فِى شَأْنٍ وَمَا تَتْلُوا۟ مِنْهُ مِن قُرْءَانٍ وَلَا تَعْمَلُونَ مِنْ عَمَلٍ
إِلَّا كُنَّا عَلَيْكُمْ شُهُودًا إِذْ تُفِيضُونَ فِيهِ ۚ وَمَا يَعْزُبُ عَن رَّبِّكَ
مِن مِّثْقَالِ ذَرَّةٍ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا فِى ٱلسَّمَآءِ وَلَآ أَصْغَرَ مِن ذَٰلِكَ
وَلَآ أَكْبَرَ إِلَّا فِى كِتَٰبٍ مُّبِينٍ

Terjemahannya: Kamu tidak berada dalam suatu keadaan dan tidak membaca satu ayat dari Al Quran dan tidak mengerjakan suatu pekerjaan melainkan Kami menjadi saksi atasmu di waktu kamu melukukannya. Tidak luput dari pengetahuan Allah biar *pun sebesar* zarah *(atom) di bumi biar pun di langit. Tidak ada yang keci1 dan tidak (pula) yang lebih besar dari itu melainkan (semua tercatat) dalam kitab yang nyata (Luh Mahfuz).*

(Yunus: 61)

3. Perintah supaya takut kepada Allah:

لَا تَتَّخِذُوٓا۟ إِلَـٰهَيْنِ
ٱثْنَيْنِ ۖ إِنَّمَا هُوَ إِلَـٰهٌ وَٰحِدٌ ۖ فَإِيَّـٰىَ فَٱرْهَبُونِ

Terjemahannya: Janganlah *kamu* menyembah *dua Tuhan. Sesungguhnya Dialah Tuhan yang Maha Esa, maka hendaklah kepada-Ku sahaja kamu takut.*

(An Nahl : 51)

4. Perintah supaya tawakal kepada Allah:

وَعَلَى ٱللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ ٱلْمُؤْمِنُونَ

Terjemahannya: Hanya kepada Allah sahajalah orang-orang beriman *harus bertawakal.*

(At Taubah: 51)

5. Perintah supaya syukur pada Allah:

وَٱشْكُرُوا۟ لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Tejemahannya: Bersyukurlah kamu kepada Allah sekiranya kamu benar-benar menyembah-Nya.

(Al Baqarah: 172)

Kalau betul kita menghambakan diri pada Allah, kita mesti ada rasa syukur pada Allah. Umpama kita dapat hadiah dari raja. Kita mesti rasa terhutang budi dan berterimakasih padanya, dan bersyukur atas hadiah pemberiannya. Jangan pula asyik fikir hadiah itu sahaja hingga lupa pada yang memberi hadiah.

وَمَا بِكُم مِّن نِّعْمَةٍ فَمِنَ ٱللَّهِ ۖ
ثُمَّ إِذَا مَسَّكُمُ ٱلضُّرُّ فَإِلَيْهِ تَجْـَٔرُونَ ﴿٥٣﴾

Terjemahannya: Dan apa sahaja nikmat yang ada pada kamu maka dari Allahlah datangnya dan bila kamu ditimpa kemudaratan maka hanya pada-Nyalah kamu minta tolong.

(An Nahl: 53)

6. Perintah supaya sabar:

وَٱصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ

Terjemahannya: Sabarlah kamu tetapi tidak mungkin kamu bersabar kecuali dengan pertolongan Allah.

(An Nahl: 127)

Antara keduadua amalan lahir dan amalan batin, Allah lebih mengutamakan amalan batin, sebab itu kalau ia diamalkan hendaklah benar-benar kerana dan untuk Allah, bukan untuk manusia. Sebab manusia tidak nampak. Kalau hati sudah betul, akan betullah lahirnya. Kalau lahir sahaja betul, hati belum tentu betul.

Jangan pula ada orang yang mengatakan: "Kalau begitu, kita jaga hati sudahlah, lahir tidak payah!" Ini lagi tidak betul. Sebab hati yang betul ialah hati yang taat pada perintah-perintah Allah lahir dan batin. Kalau amalan lahir tidak dibuat maknanya hati belum betul.

Banyak berlaku dalam masyarakat umat Islam hari ini mereka yang beramal dengan hukum Islam tentang syariat lahir sahaja seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, zikrullah, sedekah, tutup aurat dan bersilaturrahim. Namun amalan hati (batin) tidak dipedulikan. Inilah yang dimaksudkan sebagai derhaka dalam taat.

Ada dua jenis orang yang derhaka dalam taat:

1. Orang yang beramal dengan syariat lahir sahaja seperti sembahyang wajib dan sunat, puasa, haji, zakat, baca Quran, zikir dan wirid, di samping sedikit-sedikit amalan batin, tetapi kedua-dua tidak sempurna (iaitu tidak seperti yang dikehendaki Allah dan tidak semua perintah Allah yang dibuatnya).

Contohnya ialah orang-orang yang melakukan semua perintah fardhu di samping ***Fadhail-ul-A'mal*** (sembahyang sunat witir, dhuha, tahajud, puasa siang hari, membaca Quran, tahlil) tetapi masih terlibat dengan riba (makan dan memberi riba), mendedah aurat, pergaulan bebas, mengumpat, memfitnah,

mencerca, sombong, bakhil dan cinta dunia.

Golongan ini adalah golongan derhaka dan tidak lepas dari api neraka.

Imam Al Ghazali berkata:

"Tidak mengapa kalau tidak boleh tahajjud malam (kerana ianya sunat), tetapi janganlah membuat dosa (haram) di siang hari kerana tidak ada gunanya bakti pada Allah di malam hari (tahajjud) tetapi derhaka (buat dosa – haram) di siangnya."

Orang ini bandingannya sama seperti seorang yang menanam padi di tengah-tengah lalang. Hasilnya padi akan dirosakkan oleh lalang dan tidak memperolehi apa-apa hasil pun. Atau seperti seorang yang memelihara kesihatan badannya dengan memakan ubat-ubatan yang perlu, tetapi dimakan juga racun. Jadi orang itu tidak sesihat seperti yang diharap-harapkan.

Tersebut sebuah hadis:

أَتَدْرُوْنَ مَا الْمُفْلِسُ قَالُوْا الْمُفْلِسُ فِيْنَا مَنْ لاَ
دِرْهَمَ لَهُ وَلاَ مَتَاعَ فَقَالَ اِنَّ الْمُفْلِسَ مِنْ أُمَّتِيْ
يَأْتِيْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِصَلاَةٍ وَصِيَامٍ وَزَكَاةٍ وَيَأْتِيْ
قَدْ شَتَمَ هَذَا وَقَذَفَ هَذَا وَأَكَلَ مَالَ هَذَا وَسَفَكَ
دَمَ هَذَا وَضَرَبَ هَذَا فَيُعْطِيْ هَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ
وَهَذَا مِنْ حَسَنَاتِهِ فَاِنْ فَنِيَتْ حَسَنَاتُهُ قَبْلَ أَنْ
يُقْضَ مَا عَلَيْهِ أُخِذَ مِنْ خَطَايَاهُمْ فَطُرِحَتْ عَلَيْهِ
ثُمَّ طُرِحَ فِيْ النَّارِ

Terjemahannya: Tahukuh kamu apa itu muflis? Mereka menjawab: Mujlis pada kami mereka yang tidak mempunyai dirham dan sebarang benda. Sabda Rasulullah: Sesungguhnya orang yang muflis di kalangan umatku ialah yang datang pada hari Qiamat dengan sembahyang, puasa dan zakat tetapi dia juga pernah mencaci, menuduh orang buat jahat, dan *mengambil hak orang. Dia juga pernah menumpahkan darah (membunuh orang) atau sekurang-kuranpya memukul. Oleh itu pahala ibadahnya akan diberi kepada orang* yang *dianiayai itu satu persatu. Dan kalau pahalanya tidal cukup, dosadosa orang itu* pula *diberikan kepadanya (jadilah* ia muflis) *dan akan dijerumuskan ke dalam Neraka.*

(Riwayat Muslim)

2. Orang yang taat dalam mengerjakan amalan-amalan lahir tetapi cuai terhadap amalan batin. Lahirnya nampak sempurna tetapi hatinya penuh dengan hasad dengki, jahat sangka, sombong, bakhil, riak, panjang angan-angan, minta puji, cinta dunia, tamak, mementingkan diri sendiri, di samping tidak ada rasa hina diri, mengharap dan malu dengan Allah. Sebaliknya dia suka menghina orang yang tidak beribadah. Rasa tenang dan senang dengan ibadahnya dan rasa yakin akan selamat di Akhirat.

Orang ini sebenarnya orang yang derhaka pada Allah dalam taatnya pada Allah. Hakikatnya dia adalah orang yang derhaka dan amalannya ditolak. Dia bukan orang yang dekat dengan Allah tetapi orang yang jauh daripada Allah dan hatinya terputus dengan Allah.

Telah sepakat ulama berkata:

i. "Biar sedikit amal (yang fardhu sahaja) bersama hati rasa takut pada Allah (taqwa) daripada banyak amal lahir tetapi tiada rasa taqwa."

ii. 'Walau bagaimana banyak dan hebat sekalipun ibadah seseorang tetapi selagi hatinya tidak zuhud dengan dunia, selama itu ibadahnya tidak bernilai."

Orang yang beramal lahir tanpa amalan batin ini bandingannya seperti seorang pekerja di istana raja yang rajin dan taat melakukan kerja-kerja yang ditugaskan padanya di istana itu. Kerjanya beres dan lengkap mengatasi pekerja-pekerja lainnya. Maka timbullah bangganya dan sombong-nya. Sudahlah sesama kawan-kawan dia berlagak angkuh, depan raja pun sudah tidak sopan lagi, tidak hormat dan tidak beradab. Dia rasa diri hebat dan besar kerana dia beranggapan raja tidak murka kepadanya sebab semua kerjanya beres.

Sebaliknya apa pandangan raja? Sekalipun dia tahu hambanya itu kerjanya beres tetapi kerana biadabnya itu, raja tidak akan sayang untuk membuangnya dari istana sebab dia seolah-olah hendak jadi raja (ataupun rasa setaraf dengan raja).

Begitu juga jika seorang manusia yang beres melakukan perintah-perintah Allah tetapi hatinya tidak beradab dengan Allah sebagaimana yang Allah kehendaki, nescaya Allah tetap murka dan akan dicampakkan ke dalam Neraka Allah. Firman Allah:

وَأَمَّا الَّذِينَ اسْتَنكَفُوا وَاسْتَكْبَرُوا
فَيُعَذِّبُهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا

Terjemahannya: Adapun orang yang enggan dan menyombongkan diri maka Allah akan menyeksa mereka dengan seksa yang pedih.

(An Nisa': 173)

Dan fir-man Allah dalam hadis Qudsi bermaksud:

Hai Isa, apabila Aku lihat di dalam hati hamba-Ku terdapat cinta yang suci pada-Ku tidak bercampur oleh sesuatu tamak, keinginun-keinginan yang berkenaan dengan Akhirat dan dunia maka ia akan Kuperlakukan sebagai penjaga cintanya itu.

Orang-orang yang benar-benar taat ialah orang yang hatinya cinta kepada Allah. Cinta sucinya akan membuatkan dia beramal semata-mata untuk Allah. Tidak bercampur dengan niat untuk untung dunia atau akhirat.

Orang begini taatnya kepada Allah adalah taat yang suci. Dia tidak akan ujub dalam taatnya, tidak riak dalam taatnya, tidak buruk sangka dalam taatnya, tidak sombong dalam taatnya, tidak panjang angan-angan dalam taatnya, tidak rasa tuan dalam taatnya dan lain-lain.

Inilah orang yang dekat hatinya kepada Allah. Dia taat dalam taatnya. Jasad lahirnya dan jasad batinnya sama-sama tunduk menyembah Allah dengan taat, rasa hina diri, malu, rasa bersalah, rasa berdosa dengan Allah, tidak menghina hamba-hamba yang lain, tidak sombong dan tidak hasad.

Ibadah-ibadahnya yang lahir (membuat yang fardhu dan sunat dan meninggalkan yang haram, syubahat dan makruh) dan ibadah batin itu betul-betul dilakukan sebagai satu persembahan yang sepatutnya dari seorang hamba kepada Tuhannya. Dia tidak

mengharap apa-apa balasan di dunia dan di akhirat.

Inilah sebenar-benarnya hamba Allah yang menjadi kecintaan Allah di Akhirat nanti. Firman Allah dalam surah Al Waaqiah:

وَأَصْحَٰبُ ٱلْيَمِينِ مَآ أَصْحَٰبُ ٱلْيَمِينِ ﴿٢٧﴾ فِى سِدْرٍ مَّخْضُودٍ ﴿٢٨﴾
وَطَلْحٍ مَّنضُودٍ ﴿٢٩﴾ وَظِلٍّ مَّمْدُودٍ ﴿٣٠﴾ وَمَآءٍ مَّسْكُوبٍ ﴿٣١﴾ وَفَٰكِهَةٍ
كَثِيرَةٍ ﴿٣٢﴾ لَّا مَقْطُوعَةٍ وَلَا مَمْنُوعَةٍ ﴿٣٣﴾ وَفُرُشٍ مَّرْفُوعَةٍ ﴿٣٤﴾ إِنَّآ أَنشَأْ
نَٰهُنَّ إِنشَآءً ﴿٣٥﴾ فَجَعَلْنَٰهُنَّ أَبْكَارًا ﴿٣٦﴾ عُرُبًا أَتْرَابًا ﴿٣٧﴾ لِّأَصْحَٰبِ
ٱلْيَمِينِ ﴿٣٨﴾ ثُلَّةٌ مِّنَ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٣٩﴾ وَثُلَّةٌ مِّنَ ٱلْءَاخِرِينَ ﴿٤٠﴾

Terjemahannya: Dan golongan kanan, alangkah bahagianya golongan kanan itu. Berada di antara pohon-pohon bidara yang tidak berduri. Dan pohon pisang yang bersusun-susun (buahnya). Dan naungan yang terbentang luas. Dan air yang sentiasa mengalir. Dan buah-buahan yang lebat. Yang tidak bermusim (buahnya) dan tidak terlarang mengambilnya. Dan tilam-tilam yang tersedia di atas katil.

Sesungguhnya *Kami menciptakan untuk mereka (bidadari-bidadari) ciptaan yang unik (tidak beranak). Dan Kami jadikan mereka muda-*muda *belaka. Saling mencintai dan sebaya umurnya. Untuk* golongan *kanan (terdapat dua kumpulan). (Iaitu) kumpulan besar dari orang-orang yang terdahulu. Dan kumpulan besar dari orang-orang yang kemudian.*

(Al Waaqiah: 27 - 40)

Ada pula segolongan manusia yang **taat dalam derhaka.** Ini ialah orang yang tidak kuat beramal dengan syariat lahir disebabkan tidak kuatnya melawan hawa nafsu dan syaitan.

Mereka hanya dapat membuat yang fardhu dan meninggalkan yang haram tetapi sunat-sunat *Fadhoil-ul-A'mal* sangatlah kurang. Dan kerana kekurangan ini mereka sentiasa merasa kekurangan diri, hina diri dan rasa bersalah, berdosa, mengharap amal yang sedikit itu diterima Allah, malu dan takut dengan Allah.

Mereka selalu menyesali diri yang tidak kuat melawan hawa nafsu dan rasa berdosa, rasa tidak sempurna khidmat sentiasa ada di hati mereka dan minta dikasihani oleh Allah. Sebab itu mereka selalu beristighfar.

Golongan ini sebenarnya golongan yang taat. Mereka taat dalam derhaka. Mereka akan selamat di dunia dan di akhirat.

Bandingan mereka ialah seperti seorang pekerja istana raja yang tidak begitu rajin. Kerjanya setakat cukup, tidak lebih, kadang-kadang tersilap pula, cuai, sepatutnya dua jam, dibuat hanya satu jam. Kerana itu dia rasa bersalah, rasa kurang, tidak besar diri, tidak fikir lagi kesalahan orang, takut sesama kawan apalagi raja.

Dia bimbang kalau-kalau kekurangannya mendatangkan kemurkaan pada raja. Sebab itu bukan sahaja dengan raja dia sangat bersopan malah dia tidak berani pandai-pandai dalam istana, gerak-gerinya dijaga dalam bimbang dan sentiasa mengharapkan kemaafan dan keampunan raja.

Raja menyedari keadaan ini, dengan sebab itu raja memaafkan kekurangan hambanya itu dan

hamba itu akan tetap diterima sebagai hamba di dalam istananya.

Begitulah kalau hamba Allah yang sentiasa sedar diri dan insaf kelemahannya, sentiasa taubat, takut, malu dan rasa hina diri pada Allah dan berakhlak pula sesama manusia. Dia akan mendapat keampunan dan syurga Allah di Akhirat nanti. Firman Allah:

إِلَّا مَن تَابَ وَءَامَنَ وَعَمِلَ صَٰلِحًا
فَأُوْلَٰٓئِكَ يَدْخُلُونَ ٱلْجَنَّةَ وَلَا يُظْلَمُونَ شَيْـًٔا

Terjemahannya: Kecuali orang-orang yang bertaubat, beriman dan beramal soleh maka mm-eka *akan masuk syurga dan* tidak *dianiaya sedikit pun.*

(Mariam: 60)

Hidup kita ialah untuk menghambakan diri pada Allah. Itulah jalan keselamatan seorang manusia. Dua puluh empat jam kita mesti beribadah pada Allah, lahir dan batin. Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Terjemahannya: Tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku.

(Adz Dzaariyat: 56)

Mungkin ibadah lahir ada juga rehatnya tetapi ibadah batin iaitu hati kita, mesti beramal terus menerus. Mesti sentiasa mengekalkan rasa kehambaan pada Allah, rasa hina, rasa malu, rendah diri, takut, bimbang, ingin berkhidmat, rasa berdosa, rasa lemah dan rasa kurang. Perasaan-perasaan (zauk) ini

hendaklah kita adakan dalam hati sepanjang masa.

Bagi kita orang awam ini mungkin rasa itu belum ada di hati maka hendaklah kita mengusahakannya yakni dengan memikirkan kebesaran, kehebatan dan keagungan Allah. Lihatlah dan fikirkan tanda-tanda kebesaran Allah pada alam. Dari situ datanglah perasaan kehambaan kita itu.

Pada peringkat awal perlu dipaksa-paksa supaya perasaan itu ada. Bagi orang yang telah bersih hatinya mereka tidak payah memikirkannya lagi. Perasaan itu sedia ada dan sentiasa ada dalam hati mereka. Bukan sahaja waktu sembahyang, waktu membaca Quran, berpuasa, waktu berzikir dan lain-lainnya, malah di waktu berkhidmat di luar ibadah, hati mereka tetap kepada Allah SWT.

Pendek kata perasaan kehambaan itu telah benar-benar dihayati oleh lahir dan batin mereka sepanjang masa. Macamlah seorang pekerja istana hatinya sentiasa terisi dengan perasaan kehambaan sama ada ketika dia bekerja atau ketika dia berehat-rehat, waktu makan, minum dan waktu tidur. Bukannya waktu kerja dia merasa dia "kuli", tetapi waktu rehat dia rasa dia tuan dan berlagak macam tuan.

Orang yang kenal Allah akan benar-benar merasa dia hamba Allah. Hatinya tidak merasa dia lebih, dia pandai, dia hebat, dia besar, dia kuat, dia segala-galanya. Sebab kalau dia pandai pun dia tetap hamba, dia rasa dia hamba, ingin berkhidmat sebagai hamba, hidupnya seperti hamba dan bergaya sebagai hamba. Hamba kepada Allah, bekerja untuk Allah, mengabdikan diri kepada Allah, berjuang membela agama Allah, berkorban untuk Allah dan berperang kerana Allah dan rela mati kerana Allah.

Sesiapa sahaja musuh Allah adalah musuhnya, akan ditentang sehebat-hebatnya. Dan sesiapa sahaja

"orang-orang Allah" adalah orang-orangnya maka digauli penuh mesra dan kasih sayang.

Inilah jiwa yang merdeka bebas dari ikatan dunia. Jiwa yang tidak akan diperhambakan oleh dunia kerana jiwanya diserah bulat-bulat pada Allah.

Banyak berlaku di kalangan kita, mereka yang merasa hamba Allah ketika waktu beribadah, sembahyang, puasa, waktu mengerjakan haji, atau waktu membaca Quran, berwirid dan zikir sahaja. Di luar dari waktu itu, waktu makan, waktu tidur, waktu membasuh, waktu menyapu halaman dan lain-lain, tidak rasa diri sebagai hamba.

Kita rasa itu urusan kita, kejayaan kita adalah untuk kita dan kerana kita. Kita perturutkan selera kita, pendapat kita dan cara kita dalam melaksanakannya.

Kita tidak rasa kita berkhidmat untuk dan kerana Allah lagi. Kita tidak terasa hubungan dengan Allah lagi, kita tidak rasa malu dengan Allah dan hina diri lagi. Mungkin kalau ditanya orang, kita akan menjawab kita bekerja untuk Allah tetapi itu akal, hakikatnya hati kita tidak merasa begitu.

Perasaan kita bukan begitu (zauk tidak begitu). Hati rasa tuan, rasa kita punya, kuasa kita, kejayaan kita, kelebihan kita dan kerana kita. Sebab itu kita ikut selera kita dalam tindakan hingga membelakangkan peraturan hidup dari Tuhan.

Orang begini sebenarnya bukan menghambakan diri pada Allah, dan tidak bertuhankan Allah. Dia bertuhankan hawa nafsu dan menghambakan diri untuk nafsu.

Firman Allah:

أَفَرَءَيْتَ مَنِ ٱتَّخَذَ إِلَـٰهَهُۥ هَوَىٰهُ

6

Tanda atau Sifat-Sifat Orang Yang Mendapat Amalan batin

TELAH kita katakan bahawa kita mesti beribadah kepada Allah lahir dan batin. Ibadah lahir disebut syariat. Ibadah batin disebut hakikat. Orang yang sudah melaksanakan syariat akan nampak oleh kita tandanya iaitu mengucap dua kalimah syahadah, sembahyang, puasa, zakat, haji, baca Quran, selawat, zikrullah, menutup aurat, menuntut ilmu, bersilaturrahim dan lain-lain cara hidup yang diperintahkan oleh Allah SWT dengan meninggalkan (tidak melakukan) segala yang ditegah oleh Allah.

Begitulah juga bagi orang-orang yang melakukan ibadah batin, ada juga tanda-tandanya. Tanda-tanda ini tidak dapat dilihat oleh mata lahir kita, sebab ia tersembunyi di dalam hati.

Ia hanya dapat dilihat oleh orang yang empunya diri iaitu dengan merasai gerak dan arah perjalanan hati kita. Hati yang sudah melakukan ibadah adalah berbeza dengan hati yang masih derhaka.

Untuk mengetahui perbezaan ini dan supaya dapat mengenal hati kita, apakah sudah taat atau masih derhaka, saya perturunkan tanda-tanda atau sifat-sifat hati yang tinggi yang dimiliki oleh orang-orang yang melakukan ibadah batin.

1. SYARIAT LEBAT

Orang yang kuat beribadah batin pasti akan kuat (lebat) pula ibadah lahirnya (syariat). Tetapi (perlu diingat) orang yang kuat syariat sahaja belum tentu kuat ibadah batinnya. Sebabnya begini:

Pada diri kita, hati (jasad batin) kita adalah pengarah manakala anggota-anggota lain (jasad lahir) sebagai pekerja. Kita makan ialah kerana hati kita suruh makan. Kaki dan tangan pun bekerja untuk mencari makanan. Kita hendak ke masjid pun adalah amalan hati kita. Kaki kita hanya menurut sahaja. Tetapi kalau hati tidak mahu pergi walau masjid di sebelah rumah pun, kaki tidak akan melangkah pergi.

Begitu besarnya kuasa dan peranan hati dalam menentukan corak hidup kita. Sebab itu kalau hati sudah baik, taat menghambakan diri pada Allah, hati itu akan mengarahkan anggota lahir semuanya tunduk menyembah Allah. Semua suruhan Allah akan ditaati tanpa soal jawab. Semua larangan Allah akan ditinggalkan tanpa ragu-ragu.

Firman Allah:

وَقَالُواْ سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا غُفْرَانَكَ رَبَّنَا وَإِلَيْكَ الْمَصِيرُ

Terjemahannya: Dan mereka berkata: "Kami dengar dan kami taut." (Dan mereka berdoa): "Tuhan, keampunan-Mu kami pohon, dun kepada-Mulah tempat kembali."

(Al Baqarah: 285)

Sembahyang fardhu beres, sembahyang sunat hajat dan lain-lain tidak ditinggalkan. Puasa sunat

dianggap besar dan sentiasa dilakukan dengan ringan. Baca Quran, selawat, wirid, zikir, tahlil, tasbih dan tahmid dan lain-lain telah menjadi nyanyian tetap yang mengasyikkan. Berjuang menyebarkan agama Allah terasa satu kewajipan yang mesti dan tidak pernah jemu dan letih kerana perjuangan.

Kuat berkorban harta, fikiran, masa dan tenaga untuk membantu Islam dan umat Islam. Tidak bermewah-mewah dengan rezeki pemberian Allah sekalipun halal dan hanya diambil untuk keperluan sahaja. Lebihnya diserahkan untuk jihad. Sebab itu rumahnya sederhana, pakaian, makan minum juga sederhana.

Kerana hatinya suruh tutup aurat maka ia akan melakukannya tanpa peduli apa orang kata.

Kerana hatinya suruh berderma dan bersedekah maka ia akan melakukannya tanpa takut miskin dan bimbang hari depan.

Kerana hatinya suruh ia berjemaah sesama kaum Muslimin maka ia pun turut berjemaah tanpa ragu meninggalkan alam dan kawan yang di luar jemaah.

Kerana hatinya suruh hentikan pergaulan bebas maka ia hentikan tanpa takut kehilangan atau putusnya jodoh. Dan apa sahaja suruhan hati ia akan taat.

Hati yang taat dan takutkan Allah akan mengarahkan kita mengikut semua suruhan Allah. Tidak pernah terlintas dalam hati orang-orang soleh satu keinginan untuk menderhakai Allah. Hatinya tidak merancang untuk melakukan larangan Allah.

Sebab itu orang yang kuat ibadah batinnya cukup kuat meninggalkan perkara-perkara haram, makruh dan syubahat. Tidak melakukan zina, tidak menipu, tidak minum arak, tidak berjudi, tidak mengambil pinjaman riba (loan) untuk membeli rumah atau kereta, tidak terlibat dengan rasuah, tidak berkhianat,

tidak merokok, tidak mengumpat, tidak memfitnah, tidak bergaul bebas lelaki dan perempuan, tidak membazir dan bermewah-mewah, tidak berpoya-poya, tidak terlibat dengan muzik-muzik haram, tidak bercinta-cintaan lelaki perempuan secara haram dan lain-lain.

Hati yang kuat dengan Allah akan melarang keras dari terlibat dengan pekerjaan yang dikutuk Allah. Hati yang sempurna ibadahnya akan menolak segala-gala perkara yang dibenci Allah.

Tegasnya hati kitalah yang boleh membetulkan kita dan hati jugalah yang boleh menjahanamkan kita. Kalau hati baik, baik pulalah tindakan kita. Dan kalau hati jahat, jahat pulalah tindakan kita.

Konsep "baik hati" ini janganlah pula disalah-ertikan. Jangan kita kata, "Tidak sembahyang pun tidak mengapa, asal hati baik. Tidak menutup aurat pun tak apa, asal hati baik."

Kalau kita kata begitu, kita telah buat dua kejahatan. Pertama kerana berani menidakkan suruhan Allah (sembahyang dan tutup aurat itu suruhan Allah). Kedua kerana kita menganggap hati kita baik dalam keadaan hati kita masih derhaka pada Allah.

Hati yang tidak mahu sembahyang atau tutup aurat itu ialah hati yang derhaka pada Allah. Hati yang baik ialah hati yang taat dan takut pada Allah. Bila hati taat maka kita akan mentaati serba-serbi perintah Allah. Bila hati kita baik kita akan kuat bersyariat.

2. MENDAPAT KEJERNIHAN ATAU KERINGANAN BATIN

Apabila seseorang hamba itu sudah mendapat kero hanian yang tinggi, hatinya (batinnya) akan jadi suci dan ringan. Allah SWT berfirman:

ٱلَّذِينَ يُوفُونَ بِعَهْدِ ٱللَّهِ وَلَا يَنقُضُونَ ٱلْمِيثَٰقَ

Terjemahannya: Iaitu mereka yang memenuhi janji Allah dan tidak pula merosakkan perjanjian.
(Ar Ra'd: 20)

وَٱلَّذِينَ يَصِلُونَ مَآ أَمَرَ ٱللَّهُ بِهِۦٓ أَن يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ
رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوٓءَ ٱلْحِسَابِ

*Terjemahannya: Dan mereka menghubungi apa-*apa *yang* Allah *perintahkan supaya dihubungkan (silatumahim) dan mereka takut pada* Tuhan *mereka dan takut pada hisab yang buruk.*
(Ar Ra'd: 21)

وَٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ ٱبْتِغَآءَ وَجْهِ رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَأَنفَقُوا۟ مِمَّا
رَزَقْنَٰهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ بِٱلْحَسَنَةِ ٱلسَّيِّئَةَ
أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عُقْبَى ٱلدَّارِ

Terjemahannya: Dan merekajuga bersabar dalam mencari keredhaan Tuhannya, mendirikan solat *dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan pada mereka* secara *sembunyi atau secara terang-terangan. Dan mereka menutupi kejahatan*

dengan kebaikan. Mereka itulah yang mendapat tempat kesudahan (yang baik).

(Ar Ra 'd: 22)

جَنَّٰتُ عَدۡنٖ يَدۡخُلُونَهَا وَمَن صَلَحَ مِنۡ ءَابَآئِهِمۡ وَأَزۡوَٰجِهِمۡ وَذُرِّيَّٰتِهِمۡۖ
وَٱلۡمَلَٰٓئِكَةُ يَدۡخُلُونَ عَلَيۡهِم مِّن كُلِّ بَابٖ

Terjemahannya: *(Iaitu) syurga 'Adn yang mereka masuk ke dalamnya bersama-sama dengan orang-orang yang soleh di* kalangan *bapa-bapanya, isteri-isterinya dan anak* cucunya, *sedangkan malaikat-malaikat masuk menemui mereka di semua pintu masuk.*

(Ar Ra 'd: 23)

سَلَٰمٌ عَلَيۡكُم بِمَا صَبَرۡتُمۡۚ فَنِعۡمَ عُقۡبَى ٱلدَّارِ

Terjemahannya: (Sambil mengucapkan) "salam sejahtera kerana *kesabaran kamu " maka alangkah baiknya tempat kesudahan itu.*

(Ar Ra'd: 24)

Apabila roh sudah suci dan ringan maka rasa ringanlah hati kita untuk mentaati Allah. Nafsu kita akan berubah dari nafsu-nafsu yang rendah kepada nafsu mutmainnah. Ketika ini kita akan sentiasa merasa kita adalah hamba Allah, mahu hidup sebagai hamba dan rela menerima apa sahaja qada dan qadar Tuhan tanpa soal jawab atau resah gelisah.

Untuk lebih jelas biar saya senaraikan sifat-sifat hati yang saya maksudkan:

- Rasa malu pada Allah kerana sentiasa merasa diawasi oleh Allah.

- Rasa takut dan hebat pada Allah kerana terasa dir-i sentiasa berada dalam kuasa Allah yang mana Allah boleh buat apa sahaja seperti sakit, miskin, mati dan lain-lain.
- Sentiasa rasa berdosa pada Allah (bukan depan manusia kerana ada kesalahan sulit yang tidak dapat dikesan seperti dosa-dosa hati) sebab itu dia selalu menangis seorang diri (bukan depan orang) kerana takut dosanya tidak terampun.
- Tidak menangguh-nangguhkan urusan dengan Allah kerana hati sentiasa merasa kedatangan maut itu bila-bila masa sahaja boleh berlaku.
- Setiap kali terbuat kesalahan yang kecil pun hatinya rasa takut dan terhina di depan Allah dan terus dengan serta merta meminta ampun dengan Allah SWT.
- Setiap kali selesai beramal, hati merasa itu adalah kurnia Allah bukan kuasanya. Jadi dia tidak bangga malah rasa amalannya tidak sempurna bersama rasa harapkan kasihan belas dari Allah agar menerima amalannya.
- Kalau Allah menentukan satu ha1 pada dirinya, hatinya meredhai apa yang terjadi (tanpa kesal dan keluh-kesah) kerana dia sedar kerendahan dirinya yang layak menerima apa sahaja taqdir Allah.
- Setiap kali melihat pandangan alam yang indah, hati segera terasa kebesaran Allah.
- Kalau dia mendapat kejayaan atau nikmat, hati segera terasa itu pemberian Allah bukan

kemampuan sendiri sebab itu dia rasa takut pada Allah kalau-kalau harta itu disalahgunakan atau kurang disyukuri.

- Kalau dia dimiskinkan (atau tidak memperolehi nikmat) hatinya rasa lapang kerana dia merasakan lepas dari tanggungjawab untuk menjaga amanah dari Allah.
- Kalau mendapat bala seperti sakit, hati boleh tenang kerana merasakan bala adalah kifarah (balasan) pada dosanya. Dia rasa lebih baik dihukum di dunia daripada dihukum di akhirat. Penderitaan di dunia adalah pengampunan dosa di akhirat.
- Bila mendapat pujian, hati rasa tidak senang sebab pujian itu tidak layak baginya dan boleh merosakkan rasa kehambaannya.
- Kalau dikeji atau dihina orang, hatinya rasa kasihan pada orang yang menghinanya dan segera memaafkan orang itu tanpa diminta sebabnya. Dia rasa kerana dosanyalah dia dihukum begitu (kalau tidak begitu dia tidak akan dapat pahala dari penghinaan itu). Sebab itu dia tidak berniat langsung untuk membalas perbuatan orang itu.
- Dia sentiasa berlapang dada berdepan dengan ragam dan kesusahan yang manusia timpakan ke atasnya.
- Dia tidak berbangga dengan nikmat, tidak gelisah dengan bala, tidak rasa tenang dengan pujian dan tidak menderita dengan kejian. Hatinya sentiasa merasakan sebagai hamba

yang serba kekurangan dan amat memerlukan Allah SWT dalam semua keadaan.

- Kalau dia melihat atau tahu orang membuat maksiat, dia syukur pada Allah kerana dirinya selamat dari maksiat. Sebab itu dia tidak menghina orang itu bahkan dia rasa kasihan, ingin menolong dengan memberi nasihat. Dan dia tidak menaruh sangka jahat pada orang itu sebaliknya dia menganggap kesalahan itu adalah kerana tidak tahu, terlupa ataupun tidak sengaja.
- Ketika berhadapan dengan orang yang memarahinya, dia tidak turut mar-ah dan tidak lawan bertekak sekalipun dia benar.
- Berhadapan dengan kepandaian orang lain, dia akan terima ilmu atau kebenaran sekalipun dari seorang kanak-kanak. Kalau bermuzakarah dia tidak menunjuk-nunjuk. Kalau dia pandai tidak pula rasa megah.
- Kalau orang memuji seorang lain di hadapannya dia tidak sakit hati sebab dia faham kuasa (hak) Allahlah yang melebih dan mengurangkan nikmat pada hamba-hamba-Nya.
- Kalau ada orang lain membuat kerjanya, dia tidak meradang sebab dia rasa dia terbantu.
- Kalau dia digemari ramai, dia tidak bangga sebaliknya dia bimbang kalau-kalau itu membuatkan dirinya riak.
- Dia tidak makan seorang diri. Kalau beri bantuan pada seseorang tidak di hadapan orang lain.

- Beramal dan beribadah betul-betul kerana Allah (kerana rasa ingin berkhidmat sebagai hamba) bukan lagi kerana Syurga atau Neraka.

7

Perihal Kehidupan Orang-Orang Soleh

SAYIDINA ABU BAKAR AS SIDDIQ

Hatinya terlalu takut pada Allah hinggakan orang pernah tercium dari nafasnya bau hati yang terbakar. Ertinya hatinya yang ketakutan itu telah terbakar.

Kalau beliau mendapat tahu yang makanan yang sedang dimakan itu adalah makanan syubahat maka beliau akan mengorek-ngorek mulutnya hingga muntah-muntah kemudian dia akan berkata, 'Wahai Tuhanku, janganlah Engkau bertindak ke atasku apa yang telah dihisab untuk peluh dan yang telah bergaul dengan perut panjang."

SAYIDINA UMAR IBNU KHATTAB

Ilmunya banyak, akalnya luas, fahamannya mendalam, orangnya zuhud, tawadhuk, belas kasihan dengan kaum Muslimin, banyak insaf, tegas dengan kebenaran dan sangat membesarkan perjalanan hidup Rasulullah SAW.

Beliau tidak menghimpunkan dalam satu hidangan dua jenis lauk hingga menemui Allah.

Pakaian beliau bertampung empat di antara dua bahunya. Kainnya ditampung dengan kulit. Satu ketika pernah orang membilang tampungan di bajunya, dan didapati ada 14 tampalan manakala salah

satu tampungan dari tanah liat merah.

Apabila berlaku satu perkara terhadap orang-orang Islam beliau sangat mengambil berat dengan urusan itu, hampir-hampir beliau binasa.

Satu hari beliau terlambat pergi sembahyang Jumaat. Setelah keluar dari masjid beliau lantas meminta uzur dengan berkata, “Aku terlambat kerana bajuku ini berbasuh sedangkan aku tidak ada baju selain ini.”

Ketika berjalan dari Madinah ke Makkah untuk menunaikan haji, beliau tidak pun memasang khemah sehinggalah balik. Kalau beliau berhenti di satu tempat, beliau sangkutkan baju atau tikar daripada kulit di atas pokok-pokok dan berteduh di bawahnya.

Warna kulit beliau putih kemerahan. Pada musim kekurangan makanan dan kepicikan, kulit beliau menjadi hitam manis sebab ketika itu makanan kurang.

Jadi untuk memberi kelapangan pada kaum Muslimin beliau tidak lagi makan daging, minyak sapi dan susu sebaliknya hanya memakan minyak selama sembilan bulan. Beliau bersumpah tidak akan makan lauk selain minyak hingga Allah memberi kelapangan pada kaum Muslimin.

Apabila beliau membaca ayat-ayat Al Quran yang menjadi wirid-wiridnya, dadanya menjadi sebak hingga beliau terjatuh dan menangis. Kemudian beliau terus tinggal saja di rumah, tidak mahu keluar hinggalah beliau diziarahi oleh orang ramai kerana menyangka beliau sakit.

Kalau beliau lalu di tempat najis beliau berhenti dan berkata, “Inilah dunia kamu yang kamu rakus dengannya.”

Sayidina Umar mencintai sembahyang di tengah malam.

Apabila berlaku kesalahan dengan manusia beliau menanggalkan bajunya dan memakai baju pendek yang menyampaikan had lututnya sahaja, kemudian beliau mengangkat suaranya menangis meminta ampun kepada Allah dalam keadaan airmatanya mengalir hingga membasahi badannya.

Beliau sendiri memikul guni-guni tepung untuk diberi pada janda-janda dan anak-anak yatim. Sahabat-sahabat meminta untuk memikul guni-guni itu, tidak diberinya dengan berkata, "Siapakah yang akan memikul dosaku di hari kiamat kelak?"

Selepas Sayidina Umar wafat, Sayidina Abbas bermimpi melihat beliau dan bertanya, "Apa hal engkau ya Amirul Mukminin?"

Beliau menjawab, "Hampir-hampir Umar jatuh jikalau tidak aku dapati Tuhan itu Maha Pengasih."

SAYIDINA USMAN IBNU AFFAN

Beliau dibunuh ketika sedang membaca Al Quran setelah dikepung selama 49 (empat puluh sembilan) hari.

Beliau bersangatan malu (pemalu) hingga pintu rumahnya sentiasa ditutup. Ketika membasuh pakaian tidak pernah beliau meletakkannya di atas pintu kerana malu mengangkat punggungnya.

Sepanjang hari berpuasa dan sepanjang malam beribadat melainkan tidur sedikit di awal-awal malam.

Banyak kali mengkhatam Quran pada tiap-tiap rakaat sembahyangnya.

SAYIDINA ALI ABI TALIB

Pada suatu sembahyang subuh, selesai memberi salam terus Sayidina Ali menadah tangan dan berkata:

“Telahku lihat para sahabat Nabi SAW, tetapi sekarang tidak lagi yang menyerupai mereka itu. Mereka (para sahabat) biasanya keluar pagi-pagi berambut kusut, wajah menguning berdebu dan mata mereka membesar sebesar lutut kambing kerana semalaman suntuk bersujud dan berdiri sembahyang malam seraya membaca kitab Allah dan mempergantikan tapak dan kening di tanah.

“Bila hari telah pagi mereka pun mengingat Allah dengan bergoyang badannya bagaikan pohon ditiup ribut dengan airmata bercucuran membasahi kain. ***Wallahi,*** sekarang kulihat masyarakat lalai sepanjang malam."

Kemudian Sayidina Ali pun bangkit. Dan sejak subuh itu tidak pernah lagi kelihatan beliau ketawa hinggalah ke saat beliau wafat oleh pukulan pedang Ibnu Muljam.

Cerita seorang Majusi dengan Nabi Ibrahim

Seorang Majusi meminta bertemu dengan Nabi Ibrahim maka dijawab oleh Nabi Ibrahim, “Kalau engkau masuk Islam maka aku terima sebagai tetamuku.”

Kemudian Majusi itu pun meneruskan perjalanannya. Lalu Allah SWT mewahyukan kepada Nabi Ibrahim:

‘Kenapa engkau tidak mahu menjamunya tanpa dia mengubah agamanya? Sedangkan Kami telah 70 tahun menjamunya di dunia walaupun dia kafir? Kalau enghau bawa dia menginap semalam ini apa salahnya?”

Nabi Ibrahim pun bergegas menyusul Majusi itu lalu membawanya kembali dan menjamunya. Majusi lalu bertanya tentang sebabnya berlaku perubahan sikap Nabi Ibrahim.

Nabi Ibrahim pun menceritakan keadaan yang sebenarnya. Mendengar itu Majusi pun berkata:

"Begini Allah memperlakukan diriku. Tolonglah tuan huraikan pada saya tentang Islam."

Dan Nabi Ibrahim pun menceritakan tentang Islam dan akhirnya Majusi itu pun memeluk Islam.

Ibrahim Al Athrusy bercerita:

Suatu hari sedang kami duduk-duduk di pinggir Sungai Dajlah di Kota Baghdad bersama Maaruf Al Kharkhi, kami melihat sebuah sampan yang penuh muatan muda-mudi berpesta ria, memukul gendang dan sambil minum tuak.

Melihat itu kami pun berkata kepada Maaruf Al Kharkhi, "Lihatlah mereka berterang-terangan melakukan dosa. Doalah pada Tuhan agar mereka dihukum."

Maaruf Al Kharkhi lalu menadahkan tangannya lalu berdoa, "Ya Tuhanku, sebagaimana Engkau telah gembirakan mereka di dunia maka berikanlah mereka kegembiraan di akhirat."

Kami segera menyampuk, "Kami minta didoakan bala untuk mereka!"

Dan jawab Maaruf, "Bila Allah mahu menggembirakan mereka di akhirat, Dia akan sudi mengampuni mereka."

Hatim Al Assam berkata:

Janganlah terpedaya oleh satu daerah yang baik kerana tidak ada tempat yang lebih baik dari syurga sedangkan di situ Nabi Adam a.s masih menemui kesusahan yang dideritainya.

Jangan terpedaya oleh banyaknya ilmu kerana

Bal'am adalah seorang ulama' yang mengenal rahsia nama Allah yang paling agung (*Ismullah Al'Azam*), tetapi cuba kaji penderitaan yang dideritainya.

Jangan terpedaya pula kerana pernah melihat orang-orang soleh dari dekat. Tidak ada peribadi yang lebih mulia tempatnya di sisi Allah dan Rasulullah SAW, sedangkan begitu ramai kerabatnya dan musuhnya yang tidak mendapat manfaat dari berjumpa dengan baginda.

8

Kata-Kata Hikmah Dari Orang Soleh

KATA-KATA HIKMAH SAYIDINA ABU BAKAR:

1. Sesungguhnya hamba itu apabila kedatangan ujub dengan sesuatu daripada perhiasan dunia, nescaya Allah murka kepadanya hingga dia menceraikan perhiasan itu.

2. Moga-moga aku jadi pokok kayu yang direntas kemudian dimakan.

3. Dia berkata kepada para sahabat: Sesungguhnya aku telah mengendalikan urusan kamu, tetapi bukanlah aku ini orang yang paling baik di kalangan kamu maka tolonglah aku kalau aku berlaku lurus maka ikutilah aku tetapi kalau aku menyeleweng maka betulkan aku.

SAYIDINA UMAR AL KHATTAB:

1. Jikalau tidaklah kerana takut dihisab, sesungguhnya aku perintahkan dengan membawa seekor kambing untuk dipanggang untuk kami di depan pembakar roti.

2. Barangsiapa takut kepada Allah SWT nescaya tidak dapat dilihat marahnya. Dan barangsiapa takutkan Allah, tidak sia-sia apa yang dia hendak.

3. Wahai Tuhan, jangan Engkau jadikan kebinasaan umat Muhammad SAW di atas tanganku. Wahai Tuhanku, telah lanjut umurku, telah lemah kekuatanku dan telah tertebus rakyatku. Genggamkan (matikan) aku untuk-Mu bukan untuk manusia dan tidak melampaui.

SAYIDINA ALI KARRAMALLAHU WAJHAH:

1. Memadai aku merasai mulia bahawa Engkau sebagai Tuhan bagiku dan memadailah aku bangga bahawa aku menjadi hamba bagi-Mu. Engkau bagiku sebagaimana yang aku cintai, maka berilah aku taufik bagi apa yang Engkau cintai.

2. Hendaklah kamu lebih ambil berat soal bagaimana amalan itu diterima daripada banyak beramal, maka sesungguhnya terlalu sedikit amalan yang disertai taqwa, betapalah amalan itu hendak diterima.

3. Janganlah mengharap seseorang hamba itu melainkan kepada Tuhannya dan janganlah dia takut melainkan dosanya.

4. Tiada kebaikan ibadah yang tiada ilmu padanya dan tiada kebaikan ilmu yang tiada faham padanya dan tidak ada kebaikan bacaan kalau tiada perhatian padanya.

UMAR IBNU AZIZ:

1. Orang yang bertaqwa itu dikekang.
2. Sesungguhnya syubahat itu pada yang halal.
3. Kemaafan yang utama itu ialah ketika berkuasa.

SUFFIAN AS THAURI:

1. Tidak ada ketaatan bagi kedua ibu bapa pada perkara syubahat.

2. Sesungguhnya seorang lelaki itu berharta sedangkan dia zuhud di dunia, dan sesungguhnya seorang itu adalah fakir sedangkan dia gemarkan dunia.

3. Menuntut ilmu adalah lebih utama daripada sembahyang sunat.

IMAM ASH SYAFIE:

1. Barangsiapa menghendaki Akhirat wajib baginya ikhlas pada ilmu.

2. Tidak ada sesuatu yang lebih indah pada ulama' melainkan dengan kefakiran dan memadai apa yang ada dan redha dengan keduanya.

3. Hendaklah kamu berilmu pengetahuan sebelum kamu menjadi ketua sebab sesudah kamu menjadi ketua, tiada jalan lagi bagi kamu mencari pengetahuan.

4. Orang yang berakal itu ialah orang yang akalnya dapat mengawal segala sifat-sifat mazmumah (keji).

5. Barangsiapa menyukai Allah menutupi baginya dengan kebaikan maka hendaklah dia sangka baik terhadap manusia.

IMAM MALIK:

1. Bukanlah ilmu itu dengan membanyakkan riwayat tetapi ilmu itu ialah cahaya yang Allah letakkan dalam hati.

2. Apabila seseorang itu memuji dirinya maka hilanglah cahayanya.

3. Wajiblah di atas orang yang menuntut ilmu bahawa dia memiliki kebesaran, ketenangan dan ketakutan.

IMAM ABU HANIFAH:

1. Tidak sekali-kali aku bersembahyang melainkan aku doakan untuk guruku Hammad dan mereka yang pernah aku belajar daripadanya atau yang pernah aku mengajar (murid-muridnya).

2. Aku menggauli manusia sejak 50 tahun, tidak aku dapati seorangpun yang mengampunkan kesalahanku dan tidak ada yang menghubungi aku ketika aku memutusinya dan tidak ada yang menutup keaibanku dan tidak aku amankannya apabila dia murka kepadaku. Maka yang mereka lebih berbimbang-bimbang adalah perkara yang besar-besar.

3. Telah sampai berita kepadaku, bahawasanya tidak ada yang lebih mulia dari seorang alim yang warak.

IMAM AHMAD:

Jangan kamu mengambil ilmu dari orang yang mengambil mata benda dunia di atas ilmunya.

SUFFIAN BIN UYAINAH:

1. Dua perkara susah sekali mengubatinya iaitu meninggalkan loba (tamak) untuk manusia dan mengikhlaskan amal untuk Allah.

2. Siapa yang ditambah akalnya kuranglah rezekinya.

3. Zuhud di dunia itu ialah sabar dan menung-g-u-nunggu kedatangan mati.

4. Ilmu itu jika tidak memberi manfaat padamu maka dia akan memberi mudarat padamu.

5. Tidak dianggap orang yang menuntut ilmu sebagai orang yang berakal hingga dia melihat dirinya hina dari sekelian manusia.

1. Surat dari ibu Aisyah r.a untuk Khalifah Muawiyah berbunyi begini:

“Aku dengar Rasulullah SAW bersabda: Siapa yang mengusahakan keredhaan Allah sampai dikesali manusia ia akan disokong Allah dalam menghadapi manusia. Dan siapa yang membelakangkan Allah agar disenangi manusia nasibnya akan diserahkan Allah pada manusia.”

“Oleh itu tetaplah hati tuan dalam takut pada Allah kerana bila tuan takut pada Allah, Dia akan menyokongmu terhadap manusia. Tetapi kalau tuan takut pada manusia mereka tidak akan dapat menolongmu terhadap Allah sedikit pun.”

2. Khalifah Umar Ibnu Aziz menasihati gabenor-gabenor di daerah pemerintahannya dengan katanya:

"Kekuasaan yang ada di tangan saudara-saudara telah memungkinkanmu untuk menzalimi rakyat. Bila terasa di hatimu untuk menzalimi seseorang, ingatlah segera betapa besarnya kekuasaan Allah atas diri saudara-saudara."

"Ketahuilah bahawa satu kejahatan yang anda timpakan pada rakyat akan hilang lambat laun bekasnya dari mereka tetapi tetap bekasnya untuk saudara-saudara dalam daftar dosa. Ketahuilah pula bahawa Allah SWT membela orang teraniaya terhadap yang menzaliminya."

3. Luqmanul Hakim menasihati anaknya:

'Wahai anakku, dampingilah selalu para ulama' dan engkau jangan banyak berdebat terhadap mereka agar jangan dibenci oleh mereka itu."

"Ambillah dari dunia sekadar keperluan dan biayakan (belanjakan) lebihan hasil usahamu untuk Akhirat. Dunia jangan ditolak habis agar engkau jangan jadi "parasit" (orang yang hidup menumpang pada orang lain dan tidak membalas apa-apa) yang menyusahkan manusia (orang) lain."

"Selalu-selalulah berpuasa untuk menundukkan nafsumu, tetapi janganlah sampai meletihkan badan sehingga merosakkan sembahyangmu kerana sembahyang lebih utama dari puasa."

"Janganlah engkau berteman duduk dengan orang yang bodoh sombong dan jangan dirapati orang yang bermuka dua."

4. Pemah Allah SWT bertanya kepada Nabi Yaakub a.s:

"Tahukah kamu kenapa Kupisahkan engkau dengan puteramu Yusuf?"

'Tidak, ya Tuhanku," jawab Nabi Yaakub.

"Adalah kerana kata-katamu: Aku takut kerana dia akan dimakan serigala waktu kamu (saudara-saudara Yusuf) lalai bermain-main. Kenapa engkau bimbangkan serigala tetapi tidak menyatakan harapan pada-Ku? Dan engkau hanya pandang kelalaian saudara-saudaranya sahaja tapi tidak engkau pandang perlindungan-Ku terhadapnya (Yusuf)."

Kemudian Allah bertanya lagi pada Nabi Yaakub a.s:

"Tahukah pula kamu kenapa Yusuf Aku kembalikan padamu? "

'Tidak, ya Tuhanku," jawab Nabi Yaakub.

"Juga adalah kerana kata-katamu: Semoga Allah akan memulangkan semua padaku. Dan kerana kata-katamu: Pergilah cari Yusuf dan adiknya dan janganlah kamu berputus asa."

5. Kata Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda:

'Yang paling awal diseru di hari kiamat ialah orang yang hafal Al Quran dan seorang yang perang sabil (mati dalam peperangan) dan seorang yang kaya."

Maka firman Allah kepada yang hafal Al Quran:

"Apakah Aku ini tidak mengajarmu? Mengajar Al Quran yang Aku turunkan kepada Rasul-Ku?"

Jawab orang itu, 'Tentu saja ya Tuhanku."

Dan firman Allah, "Digunakan pada apa ilmu yang kau miliki itu?"

Jawabnya, "Aku amalkan dan aku kaji siang dan malam."

Firman Tuhan, “Kamu dusta! ”

Demikian pula para malaikat berkata, “Kamu dusta. ”

Firman Tuhan, “Kamu sebenarnya ingin dipuji orang bahawa kamu ini seorang qari maka ganjaranmu itu cukuplah pujian orang-orang itu. Itulah bahagianmu.”

Sekarang giliran orang yang mati di dalam peperangan dihadapkan kepada Tuhan yang Maha Esa dan Tuhan berfirman:

“Apakah engkau telah lakukan di dunia?”

Jawabnya, “Saya diperintahkan perang sabil dan perintah itu saya jalankan sampai saya mati dalam peperangan itu.”

Firman Allah: “Kamu dusta!”

Demikian pula para malaikat berkata, “Kamu dusta.”

Firman Allah:

“Sebetulnya kamu ingin dipuji sebagai seorang yang berani (pahlawan). Pujian itulah cukup untuk bahagianmu.”

Kemudian tibalah giliran orang kaya dihadapkan ke hadrat Allah SWT. Firman Allah:

“Apakah engkau ini tidak diberi kekayaan oleh-Ku? Sehingga engkau tidak memberikan kepada sesiapapun?”

Jawab orang kaya, ‘Tentu saja ya Tuhan, hamba ini telah diberi kekayaan oleh-Mu.”

Firman Tuhan: “Dipergunakan pada apa kekayaan yang Aku berikan padamu itu?”

Jawabnya, “Saya pergunakan untuk bersilaturrahim dan bersedekah.”

Firman Tuhan, “Kamu berdusta!”

Demikian pula para malaikat berkata, Kamu berdusta. "

Firman Tuhan:

"Sebetulnya kamu ingin dipuji sebagai seorang yang pemurah. Pujian orang-orang itulah sebagai bahagian untukmu. "

"Kemudian Rasulullah menepuk lututku," kata Abu Hurairah dan Rasulullah bersabda, "Ya Abu Hurairah mereka itulah orang yang pertama-tama dinyalakan api Neraka untuknya. "

6. Dari Muaz, Rasulullah SAW bersabda:

"Puji syukur ke hadrat Allah SWT yang menghendaki agar makhluk-Nya menurut kehendak-Nya, wahai Muaz!"

Jawabku, "Ya Sayidil Mursalin."

Sabda Rasulullah SAW:

"Sekarang aku akan menceritakan kepadamu, bahawa apabila dihafalkan (diambil perhatian) olehmu akan berguna tetapi kalau dilupakan (tidak dipedulikan) olehmu maka kamu tidak akan mempunyai hujah di hadapan Allah kelak."

"Hai Muaz, Allah itu menciptakan tujuh malaikat sebelum Dia menciptakan langit dan bumi. Setiap langit ada satu malaikat yang menjaga pintu langit dan tiap-tiap pintu langit dijaga oleh malaikat penjaga pintu menurut kadarnya pintu dan keagungannya.

"Maka malaikat yang memelihara amalan si hamba akan naik ke langit membawa amal itu ke **langit pertama.** Penjaga akan berkata kepada malaikat Hafazah: "Saya penjaga tukang umpat. Lemparkan balik amalan ini ke muka pemiliknya kerana saya

diperintahkan untuk tidak menerima amalan tukang umpat."

"Esoknya naik lagi malaikat Hafazah membawa amalan si hamba. Di langit kedua penjaga pintunya berkata: "Lemparkan balik amalan ini ke muka pemiliknya sebab dia beramal kerana mengharapkan keduniaan. Allah memerintahkan supaya ditahan amalan ini jangan sampai lepas ke langit yang lain."

"Kemudian naik lagi malaikat Hafazah ke langit ketiga membawa amalan yang sungguh indah. Penjaga langit berkata: "Lemparkan balik amalan ini ke muka pemiliknya kerana dia seorang yang sombong."

Rasulullah SAW meneruskan sabdanya:

"Berikutnya malaikat Hafazah membawa lagi amalan si hamba ke langit keempat. Lalu penjaga langit itu berkata: "Lemparkan balik amalan ini ke muka empunyanya. Dia seorang yang ujub. Allah memerintahkan aku menahan amalan si ujub."

Seterusnya amalan si hamba yang lulus ke langit kelima dalam keadaan bercahaya-cahaya dengan jihad, haji, umrah dan lain-lain tetapi di pintu langit penjaganya berkata:

"Ini adalah amalan tukang hasad. Dia sangat benci pada nikmat yang Allah berikan pada hamba-Nya. Dia tidak redha dengan kehendak Allah. Sebab itu Allah perintahkan amalannya dilemparkan balik ke mukanya. Allah tidak terima amalan pendengki dan hasad."

Di langit keenam, penjaga pintu akan berkata: "Saya penjaga rahmat. Saya diperintahkan untuk melemparkan balik amalan yang indah ini ke muka pemiliknya kerana dia tidak pernah mengasihi orang lain. Kalau orang dapat musibah dia merasa senang. Sebab itu amalan ini jangan melintasi langit ini."

Malaikat Hafazah naik lagi membawa amalan si

hamba yang dapat lepas hingga ke langit ketujuh. Rupa cahaya bagaikan kilat, suaranya bergemuruh. Di antara amalan itu ialah sembahyang, puasa, sedekah, jihad, warak dan lain-lain.

Tetapi penjaga pintu langit berkata:

"Saya ini penjaga sum'ah (ingin masyhur). Sesungguhnya si pengamal ini ingin masyhur dalam kumpulan-kumpulan dan selalu ingin tinggi di saat berkumpul dengan kawan-kawan yang sebaya dan ingin mendapat pengaruh dari para pemimpin. Allah memerintahkan padaku agar amalan ini jangan melintasiku.Tiap-tiap amalan yang tidak bersih kerana Allah maka itulah riak. Allah tidak akan menerima dan mengkabulkan orang-orang yang riak."

Kemudian malaikat Hafazah itu naik lagi dengan membawa amal hamba yakni sembahyang, puasa, zakat, haji, umrah, akhlak yang baik dan pendiam, zikir pada Allah diiringi malaikat ke langit ketujuh hingga sampai melintasi hijab-hijab dan sampailah ke hadrat Allah SWT.

Semua malaikat berdiri di hadapan Allah dan semua menyaksikan amalan itu sebagai amalan soleh yang betul-betul ikhlas untuk Allah.

Tetapi firman Tuhan:

"Hafazah sekelian, pencatat amal hamba-Ku, Aku adalah pengintip hatinya dan Aku lebih mengetahui apa yang dimaksudkan oleh hamba-Ku ini dengan amalannya. Dia tidak ikhlas pada-Ku dengan amalannya. Dia menipu orang lain, menipu kamu (malaikat Hafazah) tetapi tidak boleh menipu Aku. Aku adalah Maha Mengetahui."

"Aku melihat segala isi hati dan tidak akan terlindung bagi-Ku apa saja yang terlindung. Pengetahuan-Ku atas apa yang telah terjadi adalah sama dengan pengetahuan-Ku atas apa yang bakal terjadi."

"Pengetahuan-Ku atas orang yang terdahulu adalah sama dengan pengetahuan-Ku atas orang-orang yang datang kemudian. Kalau begitu bagaimana hamba-Ku ini menipu Aku dengan amalnya ini?"

"Laknat-Ku tetap padanya."

Dan ketujuh-tujuh malaikat berserta 3000 malaikat yang mengiringinya pun berkata:

"Ya Tuhan, dengan demikian tetaplah laknat-Mu dan laknat kami sekelian bagi mereka.

Dan semua yang di langit turut berkata: "Tetaplah laknat Allah kepadanya dan laknat orang yang melaknat."

Sayidina Muaz (yang meriwayatkan hadis ini) kemudian menangis teresak-esak dan berkata, "Ya Rasulullah, bagaimana aku boleh selamat dari apa yang diceritakan ini?"

Sabda Rasulullah SAW, "Hai Muaz, ikutilah Nabimu dalam soal keyakinan."

Muaz bertanya kembali, 'Ya, tuan ini Rasulullah sedangkan saya ini hanya si Muaz bin Jabal, bagaimana saya boleh selamat dan boleh lepas dari bahaya tersebut?"

Bersabda Rasulullah, "Ya begitulah, kalau dalam amalanmu ada kelalaian maka tahanlah lidahmu jangan sampai memburukkan orang lain. Ingatlah dirimu sendiri pun penuh dengan aib maka janganlah mengangkat diri dan menekan orang lain."

'Jangan riak dengan amal supaya amal itu diketahui orang. Jangan termasuk orang yang mementingkan dunia dengan melupakan akhirat. Kamu jangan berbisik berdua ketika di sebelahmu ada orang lain yang tidak diajak berbisik. Jangan takbur pada orang lain nanti luput amalanmu dunia dan akhirat dan jangan berkata kasar dalam suatu majlis

dengan maksud supaya orang takut padamu. Jangan mengungkit-ungkit apabila membuat kebaikan, jangan merobekkan peribadi orang lain dengan mulutmu kelak engkau akan dirobek-robek oleh anjing-anjing jahanam."

"Sebagaimana fir-man Allah yang bermaksud: Di neraka itu ada anjing-anjing perobek badan manusia."

Muaz berkata, "Ya Rasuiullah, siapa yang tahan menanggung penderitaan semacam itu?"

Jawab Rasulullah SAW, "Muaz, yang kami ceritakan itu akan mudah bagi mereka yang dimudahkan oleh Allah SWT. Cukuplah untuk menghindar semua itu, kamu menyayangi orang lain sebagaimana kamu mengasihi dirimu sendiri dan benci apa yang berlaku kepada orang lain apa-apa yang dibenci oleh dirimu sendiri. Kalau begitu kamu akan selamat dan dirimu pasti akan terhindar."

7. Nabi SAW bersabda:

Allah SWT berfirman: "Sekurang-kurangnya tindakan-Ku terhadap seorang hamba yang lebih mengutamakan nafsunya dari berbuat taat kepada-Ku ialah tidak Kuberi padanya kebahagiaan bermunajat kepada-Ku."

8. Sayidina Ali r.a berkata:

"Dasar kekafiran itu dikelilingi oleh empat tiang iaitu kasar hati, buta fikiran, lalai dan prasangka. Orang berhati kasar akan menghina kebenaran, menunjuk-nunjukkan kejahatan dan mengutuk orang-orang pandai. n

"Buta hati, lupa zikrullah dan lalai akan menghindarkan diri dari garis ketetapan dan orang yang syak

wasangka akan tertipu oleh angan-angan. Sampai masanya ia ditimpa kecewa dan sesal tidak berhujung kerana diperlihatkan Allah hal-ha1 yang selama ini tidak difikirkannya."

9. Nabi SAW bersabda:

"Sekurang-kurangnya (hati) kamu mesti berisi keyakinan dan keteguhan sabar. Siapa yang mendapatkan kedua-dua bahagian ini, tidak mengapa baginya bila kadang-kadang luput sembahyang sunat malam dan puasa sunat siang."

"Orang-orang sabar dalam keadaan ini lebih disukai dari tampilnya setiap orang melakukan semua amal yang aku khuatir sepeninggalanku dunia akan terbuka luas di depanmu lalu masing-masing bersifat nafsi-nafsi, engkau-engkau, aku-aku dan kamu tidak kenal lagi penduduk langit. Di waktu itu siapa yang sabar dan ikhlas yang akan memenangkan pahala yang selengkapnya."

Firman Allah:

مَا عِندَكُمْ يَنفَدُ وَمَا عِندَ ٱللَّهِ بَاقٍ وَلَنَجْزِيَنَّ ٱلَّذِينَ صَبَرُوٓا۟
أَجْرَهُم بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ

Terjemahannya: Apa yang ada pada** kamu **akan habis dan** apa **yang di sisi Allah akan kekal dan akan Kami beri tambahan** pahala **pada orang-orang** yang **sabar dalam apa yang mereka lukukan.

(An Nahl: 96)

10. Dalam athar dari Ibnu Abbas menceritakan ketika Nabi masuk ke suatu perhimpunan kaum Ansar baginda bertanya:

"Apakah saudara-saudara telah betul-betul Mukmin?"

Umar lalu menjawab, "Benar ya Rasulullah."

Baginda bertanya lagi, "Apakah ciri-ciri iman, saudara-saudara?"

Hadirin menjawab, "Kami bersyukur atas kesenangan, bersabar atas cubaan dan redha menerima ketentuan Tuhan." Lalu Nabi bersabda, "Memang anda semua Mukmin sejati, demi Tuhan Kaabah."

11. Termaktub dalam sepucuk surat Khalifah Umar kepada Abu Musa Al Ashaari:

"Hadapilah sifat sabar dan ketahuilah bahawa sifat sabar itu dua macam; yang satu lebih afdhal dari yang lain. Sabar dalam musibah adalah sifat baik namun lebih afdhal lagi sabar dalam menghindar larangan Allah SWT. Ketahuilah bahawa sabar itu bersangkutan dengan iman kerana kebajikan yang paling utama adalah taqwa dan taqwa hanya dapat dicapai dengan sabar."

1.2. Nabi Sulaiman pemah dihukum Allah selama 40 hari

Semasa baginda dihukum, ramai orang berkasar dengannya. Sebab itu bila Nabi Sulaiman bebas dan menjadi raja semula ada seorang umatnya datang meminta maaf pada Nabi Sulaiman. Nabi Allah itu menjawab:

"Aku tidak mengumpat tentang apa yang telah kamu lakukan dan tidak lupa pula memuji sikapmu

sekarang. Sesungguhnya semua yang telah terjadi itu adalah perintah dari langit yang mesti berlaku."

13. Seorang ulama' salaf berkata:

"Setiap seorang hamba berbuat dosa, bumi tempat tegaknya minta keizinan Tuhan untuk membenamkannya dan langit yang di atas kepalanya memohon izin untuk gugur menimpanya, tetapi Tuhan berfirman pada langit dan bumi itu:

'Tahanlah bahaya untuk hamba-Ku itu dan beri dia tempoh. Mungkin dia bertaubat pada-Ku lalu Aku ampunkan dan mungkin sahaja dia menggantikan kerja buruknya dengan amalan yang baik lalu Aku gantikan dosanya dengan pahala."

Inilah yang dimaksudkan dengan firman Allah:

إِنَّ ٱللَّهَ يُمْسِكُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ
وَٱلْأَرْضَ أَن تَزُولَا ۚ وَلَئِن زَالَتَآ إِنْ أَمْسَكَهُمَا مِنْ أَحَدٍ مِّنۢ بَعْدِهِۦٓ ۚ

Terjemahannya: Sesungguhnya *Allah menahan langit dan bumi dari terjatuh dan kalau keduanya terjatuh tiada* seorang *pun* yang *akan boleh menahan selain Dia.*

(Faathir: 41)

14. Rasulullah SAW bersabda:

'Ya Tuhanku, kurnialah aku dua mata yang suka berlinang menitiskan airmata sebelum datang saat di mana mata menitiskan darah dan gigi menjadi bara."

15. Ummul Mukminin Sayidatina Aisyah bertanya kepada Nabi SAW

'Wahai Rasulullah, apa adakah nanti umatmu yang dapat masuk syurga tanpa hisab?"

Jawab baginda: "Ada, iaitu orang yang mengenang-ngenang dosanya lalu dia menangis."

16. Yahaya bin Muaz r.a berkata:

"Malang sekali nasib keturunan Nabi Adam. Kalau mereka mencemaskan Neraka seperti mencemaskan kemiskinan tentulah dia akan masuk Syurga."

17. Diriwayatkan:

Bahawa seorang Nabi mengeluh kepada Allah bahawa dia telah menderita lapar, serangan tuma dan kekurangan pakaian selama bertahun-tahun dan pakaiannya hanyalah jubah bulu yang kasar dan Allah mewahyukan kepadanya:

'Wahai hamba-Ku, belumkah engkau senang hati bahawa hatimu telah Aku lindungi dari sikap kafir terhadap-Ku hingga engkau minta pula diberi keduniaan?"

18. Setengah ulama' salaf bermuuajat begini:

"Ya Allah, generasi mana yang tidak membuat kederhakaan pada-Mu namun Engkau tetap memberi rezeki kepada mereka. Sesungguhnya Maha Suci Engkau dan Maha Penyantun. "

"Demi kemuliaan-Mu, Engkau di derhakai manusia namun Engkau tetap menghujankan pemberian dan rezeki bagaikan Engkau tidak pandai marah, ya Tuhan kami."

9

Renungan Yang Patut Diambil Perhatian

FIRMAN ALLAH SWT:

تَكَادُ ٱلسَّمَٰوَٰتُ يَتَفَطَّرْنَ مِن فَوْقِهِنَّ ۚ وَٱلْمَلَٰٓئِكَةُ
يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِمَن فِى ٱلْأَرْضِ ۗ
أَلَآ إِنَّ ٱللَّهَ هُوَ ٱلْغَفُورُ ٱلرَّحِيمُ

Terjemahannya: Hampir-hampir langit itu pecah dari sebelah atasnya *(kerana* kebesaran *Tuhan) dan malaikat-malaikat bertasbih memuji Tuhannya dan memohon ampun bagi* orang *yang ada di bumi. Ingatlah bahawa sesungguhnya Allah Dia-lah yang Maha* Pengampun *lagi Maha Penya-Yang.*

(Asy Syura: 5)

Langit berserta isinya sungguh takut pada Allah kerana kebesaran-Nya, sebab itu langit seperti menangis. Dan malaikat-malaikat tidak berhenti-henti menghambakan diri pada memuji Allah dan mendoakan keselamatan manusia di bumi.

Manakala makhluk-makhluk bumi hanya sebahagian kecil sahaja yang menyedari kebesaran kerajaan

langit lalu turut mengabdikan diri sebagai penyerahan total pada Allah SWT. Mereka ini sangat membesarkan Allah dalam setiap perlakuan mereka.

Imam Bukhari misalnya telah merakamkan rasa kehambaannya pada Allah SWT dalam sajaknya. Rintihannya lebih kurang begini:

Di kda mulam yang sunyi sepi
sedang bani insan tenggelam dalam tidur dun mimpi
musajir yang malang ini tersentak bangun
pergi membasuh diri
untuk datang mengadapMu Tuhan.

Lemah lututku berdiri di hadapan-Mu
sedu-sedan tangisku keharuan
humba yang lemah serta hina ini
Engkau terima juga mendekat
bersimpuh di bawah Duli Kebesaran.

Tuhan
humba tidak tahu pasti
bagaimuna penerimaun-Mu
di kala mendengar pengaduan humba
yang penuh dosa dun noda ini.

Dalam wahyu yang Engizau nuzulkan
Engkau berjanji untuk sediu menerima pengaduan
dun sudi memberi keampunan.

Dan Muhammad Rasul-Mu yang mulia itu
ada mengatukan:
Ampunan Tuhun lebih besar dari kesalahan insan
humba percaya pada tutur kepastian itu
sebab itu hamba datang wahai Tuhan
bukan tidak redha dengan ujian

cuma hendak mengadu pada-Mu
tempat hamba kembali nanti
memohon sakinah, maghfirah dan mutmainnah.

Demikian bila hati sudah kembali kepada fitrahnya, maka manusia menjadi makhluk yang paling sempurna *(insaanul kamil).* Tetapi malang tidak semua manusia memilih jalan ini.

Di akhir zawan ini rasa kehambaan dalam hati hamba-hamba Allah suddh kurang sekali. Hati mereka jadi keras seperti batu. Allah menggambarkan ini dengan firman-Nya:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُم مِّنۢ بَعْدِ ذَٰلِكَ فَهِىَ كَٱلْحِجَارَةِ
أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً ۚ وَإِنَّ مِنَ ٱلْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ ٱلْأَنْهَٰرُ ۚ
وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقَّقُ فَيَخْرُجُ مِنْهُ ٱلْمَآءُ ۚ وَإِنَّ
مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ ٱللَّهِ ۗ وَمَا ٱللَّهُ
بِغَٰفِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Terjemahannya: Kemudian setelah itu hati kamu menjadi keras seperti batu atau lebih keras lagi. Paduhal di antara batu-batu itu ada yang terpancar mata air lalu *mengalir dan sesungguhnya sebahagian dari batu itu ada yang retak dan pecab lalu keluar air dari dalamnya. Dan ada pula batu yang* jatuh *meluncur kerana takut kepada Alla. Dan tidaklah Allah lalai terhadap apa yang kamu kerjakan.*

(Al Baqarah: 74)

Mereka bukan lagi memuja Allah tetapi memuja diri (nafsu) sendiri. Allah SWT tidak dibesarkan se-

layaknya. Dan syariat Tuhan lahir mahupun batin dijadikan bahan senyum dan mainan mereka semata-mata.

Tetapi selamat dan bahagiakah hidup mereka?
Damaikah negara mereka?
Amankah masyarakat mereka?
Tenangkah rumahtangga mereka?
Lapanghah dada mereka?
Puaskah nafsu mereka?
Dan di manakah syurga dunia yang mereka impi-impihan?

Hidup di tengah-t.engah gelombang nafsu ego dan rakus, hasad dengki, gila dunia, dendam dan bakhil, riak, ujub clan 1001 macam lagi kejahatan lahir dan batin, m;musia bukan sahaja tidak dapat memberi ketenangan pada masyarakat sekitarnya bahkan diri dan keluarga sendiri pun mereka gagal meletakkan dalam keadaan tenang.

Kuman-kuman hasad dengki, takbur, gila dunia, bakhil, riak dan lain-lain itu penuh mengerumuni hatinya. Ianya kian memunah-ranahkan kemurnian kemanusiaannya dan pasti tidak akan membenarkan hati manusia itu tenang dan diam.

Kejahatan-kejahatan ini akan sentiasa menggigit hati nurani manusia hingga hati itu sentiasa sakit.

Sudah kaya tidak puas apalagi kalau miskin. Sudah berpengikut tidak puas apalagi kalau keseorangan. Sudah sihat tidak puas apalagi kalau sakit. Sudah disanjung tidak puas apalagi kalau dihina.

Di dalam kubur nanti kuman-kuman itu akan menjelma menjadi ular dan kala yang menggigit dan mengunyah sekujur tubuh manusia hingga di Akhi-

rat mereka akan menyerupai api yang akan membakar dan membaham lahir dan batin manusia.

Ketenangan hati hanya akan diperolehi dengan mengakui kehambaan, kekurangan dan kelemahan ke hadrat Allah yang Maha Tinggi. Mengaku berdosa lahir dan batin, takut dengan kebesaran, kekuasaan dan hukum Allah, mengharapkan kebahagiaan Akhirat dengan melupakan penderitaan di dunia, berkasih sayang sesama manusia, zuhud terhadap dunia, ikhlas beramal semata-mata kerana Allah dan lain-lain rasa hati yang telah saya senaraikan sebelum ini.

Kebahagiaan di dunia ini ialah ketenangan hati. Dan hati-hati yang tenang ialah hati-hati yang selamat dari kejahatan-kejahatannya. Bila hati selamat maka barulah manusia akan dijemput Allah untuk menikmati kebahagiaan abadi dalam syurga *Jannatun Naim.* Firman Allah SWT:

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Terjemahannya: Pada hari manusia meninggalkan dunia ini tidak berguna harta dan anak-anak, kecuali mereka yang datang menghadap Allah membawa hati yang selamat.

(Asy Syuara': 88-89)

Mudah-mudahan Allah mengurniakan kita taufik dan pimpinan untuk mernperolehi hati yang selamat sebagaimana yang Dia nraksudkan. Amin.

Penutup

BERDASARKAN huraian yang telah dipaparkan, betapa susah mengenal hati dan diri sendiri. Dan kalau kita kenal pun betapa susah untuk mengubatinya, hingga dapat kita letak dia (hati) pada fungsinya kerana nafsu dan syaitan menghalang dan keindahan dunia dan nikmatnya yang sentiasa mempersona.

Kalau hati dan diri sendiri susah kita kenal, lebih-lebih lagi untuk mengubatinya, maka lebih lagilah susahnya untuk mengenal orang lain dan untuk mengubatinya.

Kejayaan orang-orang dahulu iaitu para salafussoleh, berjaya mengubati penyakit masyarakat kerana berjayanya mereka mengubati penyakit diri sendiri.

Di sinilah kelebihan dan keutamaan mereka dari kita. Tidak sepertimana kit.a di zaman ini (termasuk penulis sendiri) sama ada ulama-ulama, mubaligh-mubaligh, penulis-penulis Islam, para pemimpin masydrakat Islam belum kenal diri sendiri dan belum dapat mengubati penyakit diri sendiri.

Dengan sebab itulah penyakit-penyakit masyarakat payah diubat bahkan adakalanya penyakit masyarakat itu bertambah tenat (kronik) kerana disebabkan penyakit-penyakit diri kita sendiri.

Marilah kita sama-sama berdoa agar Allah sentia-

sa memimpin kita agar kita kenal diri dan penyakit sendiri dan selepas itu mampu pula mengubatinya.

Moga-moga dengan itu menjadi modal untuk dapat mengubat penyakit masyarakat yang telah kronik supaya setiap hati jadi bersih dan masyarakat kembali pulih untuk kembali menempa sejarah salafussoleh.

Demikianlah aku tutup buku ini dengan memohon ampun kepada Tuhan Yang Ghafur Lagi Rahman sekiranya ku tulis buku ini atas dasar nafsu atau kemasyhuran.

Kalau Allah menganggap ini ialah amal soleh dariku, maka pahalanya kuhadiahkan kepada roh ibu bapaku, guru-guruku yang telah mendidik aku dan mereka yang telah berjasa padaku serta mereka yang telah pernah mencerca di belakangku.

"Wahai Tuhan, terimalah buku ini dari hambamu yang dhaif ini. Amin ya Rabbal Alamin.

Mengenal Diri melalui rasa hati

HIDUP yang lahir ini samada yang baik mahupun buruk, yang datang dari tindakan seseorang itu, sebenarnya ada rahsia yang tersembunyi di dalam diri manusia itu yang mendorong ia berbuat demikian. Ataupun dengan kata lain, ianya berpunca dari rasa hati, yang kebanyakan manusia tidak dapat mengesaninya kecuali orang-orang yang terentu yang mempunyai basyirah ataupun pandangan hati yang tembus.

Begitu juga ada tindak-tanduk manusia yang yang lahir ini yang nampaknya baik, tiada yang cacat, tetapi pada pandangan Allah ada cacatnya, kerana ada kemahuan yang tersembunyi dari kemahuan batin manusia itu (حظوظ النفس) yang terpaksa melahirkan suasana baik itu. Kadang-kadang manusia yang punya kemahuan itu sendiri pun tidak sedar kecuali orang-orang yang dipimpin oleh Allah.

Untuk mengetahui hakikat sebenar kejadian itu, tatapilah buku ini, insya-Allah.

